Hak Pengarang Terpelihara

310951

22 MAY 1984
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandongan	Halaman
Kandugoan	iii
Sa-patah Kata Penerbit	iv
Pendahuluan	1 — 2
Malaysia	3 — 5
Gagasan Malaysia	5 — 19
Kelahiran Malaysia	20 — 50
Pendudok2 Malaysia	50 — 58
Warganegara Malaysia	58 — 65
Bahasa Kebangsaan	65 — 69
Ugama Islam	69 — 70
Hak2 Istimewa Orang2 Melayu	70 — 73
Dasar Luar Negeri	74 — 78
Tanah Melayu 'Alam Dan Kedudokan	78 — 81
Tanah Melayu Negeri Pertanian	82 — 95
Sejarah Tanah Melayu	96 — 105
Inggeris Menchampori Politik Negeri2 Melayu	106
Negeri2 Di-Utara Tanah Melayu	107 — 108
Zaman Pendudokan Jepun	108 — 109
British Balek Sa-mula	109 — 112
Negeri2 Dalam 'Tanah Melayu	113 — 134
Singapura	135 — 148
Negeri Sarawak	149 — 171
Sabah (North Borneo)	172 — 184
Pembahagian Kerja Menteri2 Malaysia	185 — 194
Lagu Kebangsaan	194 — 195
Lagu Negara Ku	195
Detek2 Perkembangan Sa-lanjut Pembentokan Malaysia	195 — 198

YAMS

Sa-patah Kata Penerbit

Kami bershukor beroleh kesempatan menerbitkan buku ini untok menambah-banyakkan lagi bilangan buku2 dalam perpustakaan ibunda.

Buku ini memperinchikan pembicharaan tentang tanahayer dari zaman sa-belum merdeka sampai terbentok-nya gagasan Malaysia sa-terus-nya ka-pes konfrontasi sekarang dari berbagai segi sejarah, jiograpi dan politik. Kata orang tua2 "*Ta' kenal, maka ta' chinta*". Maka buku ini sa-bagai tujuan utama-nya telah berjaya memperkenalkan tanahayer dengan dekat untok membangkitkan rasa chinta yang mendalam di-hati putera puteri-nya kerana sabda Nabi "*Chintakan tanahayer sa-bahagian dari iman*".

Kami harap buku ini akan berguna besar menjadi teropong dekat untok meninjau tanahayer Malaysia kapada seluroh pembacha2-nya.

Pengurus,

Percheta kan Pustaka Dian.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Tuanku Syed Putera ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail

Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia Tengku Badariah binti Almarhum Tengku Ismail

Pendahuluan

Buku ini di-susun ia-lah kerana bersempana dengan wujud-nya Negara Malaysia, gagasan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj.

Ranchangan penyatuan negara dan bangsa mengikut dasar dan kemahuan umat pendudok negeri2 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah, bukan sahaja ra'ayat negeri2 itu menjadi satu bangsa yang sa-taraf dan lebeh besar, tetapi negeri dan ra'ayat-nya dapat hidup bebas dan Merdeka lebeh awal dari yang di-jangkakan dengan mengechap ni'mat yang sama bagaimana ra'ayat Tanah Melayu dan lain2 negeri yang merdeka.

Oleh sebab negeri2 ini di-cheraikan oleh kuasa penjajahan beberapa lama, maka menyebabkan negeri dan ra'ayat-nya tinggal jauh ka-belakang dalam kemajuan, ra'ayat sa-sabuah negeri dalam Malaysia ini kurang mengetahui dan mengenal bagaimana rupa dan keadaan negeri2 lain dalam Malaysia itu.

Pendudok2 Tanah Melayu mengetahui sangat sadikit hal ahwal negeri2 Sarawak dan Sabah. Bagitu-lah sa-balek-nya.

Maka dengan buku ini di-harap sa-bagai permulaan dapat-lah pendudok2 sa-sabuah negeri dalam Malaysia mengenal keadaan negeri2 yang lain dalam politik, ekonomi, pentadbiran dan masharakat-nya.

Bagi murid2 di-bangku sekolah khas-nya di-bahagian menengah dapat-lah mempelajari 'Ilmu 'Alam, Sejarah, Ekonomi pendudok2 dalam negeri kita sendiri dengan lebeh mendalam.

Buku ini mengandongi hal ahwal negeri2 dalam Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah, sa-belum tiga buah negeri yang kemudian itu merdeka.

Isi buku ini di-petek dan di-susun dari berbagai2 buku risalah2 dan penyata2 Kerajaan yang berkenaan dengan negeri2 itu. Walau bagaimana pun maseh banyak kekurangan-nya.

Abdul Hamid bin Mahmud, JMN.

Kota Bharu.
25. 5. 64

MALAYSIA

Malaysia ia-lah Persekutuan antara 11 buah negeri2 dalam Tanah Melayu, ia-itu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Trengganu, deng n Singapura, Sarawak dan Sabah, ia-itu gagasan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj.

Chita2 hendak mendirikan Negara Persekutuan Malaysia ada-lah satu chita2 persekutuan politik yang lama telah di-fikir dan di-bahathkan. Sa-belum Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 di-chiptakan, chita2 hendak menamakan **Persekutuan Malaysia** bagi Tanah Melayu ini telah pun di-timbangkan sa-belum Malaya merdeka lagi dan telah di-setujui oleh Party Perikatan; tetapi oleh kerana sebab2 yang tertentu chadangan itu telah di-ketepikan dahulu.

Dasar luar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terhadap tanah2 jajahan di-seluroh dunia ia-lah bekerjasama bagi memerdekakan negeri2 itu dari penjajahan. Persekutuan menentang dasar membeza2kan warna kulit di-Afrika Selatan, menentang pena'alokan China ka-atas Negeri Tibet, menyokong penoh Kerajaan Samentara Algeria dahulu dan perjuangan-nya, Persekutuan Tanah Melayu mengundi bersetuju dalam Bangsa2 Bersatu supaya Irian Barat di-kembalikan kapada Indonesia menerusi Bangsa2 Bersatu, Persekutuan Tanah Melayu dalam Bangsa2 Bersatu sama2 menchadangkan anti penjajahan dan supaya ra'ayat menentukan nasib mereka sendiri di negeri2 tanah jajahan, kerana perjuangan Persekutuan Tanah Melayu di-Bangsa2 Bersatu menentang penjajahan. Persekutuan Tanah Melayu telah di-pileh menjadi ahli Jawatan Kuasa Kechil berkenaan Negeri Angola.

Negara2 tetangga yang maseh terjajah sa-belum 31 Ogos, 1963 yang memerlukan Persekutuan Tanah Melayu berikhtiar memerdekakan-nya ia-lah **Singapura,**

Sarawak, Brunei dan **Sabah** dari penjajahan British.

Singapura mempunyai taraf pemerentahan sendiri yang penoh dalam negeri, manakala dalam so'al perniagaan dan kebudayaan Singapura boleh berhubong sendiri dengan negara2 asing. Tetapi oleh sebab Singapura itu kechil, ra'ayat-nya tersangat ramai dari berbagai2 bangsa dan keturunan, juga menjadi Pusat Pelabohan dan Perdagangan yang besar, dan tempat stratiji tentera British serta pula pengaroh komunis yang chergas, maka jalan Singapura hendak Merdeka atas kaki-nya sendiri sangat-lah jauh.

Ahli2 politik Singapura dan Tanah Melayu berpendapat satu jalan sahaja bagi Singapura menchapai kemerdekaan-nya, ia-itu dengan menerusi perchantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu. Negeri Brunei pula sa-buah negeri pemerentahan sendiri yang penoh dalam negeri saperti Singapura, tetapi di-sebabkan oleh kerana negeri Brunei itu sangat kechil dan pendudok2-nya bukan sahaja kechil, tetapi banyak lagi perkara2 lain yang menjadikan negeri itu sangat jauh dari Merdeka dan berdiri atas kaki sendiri.

Saperti Singapura, Brunei juga dapat menchapai kemerdekaan-nya dengan jalan berchantum dengan Persekutuan Malaysia. Tetapi masa ini Brunei belum mahu bersekutu dalam Persekutuan Malaysia.

Negeri Sarawak dan Sabah, kedua2-nya maseh jauh dari kemajuan politik, ekonomi, pelajaran dan keadaan masharakat jauh tertinggal di-belakang oleh dasar penjajahan di-sana pada masa yang lampau, maka amat-lah payah negeri2 itu hendak berdiri sendiri dan merdeka, sedangkan party2 politik pun baharu tertuboh dalam dua tiga tahun yang belakangan ini sahaja.

Persekutuan Tanah Melayu sedar, bahawa faham komunis itu boleh berkembang biak dalam Tanah Melayu di-zaman Penjajahan British, sa-hingga mereka berani mengangkat seniata melawan penjajahan di-Tanah Melayu dan mereka chuba hendak mendirikan negara Republik Ra'ayat Malaya; tetapi bila Tanah Melayu

Merdeka, baharu-lah faham komunis itu dapat di-basmikan. Pengaroh komunizam tidak akan biak dalam Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah. Jika negeri2 itu telah merdeka dan aman bahagia.

GAGASAN MALAYSIA

Pada 27 hb. May, 1961 Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman Putera, sa-bagai menyambong chita2 ra'ayat Malaya dan tiga jajahan di-Borneo, telah berkata di-Singapura, "Bahawa patut-lah ada persekutuan politik dan ekonomi yang lebeh rapat antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan dua buah jajahan di-Borneo",

Pada 3 hb. June, 1961 pada hari International Singapura, Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah menjawab uchapan Tengku itu dengan berkata, "Bahawa jika perchantuman akan menjadikan lebeh chepat merdeka dan akan menjadi lebeh senang lagi bila jajahan2 di-Borneo masok berchantum bersama2 kita dalam kesempurnaan politik dengan Tanah Melayu, maka kita ada-lah menyokong-nya, kerana dengan ini juga bererti bahawa kita menjadi lebeh besar dan lebeh kuat kubu ekonomi untok bangsa kita.

Pada 9 hb. June, 1961, Dr. Toh Chin Chye telah memashhorkan bahawa Kerajaan Petir akan mengadakan perbinchangan Perlembagaan dalam tahun 1963 untok mendapatkan kemerdekaan menerusi perchantuman, di-bawah sharat2 yang memberi kuasa autonomi dalam pelajaran dan perborohan bagi Singapura.

Dalam bul n July, 1961 Persekutuan Ahli2 Parliman Commonwealth yang telah mengadakan meshuarat daerah-nya di-Singapura telah menubohkan sa-buah **Badan** bernama **Jawatan Kuasa Setia Kawan** bagi mengkaji dan mengumpulkan pandangan2 mengenai Gagasan Malaysia Tengku Perdana Menteri Persekutuan

Tanah Melayu.

Pada 23 hb. August, 1961 meshuarat pertama antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan Perdana Menteri Singapura berkenaan perchantuman telah di-adakan, kemudian bersama2 telah mengeluarkan kenyataan persetujuan yang di-chapai pada dasar-nya terhadap chadangan perchantuman Singapura ka-dalam Persekutuan Tanah Melayu, manakala tanggong-jawab dalam perkara2 **Luar Negeri**, **Pertahanan** dan **Keselamatan Dalam Negeri** Singapura akan terserah kapada Kerajaan Pusat. Kerajaan Singapura mempunyai kuasa autonomi dalam pelajaran dan perborohan. Sa-lanjut-nya telah di-persetujui bahawa satu Badan Kerja (Working Party) akan di-tubohkan bagi mengatasi so'al keewangan dan hal2 yang terbit daripada perkara hak autonomi tempatan yang akan di-pegang oleh Singapura saperti perkara2 yang telah di-persetujukan itu dan juga bagi menimbangkan keewangan yang di-perlu oleh Singapura dari Kerajaan Pusat.

Kemudian dari itu beberapa perjumpaan telah di-adakan antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan Perdana Menteri Singapura.

Pada 16 hb. Oktober, 1961 Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu membawa chadangan Gagasan Malaysia itu ka-dalam Parliman. Tengku Perdana Menteri telah menyatakan dalam Parliman bahawa perchantuman Singapura ka-dalam Persekutuan Tanah Melayu sama-lah saperti keadaan Negeri Ireland Utara berchantum ka-dalam Great Britain, yang mana menjadi Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura satu anggota. Bagaimana Ireland Utara, bagitu-lah Singapura akan mendapat satu bentok pemerentahan sendiri dalam perkara2 tempatan.

Tengku menyatakan lagi bahawa rupa perlembagaan Singapura ada-lah saperti Ireland Utara, yang mana Singapura akan merupakan sa-bahagian dari Persekutuan Malaysia. Singapura akan memileh

wakil2-nya sa-chara langsong ka-Parliman Kebangsaan Malaysia. Perkara Undang2 dan Pentadbiran Tempatan akan di-beri kuat-kuasa kapada Kerajaan Singapura.

Dan lagi Tengku menyatakan bahawa Badan Kerja atau Working Party itu akan mengkaji so'al warganegara yang berasingan antara warganegara Tanah Melayu dengan warganegara Singapura; tetapi mempunyai kebangsaan yang sama.

Pada 18 hb. Oktober, 1961 ia-itu hari berakhir-nya perbahathan di-Parliman, Gagasan Malaysia itu telah di-luluskan.

Dewan Perhimpunan Undangan Singapura Meluluskan Perchantuman.

Untok meluluskan perchantuman Singapura ka-dalam Persekutuan Tanah Melayu, Dewan Undangan Singapura telah mengadakan sidang dan telah berbahath sa-lama 13 hari dan berakhir pada 6 hb. December, 1961 dengan meluluskan chadangan daripada Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew yang berbunyi:

"Bahawa Dewan Undangan ini memashhorkan sokongan pada dasar-nya terhadap Malaysia yang lebeh besar ranchangan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman".

Dan chadangan daripada Inche Ahmad Ibrahim yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengesahkan dan memashhorkan bahawa tujuan pertama daripada pejuang2 yang jujor bagi Malaya ia-lah untok menchapai perpaduan Malaya dan Singapura dengan perchantuman".

Pendapat Pemimpin2 Malaysia.

Sa-telah Gagasan Malaysia itu di-hebahkan oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman, pemimpin2 party politik di-luar Party Perikatan dan Party2 Pembangkang, megikut berita2 dalam surat2 khabar, pada dasar-nya, mereka menyokong Gagasan Malaysia itu dan pendapat sa-tengah2 dari mereka itu ia-lah:-

"Saya bersetuju dengan perchantuman pada dasar-nya kerana ini ia-lah satu hasil biasa bagi sejarah. Sa-balek-nya orang2 di-jajahan Malaysia jika menurut sejarah ada-lah mempunyai chita2 yang sama".

Ishak H. Mohamed
Pengurusi Front Sosialis.

"Pada dasar-nya ranchangan Tengku ia-lah satu chadangan yang baik yang patut menerima sokongan".

Ahmad Boestamam
President Party Ra'ayat.

"Kami Barisan Sosialis sentiasa menyokong Malaysia yang di-gerakkan oleh sebab ekonomi".

Tan Phok Kin
Pemimpin Barisan Sosialis.

"Kami berdo'a dengan rahmat Allah akan ter-champai-lah chita2 Tengku untok menubohkan sa-buah Malaysia yang berbahagia. Kami berharap bahawa chita2 ini akan di-lahirkan dengan segera menerusi perdamaian dan chara2 Perlembagaan".

Sandah anak Penghulu Jarrau
Ahli Council Negeri, Sarawak.

"Dalam pandangan diri beta, Gagasan ini ada-lah satu perkara yang sangat menarek, kerana pertalian ugama, kaum, 'adat resam, dan kebudayaan di-antara negeri ini dengan lain2 negeri Malaysia sangat kuat".

D. Y. M. M. Sultan Brunei
dalam Council Negeri, 5 . 12 . 1961.

"Kaum pekerja Malaya berdo'a untok mendapat kejayaan akan Surohanjaya Tengku berkenaan Gagasan Malaysia".

M. T. U. C.
(Telegram ka-London)

"Pada 24.10.1961 dalam Majlis Ketua2 Kaum Sabah,26 dari 27 ahli telah mengundi menyokong Gagasan Malaysia manakala sa-orang tidak mengundi, dengan penegasan bahawa Kerajaan Sabah hendak-lah tidak di-Malayankan".

Majlis Ketua2 Kaum
Sabah.

"Saya telah berpeluang menemui Menteri2 Singapura dan mempelajari lebeh jauh ranchangan perchantuman antara Singapura dan Malaya waktu lawatan saya yang pendek di-Singapura ini. Ranchangan ini sangat tertarek kapada kita. Semua orang menyokong Malaysia".

Ong Kee Hui
Pengurusi S. U. P. P. Sarawak.

"Komunis chergas di-Sarawak. Mereka berharap untok merampas kuasa. Sebab itu berfaedah besar-lah negeri Serawak menjadi sa-bahagian negara Malaysia yang lebeh besar bila Britain menyerahkan tanggong jawab-nya atas negeri ini".

Dato' Bandar Abang Haji Mustapha.
Pengurusi Party Negara Serawak.

"Tuan2 mesti-lah sedar bahawa perubahan politik sedang bergerak dengan chepat dalam kawasan ini. Jika kita tidak mendapat faedah dari ranchangan Malaysia kita harus hilang peluang yang baik ini. Negeri Sabah berkehendak berchantum dalam Malaysia dengan sa-berapa segera yang boleh. Kita perchaya kapada gerak perubahan2 dunia hari ini, dengan sebab itu faedah2 yang paling baik kapada Negeri Sabah ia-lah menjadi satu pasokan dengan Malaya menerusi Malaysia".

Donald Stephens
Pemimpin Pertubohan Kebangsaan
Kadazan Bersatu, Negeri Sabah.

"Lebeh chepat ranchangan Malaysia di-jalankan, menjadi lebeh baik kapada semua jajahan2 yang berkenaan. Kita menyokong penoh Gagasan Malaysia yang lebeh besar. Perchantuman itu akan mendatangkan kemajuan kapada negeri2 yang berkenaan dan dengan persatuan ra'ayat2-nya akan menjadi satu keluarga yang besar".

Abang Othman Moasili
Setia Usaha Agong Party Negara Sarawak.

"Bersetuju dengan Gagasan mendirikan Malaysia yang terdiri dari 11 negeri2 dalam Tanah Melayu, negeri2 Singapura, Sarawak dan Sabah. Dan memberi sokongan penoh dan keperchayaan kapada Tengku Abdul Rahman dan Kerajaan untok melaksanakan Gagasan ini".

Meshuarat Perwakilan UMNO.
4. 11. 1961.

"Tuan2 tidak patut menolak tawaran persahabatan dari Malaya mengenai Malaysia saperti yang di-kemukakan oleh Perdana Menteri Malaya Tengku Abdul Rahman . . . . . ada-lah benar negeri Sabah ini terkebelakang dari Malaya dan belum bersedia untok mentadbirkan diri sendiri. Tetapi pada hari ini perubahan2 sedang bergerak dengan chepat dan pemerentahan sendiri datang dengan pantas. Apabila tiba hari yang akhir bagi negeri ini menjadi jajahan ta'alok Britain, tuan2 akan berhajat kapada sahabat2. Boleh-kah tuan2 mendapat sahabat yang lebeh baik dari Malaya?".

Sir William Goode,
Gobnor Negeri Sabah.

Jawatan Kuasa Setia Kawan Malaysia.

Ada-pun JSKM atau The Malaysia Solidarity Consultative Committee yang telah di-tubohkan pada 27 hb. July, 1961 itu telah mengadakan beberapa kali meshuarat ia-itu di-Jesselton, Kuching, Singapura dan Kuala Lumpur. Daripada meshuarat2 itu telah di-buat satu penyata yang akan menjadi chadangan untok di-hantar kapada **Surohanjaya Cobbold**. Di-bawah ini di-terangkan 12 dari 44 perkara yang telah di-putuskan

oleh JSKM itu:—

1. JSKM ini menyokong pembentokan negara Malaysia.

2. Bersetuju Hal Ahwal Luar Negeri, Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri terletak dalam tangan Kerajaan Pusat Malaysia. Berkenaan Singapura, JSKM ini bersetuju supaya Singapura mengadakan penyelesaian sendiri dengan Persekutuan Tanah Melayu. Kawalan2 bagi keselamatan tempatan yang tertentu di-adakan bagi mengawal keselamatan pendudok2 dan bumi putera.

3. Negeri Brunei ia-lah negeri berpemerentahan sendiri dan terserah-lah kapada Brunei sendiri sama ada mahu masok Malaysia atau tidak.

4. Kedaulatan negeri2 dalam Malaysia terletak pada Kerajaan Malaysia dan Kepala Negara-nya ia-lah Yang Di-Pertuan Agong, dan Raja2 bagi tiap2 negeri akan di-jamin kedudokan-nya dalam Malaysia.

5. Islam di-terima menjadi Ugama Resmi Malaysia, manakala ugama2 lain bebas bergerak dan tiap2 orang tidak boleh di-paksa menganut mana2 ugama.

6. Hak2 Kebebasan Manusia: JSKM ini bersetuju bagaimana yang tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang.

7. Pilehanraya kerana memileh wakil2-nya ka-Parliman bagi Negeri Sabah ada-lah perkara yang akan di-timbangkan oleh Surohanjaya Penyiasat.

8. Ketua Executive bagi Negeri Sarawak dan Sabah akan bergelar **Ketua Menteri** yang akan di-pileh dari Ahli2 Council Negeri dan Ketua Menteri akan memileh Ahli2 Suprime Council (Majlis Kerja Kerajaan) negeri2 itu.

9. Bahasa Kebangsaan: JSKM ini bersetuju Bahasa Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang menjadi Bahasa Kebangsaan Malaysia dan

bahasa Inggeris menjadi bahasa resmi dalam masa 10 tahun sa-lepas Hari Malaysia dan boleh menjadi bahasa pengantar di- sekolah2.

10. Imigereshen: akan di-letak di-bawah Kerajaan Pusat Malaysia yang memegang tanggong-jawab mengawal, melindongi tanah2, pekerjaan dalam Negeri Sarawak dan Sabah.

11. Warganegara: JSKM ini bersetuju supaya memakai satu nama warganegara dan satu kebangsaan. Warganegara Sarawak dan Sabah dan ra'ayat British akan menjadi warganegara Malaysia.

12. Bumi putera dalam Negeri Sarawak dan Sabah itu hendak-lah menjadi sama kedudokan-nya saperti orang2 Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu, manakala hak2 kaum yang lain di-jamin oleh Perlem-bagaan Malaysia.

Ahli2 Jawatan-Kuasa Setia-Kawan Malaysia.

Pengurusi:	Inche Donald A. Stephens.
Pemerhati dari Brunei:	Dato' Pengeran 'Ali bin Pengeran Daud. **Ketua.** Dato' Setia Pengeran Hj. Md. Yusoff. Hj. Jamil P. U. K. Awang Haji Omar. Dato' Temenggong Cheng Choo. Dato' Abdul 'Aziz bin Hj. Md. Zain.
Wakil Sabah:	O. K. K. Dato' Mustapha bin Dato' Harun. **Ketua.** Pang Tet Tshung. O. K. K. G. S. Sundang. Lai En Kong.
Wakil Sarawak:	Yew Cheng Hoe. **Ketua.** Ong Kee Hui. Temenggong Jugah anak

	Barieng. Pengarah Montegrai anak Tugang. Dato' Abang Hj. Openg. Lim Beng Siew.
Wakil Singapura:	Lee Kuan Yew. Ahmad bin Ibrahim. S. Rajaratnam. Dato' Abdul Hamid Hj. Jumat.
Wakil Persekutuan Tanah Melayu:	Mohamed Khair Johari. **Ketua.** Md. Ismail bin Md. Yusoff. V. Manickavasagam. Dr. Burhanuddin bin Md. Noor. Syed Esa bin Alwee. Abdul Ghani bin Ishak.

Pada 20 dan 22 hb. November, 1961 perbinchangan2 telah di-adakan antara Kerajaan British dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-London dan persetujuan telah di-chapai untok membentokkan Negara Malaysia. Pada 16 hb. January, 1962 Kerajaan British telah melantekkan Lord Cobbold menjadi Pengurusi Surohanjaya Penyiasat dan 4 orang ahli-nya juga telah di-lantekkan oleh kedua2 Kerajaan ia-itu:-

Lord Cobbold pengurusi.
Sir Anthony Abel KCMG.
Sir David Watherson, KBE, CMG.
(K. B. E., C. M. G.).
Dato' Wong Pow Nee, PMN.
Inche Ghazali bin Shafi'e.

Pada 12 hb. February, 1962 semua Ahli Surohanjaya Cobbold ini telah berhimpun di-Singapura dan pada keesokan hari-nya Surohanjaya itu telah tiba di-Kuching, Sarawak.

Dalam menjalankan tugas-nya, Surohanjaya ini telah menjalankan penyiasatan di-seluroh Negeri Sarawak dan Sabah dan telah menemui 4000 orang dalam 690 kumpulan yang terdiri dari satu hingga lima puloh orang pada satu2 kumpulan dan akhir-nya Surohanjaya ini telah menammatkan Penyata-nya pada 21 hb. June, 1961 saperti Penyata No. 12 tahun 1962.

Penyata Cobbold ini telah membuat keputusan, bahawa sa-bahagian besar dari ra'ayat Sarawak dan Sabah bersetuju berchantum dalam Malaysia.

Kemudian dalam bulan July, 1962 telah di-adakan perundingan di-London antara wakil2 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah dengan Kerajaan British mengenai Penyata Cobbold itu dan di-akhir perundingan itu telah di-chapai persetujuan pada 8 hb. July, 1962 dan wakil2 antara Kerajaan itu masing2 telah menurunkan tanda-tangan-nya.

Konfrantasi.

Tatakala Tengku Perdana Menteri mula2 mengeluarkan chadangan Gagasan Malaysia dalam tahun 1961, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio telah menyatakan di-New-York bahawa Indonesia tidak ada apa2 halangan mengenai Gagasan Malaysia Tengku itu dan bagitu juga masa itu di-Jakarta tidak ada berita dari mana2 pemimpin Indonesia menyatakan tidak bersetuju dengan Gagasan Malaysia itu.

Tetapi tidak berapa lama kemudian, Tuan D. N. Aidit, Setia Usaha Agong Party Komunis Indonesia telah mengeluarkan pendapat-nya bahawa Gagasan Malaysia itu sa-bagai satu ranchangan penjajahan baharu. Dan kemudian dari itu lepas sa-orang, sa-orang pula pemimpin Indonesia memberi pandangan atas Gagasan Malaysia itu.

Dalam bulan January, 1963 Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio telah mengeluarkan perkataan **Konfrantasi** (confrontation) Indonesia terhadap

Persekutuan Tanah Melayu dan pada hari itu dia telah mensifatkan Gagasan Malaysia itu sa-bagai New Colonialist (penjajahan berbentok baharu) yang tidak harus di-biarkan dan ia menerangkan tidak bersetujunya dengan Gagasan Malaysia yang telah memasokkan Sarawak dan Sabah itu. Di-samping itu ia menyokong pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara yang di-kepalai oleh Shaikh Azhari itu.

Konfrantasi yang di-laungkan oleh Dr. Subandrio itu telah di-sokong dengan kuat oleh President Soekarno.

Dalam bulan February, 1963, Penolong Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Narasimhan, telah melawat Negeri2 Tanah Melayu, Singapura, Indonesia, Sarawak dan Sabah kerana meninjau hasrat ra'ayat di-wilayah2 itu mengenai Malaysia. Sa-telah tammat lawatan-nya itu dia telah mengeluarkan pendapat-nya bahawa ra'ayat2 Sarawak dan Sabah menyetujui Malaysia.

Oleh sebab konfrantasi Indonesia itu makin sa-hari makin berat tekanan-nya terhadap Tanah Melayu, Tengku Perdana Menteri telah bersetuju dengan jemputan Soekarno dan telah pergi ka-Tokyo di-akhir bulan May, 1963 untok berunding lebeh lanjut dengan-nya. Suasana dalam persidangan itu nampak-nya chukup memuaskan hati dan di-akhir perundingan itu telah menghasilkan persetujuan yang baik ia-itu persidangan Ketua2 Kerajaan Malaya, Indonesia dan Philipina akan di-adakan bagi menyelesaikan masa'alah Malaysia dengan di-dahului oleh meshuarat peringkat Menteri2 Luar ketiga2 negara yang berkenaan itu.

Dalam pertengahan bulan June, 1963 satu persidangan Menteri2 Luar Malaya, Philipina dan Indonesia telah di-adakan di-Manila, ibu Negeri Philipina. Persidangan ini ia-lah untok membuat dan merangka ajenda2 yang akan di-bawa ka-dalam persidangan Ketua2 Kerajaan yang tersebut.

Di-akhir bulan itu juga Tun Razak sa-bagai Timbalan Perdana Menteri dengan rombongan-nya telah berangkat ka-London dan telah menanda-tangani Perjanjian Malaysia antara wakil2 Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah pada 9 hb. July, 1963.

Kemudian pada 30 hb. July hingga 5 hb. August, 1963 satu Sidang Kemunchak di-antara Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman, President Soekarno dan President Macapagal telah di-adakan di-Manila. Persidangan itu telah menchapai kata sa-pakat bagi meredakan ketegangan antara Indonesia, Philipina dengan Malaya mengenai Malaysia.

Sa-chara rengkas Persetujuan Manila itu berbunyi:—

1. Mereka menerima laporan Menteri2 Luar ketiga2 negara yang telah di-adakan di-Manila itu.

2. Untok mengadakan asas persetujuan itu, Kapala2 Kerajaan itu telah mengeluarkan Perishtiharan Manila.

3. Ketiga2 Kepala Kerajaan itu telah menyelesaikan berbagai2 perkara yang sedang berlaku mengenai kepentingan bersama.

4. Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu atau wakil-nya hendak-lah menentukan hasrat ra'ayat di-wilayah2 Sarawak dan Sabah sa-belum pembentokan Malaysia. Hasrat ra'ayat itu hendak-lah sama saperti kandongan ketetapan Perhimpunan Agong Bangsa2 Bersatu dan Setia Usaha Agong itu boleh-lah menggunakan chara2 baharu dalam meninjau hasrat ra'ayat Sarawak dan Sabah itu supaya di-turut dengan sa-penohnya asas2 menentukan nasib sendiri, dengan memperhitongkan perkara2 di-bawah ini:—

Bahawa pilehanraya 'umum baharu2 ini di-Sarawak dan Sabah hendak-lah di-selideki dengan lebeh lanjut dan memuaskan hati-nya sendiri ada-kah:-

KELAHIRAN MALAYSIA

Pada 16 hb. September, 1963 ia-itu 16 hari lewat dari jadual yang telah di-tetapkan, lahir-lah sa-buah negara baharu yang di-namakan Persekutuan Malaysia.

Tepat pukul 8.20 pagi, di-Stadium Merdeka di-Ibu-Kota Kuala Lumpur, di-hadapan Raja2 Melayu, wakil2 Singapura, Sarawak, Sabah, wakil negara2 asing, pembesar2 negeri dan ra'ayat jelata yang berjumlah lebeh 20,000 orang, bendera Negara Malaysia yang mengandongi 14 jalor2 merah puteh dan bintang yang mengandongi 14 juring itu telah selamat di-naikkan dan berkebar dengan megah-nya menggantikan bendera Persekutuan Tanah Melayu, di-dalam suatu upachara yang bersemangat.

Sa-jurus sa-belum bendera itu di-naikkan ka-punchak tiang-nya oleh Kapitan Tengku Ahmad Nerang, anakanda Tengku Abdul Rahman Petra, Perdana Menteri telah mengajak seluroh ra'ayat berikrar: "Bersumpah pada hari dan sa'at yang gemilang ini dengan nama Allah Yang Maha Kuasa, bahawa sa-sunggoh-nya kita akan mempertahankan bendera, bangsa dan negara kita dengan segala daya kita sa-kali pun dengan jiwa dan darah kita".

Pada sa'at itu juga 101 ekor burong merpati di-lepaskan dari kurongan-nya oleh Rosnah 'Akasah yang ber'umor 13 tahun yang menjadi pemenang pingat **Hang Tuah**, sa-bagai pernyataan lahir-nya Negara Persekutuan Malaysia.

Pasokan Tentera Malaysia yang terdiri dari 'Askar Melayu Di-Raja, Tentera Udara Di-Raja, Polis, Tentera Wataniah, Pasokan Polis Sukarela, Senoi Prak, Persatuan Bekas Ahli2 Pasokan Keselamatan, Kedet2 Sekolah, Pandu, Pandu Wanita, Pertubohan Pertolongan Chemas, Pertubohan Palang Merah, Brigade Budak2 dan Kumpulan Pertolongan Nyawa Wanita, telah berbaris di-Padang Stadium Merdeka

Kemerdekaan Menerusi Malaysia

"Sa-telah menyemak dengan teliti akan peri mustahak-nya pekerjaan Mission (Surohanjaya) itu dan mengambil tahu akan bentok nya, saya telah menyebelah pehak sa-bahagian besar pendudok2 di-Sarawak dan Sabah yang telah memutuskan mengenai nasib mereka akan datang, untok mengambil bahagian dalam Persekutuan Malaysia".

Saya telah memberi pendapat yang menasabah untok kebahagiaan mereka akan datang. Saya perchaya yang kebanyakan mereka itu telah mengambil keputusan untok menchapai kemerdekaan dengan jalan berchantum dengan negara2 lain, yang mana mengikut fikiran mereka sendiri ia-lah kerana keturunan, agama, kebudayaan, ekonomi, persaudaraan, pandangan dan tujuan yang sama. Tidak-lah pendapat ini mendapat timbangan yang sama; tetapi saya memberi keputusan bahawa sa-bahagian besar ra'ayat kedua2 wilayah itu ingin bersatu dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura di-dalam persekutuan yang lebeh besar dan dengan menerusi perchantuman ini-lah mereka akan berjuang bersama2 dan sedar akan berhasil nya tujuan mereka".

Kemahuan Ra'ayat

"Patut-lah di-fikirkan persetujuan antara ketiga2 Kerajaan yang mengambil bahagian di-dalam perjumpaan di-Manila dan juga pendapat2 Republik Indonesia dan Republik Philipina, bahawa mereka akan menyambut baik akan penubohan Malaysia, dengan sharat mendapat sokongan orang2 di-wilayah yang berkenaan dan telah di-tentukan oleh saya, yang mana di-dalam pendapat saya ada-lah mengikut asas2 menentukan nasib sendiri bagaimana kehendak keputusan Persidangan Agong 1541 (XV) asas IX di-mana keputusan saya di-dasarkan tentang kemahuan ra'ayat terbanyak dari wilayah2 tersebut untok memasoki Penubohan Malaysia".

Sd.

(U. Thant)

Setia Usaha Agong B. Bersatu.

12. President Soekarno dan Tengku Abdul Rahman menyatakan penghargaan yang tinggi terhadap daya utama President Macapagal.

Pada 12 hb. August, 1963, Parliman Persekutuan Tanah Melayu telah membahathkan Rang Undang2 Malaysia dan akhir-nya Rang Undang2 itu telah di-luluskan dengan mendapat undi suara terbanyak.

Pada 29 hb. August, 1963, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan bahawa tarikh pembentokan Malaysia itu di-undorkan dari tarikh yang telah di-tentukan pada 31 hb. August, 1963, itu kapada 16 hb. September, 1963. Perishtiharan itu telah di-buat kerana hendak memberi peluang yang chukup kapada Surohanjaya U. Thant, Setia Usaha Agong B. Bersatu memenohi tugas-nya.

Pengesahan Setia Usaha Agong B. Bersatu.

Apabila Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu U. Thant menerima permintaan dari Maphilindo supaya menyiasat akan hasrat ra'ayat Sarawak dan Sabah, ia telah memileh satu rombongan yang terdiri dari pegawai2 dalam Bangsa2 Bersatu yang datang dari negeri2 yang berkechuali dan rombongan itu mengandongi 9 orang. Rombongan ini di-pechah dua, ia-itu satu rombongan ka-Sarawak dan satu lagi ka-Sabah. Kedua2 rombongan ini telah menjalankan tugas mereka dari awal bulan August, 1963.

Sa-telah selesai penyelidekan Surohanjaya Bangsa2 Bersatu yang menjadi wakil U. Thant itu, maka pada 13 hb. September, 1963 U. Thant telah mengeluarkan satu penyata yang panjang dan dalam penyata itu U. Thant telah bersetuju dan menegaskan bahawa sa-bahagian terbesar ra'ayat Sarawak dan Sabah bersetuju berchantum dalam Malaysia.

Di-bawah ini di-salin bunyi akuan U. Thant mengesahkan yang ra'ayat Sarawak dan Sabah bersetuju berchantum dalam Malaysia: –

a. Malaysia telah menjadi perkara besar, atau perkara yang utama.

b. Daftar pengundi2 telah di-susun dengan sempurna.

c. Pilchanraya telah di-jalankan sa-chara bebas dan tidak ada paksaan.

d. Undi2 telah di-buang dengan betul dan di-kira dengan teliti.

5. Setia Usaha Agong itu akan di-minta menghantarkan rombongan2 kerja untok menjalankan tugas yang di-tentukan.

6. Persekutuan Tanah Melayu sanggup untok berunding dengan Kerajaan British, Kerajaan Sarawak dan Sabah dan sanggup untok meminta Kerajaan2 tersebut memberi kerja-sama kapada Setia Usaha Agong supaya memberi kemudahan2 yang perlu bagi menjalankan tugas-nya.

7. Ketiga2 Kepala Kerajaan itu menganggap perlu menghantar pemerhati2 untok menyaksikan pelaksanaan tugas2 rombongan Bangsa2 Bersatu itu.

8. Ketiga2 Kepala Kerajaan itu telah memutuskan untok meminta Kerajaan British supaya bersetuju untok menchari penyelesaian yang 'adil dengan segera dalam pertikaian antara Kerajaan British dengan Kerajaan Philipina mengenai Sabah.

9. Ketiga2 Kepala Kerajaan itu bersetuju menubohkan Maphilindo.

10. Tanggong-jawab memelihara kemerdekaan kebangsaan ketiga2 negara yang berkenaan terletak atas ra'ayat dan negara2 itu sendiri dan hendak-lah selalu mengadakan meshuarat.

11. Pengkalan asing yang bersifat samentara itu jangan-lah di-guna untok merosakkan kemerdekaan kebangsaan mana2 satu dari ketiga2 negara itu.

pada jam 7.40 pagi.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong berpakaian Penglima Agong Angkatan Bersenjata Persekutuan dengan di-iringi oleh Tengku Perdana Menteri yang berpakaian resmi, telah memereksa barisan kehormatan dari pasokan2 yang tersebut di-atas itu dengan sa-buah jep.

Puncak dari isti'adat yang besar dan bersemangat itu ia-lah bila Tengku Perdana Menteri memberikan uchapan-nya bagaimana di-bawah ini:

"Saya tidak dapat hendak menyatakan bagaimana rasa shukor dan gembira-nya saya dan sepuloh juta ra'ayat yang mendiami di-seluroh pelusok wilayah Malaysia kerana menyambut dan merayakan penubohan bangsa dan negara Malaysia".

"Kita menguchapkan sa-tinggi2 keshukoran kapada Allah kerana telah menyampaikan hajat dan chita2 kita umat Malaysia untok menegakkan sa-buah Negara Merdeka".

"Hari ini tammat-lah penjajahan dan pena'lokan British di-ketiga2 buah negeri ia-itu Singapura, Sarawak dan Sabah". Bagi kita di-Tanah Melayu yang bernasib baik kerana telah merdeka enam tahun dahulu ada-lah menyambut kemasokan saudara2 kita itu dengan rasa penoh keikhlasan dan kejujoran dan kita ber'azam akan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia bersama2 saudara baru kita itu sa-lama2-nya".

"Sunggoh pun kita telah melalui berbagai2 rupa halangan dan rintangan; tetapi kita telah mendapat pertunjok dan kekuatan dari Allah Suhanahu Wata'ala untok menempoh segala perchubaan2 itu. Ini ada-lah menjadi bukti yang jelas bagi menunjokkan niat kita yang suchi dan perjuangan kita yang di-ridzai Tuhan Yang Maha Kuasa".

"Sa-sunggoh-nya tidak dapat sa-siapa pun di-atas dunia ini dapat menghalangi atau menyekat kehendak

Allah itu dan tidak ada siapa pun dapat mengubah kehendak sejarah".

"Pada hari ini berkibar-lah dengan megah-nya bendera Negara Malaysia itu di-segenap rantau dan cherok negeri ini dan juga di-negeri2 asing yang ada mempunyai perhubongan diplomat dengan kita serta juga di-Bangsa2 Bersatu, berganding dengan bendera2 negeri lain yang merdeka dan berdaulat itu untok mengambil tempat bendera Persekutuan Tanah Melayu yang lama".

Perayaan Di-Seluroh Negara

Dalam masa sa-rentak, perayaan2 telah di-adakan di-seluroh ibu2 negeri dalam Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, dan Sabah. Yang Amat Berhormat Tun Razak Timbalan Perdana Menteri telah mewakili Kerajaan Pusat di-perayaan Malaysia di-Jesselton ibu negeri Sabah, Yang Berhormat Inche Mohamed Khair Johari di-Kuching ibu negeri Sarawak manakala Yang Berhormat Dato' Dr. Ismail di-Singapura.

Di-Kota Bharu, Kelantan, lebeh 20,000 orang telah berhimpun di Padang Merdeka kerana merayakan hari kelahiran Malaysia. Pemashhoran letak kerja telah di-hebahkan oleh Dr. Abdul 'Aziz bin Omar, sa-laku Ketua Perayaan Malaysia Negeri Kelantan dan pada sa'at itu juga 101 buah belon telah di-lepaskan ka-udara. Upachara membacha jampi, menabor beras kunyit, menarekkan pelepas, nasi kunyit dan menaikkan bendera Malaysia telah di-jalankan. Kerajaan Negeri Kelantan tidak-lah mengambil bahagian merayakan hari Malaysia itu.

Di-ibu Negeri Melaka sa-ramai 10,000 orang termasok kanak2 sekolah telah berhimpun di-Padang Bandar Hilir. Satu tablo yang mengesahkan Hang Tuah, Puteri Radin Chendera Kirana, Laksamana Cheng Ho, Munshi Abdullah, Tuan Raffles, Alfonso d' Albuqurque, General Yamashita dan Gobnor Melaka telah di-tunjokkan.

Orang ramai telah bertepok bila tokoh2 sejarah itu memberi hormat kapada Gobnor Melaka, Tun Abdul

Malek.

Di-Ipoh, lebeh 20,000 orang telah membanjiri Padang Majlis Bandaran. Suatu tamasha bersenam oleh 2,000 orang murid2 sekolah telah di-tunjokkan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sha'ari bin Shafi'e telah memberi amanat-nya kapada kanak2 itu. Yang Teramat Mulia Raja Di-Hilir Perak dan Raja Puan Muda telah hadzir sama dalam perayaan itu.

Di-Kuala Trengganu, ibu Negeri Trengganu lebeh 10,000 orang telah berhimpun kerana menyambut lahir-nya Malaysia dengan menyaksikan perlombaan basikal terbuka kapada laki2 dan perempuan.

Di-Singapura pula 10,000 orang ra'ayat-nya dengan memakai pakaian warna-warni saperti Hari Raya telah membanjiri Clifford Pier kerana menyaksikan tamasha sukan laut. Pada 15 hb. September, 1963 malam, lebeh 30,000 orang telah membanjiri jalan2 raya di-sakeliling Padang Esplande kerana menyaksikan perarakan kereta2 berhias yang terdiri dari 70 buah lori berlampu warna-warni anjoran Kementerian Kebudayaan dan 60 buah lori lagi oleh berbagai2 pertubohan ra'ayat.

Di-Pulau Pinang pula lebeh 3,000 orang telah berhimpun dalam upachara menaikkan bendera Malaysia di-Padang Kota. Kemudian 101 ekor burong merpati telah di-lepaskan dari kurongan-nya.

Di-Seremban, lebeh 10,000 orang ramai-nya telah menyaksikan perarakan kereta berhias kerana menyambut kelahiran Malaysia. Negeri Sembilan telah merayakan hari lahir Malaysia itu sa-lama enam hari enam malam.

Di-Kuching pula upachara menyambut hari lahir-nya Malaysia telah di-hadziri oleh lebeh 3,000 orang di-Padang Bandar Kuching, dan Gobnor Sarawak Dato' Abang Haji Openg telah mengangkat sumpah.

National Referendum Singapura.

Kerajaan Party Tindakan Ra'ayat Singapura yang di-pimpin oleh Perdana Menteri Lee Kuan Yew

itu telah bersetuju Singapura bersekutu dalam Persekutuan Malaysia dengan bersharat ia-itu Singapura hendak-lah mempunyai kuasa dalam hal Pelajaran dan Perborohan. Kerajaan Singapura berpendapat bahawa dengan jalan perchantuman sahaja Singapura dapat menchapai kemerdekaan-nya.

Party2 Pembangkang di-Singapura yang di-kepalai oleh Barisan Sosialis telah menentang keras dasar perchantuman Singapura dan Gagasan Malaysia Tengku Perdana Menteri.

Dengan permintaan dari party2 pembangkang, suatu undi kebangsaan atau pemungutan suara 'umum (National Referendum) telah di-jalankan di-Singapura pada 2 hb. September, 1962, ia-itu supaya ra'ayat memileh salah satu chorak kedudokan Singapura mengikut tiga chadangan A, B, C atau kosong:—

A. Saya sokong perchantuman yang memberi kuasa autonomi dalam perkara Boroh, Pelajaran dan perkara2 lain sa-bagaimana yang terkandong dalam kertas perentah No. 33 tahun 1961 dan dengan sendiri-nya warganegara2 Singapura menjadi warganegara Malaysia.

ATAU

B. Saya sokong perchantuman penoh yang tidak bersharat bagi Singapura sa-bagai negeri yang sama taraf-nya dengan 11 buah negeri2 bahagian dalam Tanah Melayu menurut sharat2 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

ATAU

C. Saya sokong penyertaan Singapura ka-dalam Malaysia dengan sharat2 yang tidak kurang daripada sharat2 yang di-berikan kapada wilayah2 Borneo.

ATAU PUN

D. Pengundi2 yang tidak memileh salah satu dari A, B, C, itu dan memasokkan kertas undi kosong sahaja dalam peti undi, ini bererti menolak perchantuman.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Trengganu Timbalan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zianal 'Abidin

Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim

Dalam pemungutan suara 'umum itu, 561,559 orang dari jumlah 624,000 pengundi telah keluar membuang undi dan keputusan-nya bagaimana di-bawah ini:—

Jumlah undi	A	sa-banyak	397,626	orang.
Jumlah undi	B	sa-banyak	9,422	orang.
Jumlah undi	C	sa-banyak	7,918	orang.
Jumlah undi kosong		sa-banyak	144,677	orang.

Daripada keputusan undi di-atas, nyata-lah 397,626 orang atau 71 peratus daripada jumlah pengundi2 bersetuju Singapura berchantum ka-dalam Malaysia, manakala 144,677 orang atau 25 peratus undi kosong atau tidak besetuju berchantum.

Dengan perchantuman itu, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah bersetuju Singapura menghantar 15 orang anggota ka-dalam Parliman Malaysia.

Oleh sebab Perjanjian Malaysia di-London, Persekutuan Malaysia akan lahir pada 31 hb. August, 1963, ini bererti penjajahan British di-Singapura tammat pada tarikh yang tersebut. Dan dengan sebab itu walau pun tarikh Malaysia telah di-undorkan kapada 16 hb. September, 1963, tetapi Singapura telah memashhorkan kemerdekaan-nya pada 31. 8. 1963 itu dengan mempunyai kuasa atas Hal Ehwal Luar dan Pertahanan dengan tidak mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 16 hb. September, 1963, ia-itu hari lahir-nya Malaysia, Singapura telah menjadi sa-buah negeri bahagian dalam Persekutuan Malaysia dengan mempunyai kuasa autonomi dalam Pelajaran dan Perborohan.

Sabah Dan Sarawak Dengan Malaysia.

Sa-sunggoh-nya ra'ayat Negeri Sabah hampir sa-bulat suara bersetuju dengan Gagasan Malaysia. Mengikut pilehanraya 'umum Negeri Sabah yang di-adakan dari bulan June yang berakhir pada 16 hb.

July, 1963, kerana memileh wakil2 yang akan di-pileh pula menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah itu di-dapati kesemua chalun2 yang menyokong Gagasan Malaysia telah menang.

Ada-pun dalam masa pilehanraya 'umum ini perkara Malaysia dan Sabah berchantum dalam Persekutuan Malaysia telah menjadi perkara besar dan utama.

Hasil daripada keputusan pilehanraya itu Negeri Sabah telah mendapat taraf pemerentahan sendiri pada 31 hb. August, 1963, dan Tuan Donald Stephens telah di-pileh menjadi Ketua Menteri Sabah yang pertama.

Negeri Sarawak pula telah mengadakan pilehanraya 'umum dari 26 hb. April, dan berakhir pada 24 hb. June, 1963, kerana memileh wakil2 yang akan di-pileh menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak. Dalam pilehanraya ini perkara Malaysia dan perchantuman Negeri Sarawak ka-dalam Persekutuan Malaysia ada-lah menjadi perkara besar dan utama.

Pada 15 hb. July, 1963, kelima2 buah Dewan Penasihat Division telah memileh Ahli2 Dewan Undangan Negeri Sarawak. Di-antara 36 buah kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak yang di-pileh itu, hanya 5 kerusi sahaja di-dapati oleh party yang menentang Gagasan Malaysia, ia-itu Party Kesatuan Ra'ayat Sarawak atau Sarawak United People Party yang di-pimpin oleh Tuan Ong Kee Hui.

Sa-bagai hasil dari keputusan pilehanraya itu Negeri Sarawak telah mendapat taraf pemerentahan sendiri pada 31 hb. August, 1963, dan Tuan Stephen Kalong Ningkan telah di-pileh menjadi Ketua Menteri Sarawak yang pertama.

Negeri2 Lain Masok Bersatu Dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu perkara (2) menerangkan bahawa Parliman ber-

kuasa menerima mana2 negeri masok bersekutu dalam Persekutuan Tanah Melayu, dan tidak ada sharat2 mesti meminta persetujuan mana2 Kerajaan Negeri asing untok menerima negeri itu masok bersekutu dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Berkenaan pembentokan Negara Malaysia ini, Majlis Raja2 telah bersetuju dengan sa-bulat suara. Dengan sebab itu kemasokan Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Persekutuan Malaysia tidak-lah boleh di-bawa ka-mana2 Mahkamah dalam negeri ini.

Perlembagaan.

Perlembagaan erti-nya ia-lah Undang2 Tuboh bagi sa-sabuah negeri atau bentok **Lembaga** negeri itu, manakala dalam bahasa Inggeris di-sebut **Constitution**. Segala2 perkara yang hendak di-adakan atau di-chiptakan menjadi bentok pemerentahan kapada sa-sabuah negeri itu mesti-lah di-tulis dan di-nyatakan dalam Perlembagaan. Segala Undang2 negara itu hendak-lah di-buat tidak berlawanan dengan mana2 ayat dan perkataan yang termaktub dalam Perlembagaan itu.

Hampir semua negeri2 dalam dunia ini ada Perlembagaan-nya masing2 mengikut bentok yang di-kehendaki oleh ra'ayat negeri itu. Mithal-nya Persekutuan Malaysia mempunyai Parliman-nya yang mengandongi dua **Dewan**, ia-itu Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, tetapi negeri Turki pula Parliman-nya mengandongi satu **Dewan** sahaja.

Di-Amerika Sharikat President-nya menjadi Kepala Negara dan Kepala Kerajaan, manakala President Germany hanya menjadi Kepala Negara. Perlembagaan Negara Russia hanya membenarkan Party Komunis sahaja yang boleh di-pileh menjadi pemerentah negeri itu, manakala Negeri Algeria pula hanya satu party sahaja di-halalkan dan boleh di-pileh menjadi pemerentah.

Di-antara negara2 yang besar dalam dunia ini, hanya United Kingdom atau Great Britain sahaja yang tidak mempunyai Perlembagaan yang tertulis bagaimana

negara2 lain; melainkan ia hanya mengikut Charter2 yang telah ada dan mengikut kebiasaan jua.

Negeri2 yang menjadi jajahan ta'alok kapada sa-sabuah Kerajaan lain ada juga Undang2 Tuboh; tetapi tidak-lah berupa Perlembagaan yang sabenar-nya; kerana ia di-chiptakan oleh penjajah, tidak dengan kehendak ra'ayat terbanyak negeri itu bagaimana Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang lalu.

Dalam satu2 Perlembagaan Negara Demokerasi, hendak-lah ada tertulis dengan nyata berkenaan Pembahagian Kekuasaan Memerentah atau Trias Politic, hak2 peri kemanusiaan, hak2 persaorangan dan hak2 kebebasan asasi.

Trias Politik.

Trias Politik atau Tiga Pembahagian Kekuasaan itu ia-lah chara pembahagian kuasa bagi satu2 negeri demokerasi itu menjalankan pemerentahan-nya dan dengan pembahagian demikian datang-lah ke'adilan bagi pendudok2 negeri itu ia-itu:-

1. Badan Undangan (Legislature) ia-itu Parliman yang di-pileh oleh ra'ayat bagi membuat dan menggubal Undang2 bagi negeri itu.

2. Badan Kerja Kerajaan (Executive) ia-itu badan yang menjalankan Undang2 yang di-buat oleh Parliman itu.

3. Badan Pengawal Undang2 (Justice) ia-itu Mahkamah Ke'adilan yang berkuasa mentafsir Undang2, mengawal Undang2 supaya berjalan mengikut tujuan asal-nya.

Hak2 Kebebasan Asasi.

Hak2 kebebasan asasi itu dalam negara demokerasi hendak-lah ada tertulis dalam Perlembagaan bagi menjamin kebebasan dan hak2 asasi tiap2 warganegara dan pendudok2 negeri itu. Dalam Perlembagaan Malaysia, hak2 kebebasan dan hak2 asasi itu ada tertulis

dengan nyata dan di-antara-nya ia-lah:-

1. Nyawa sa-saorang tidak boleh di-ambil; kechuali dengan kehendak undang2. Tidak boleh di-tahan jika tidak mengikut undang2. Bila di-tangkap, hendak-lah di-beri tahu tudohan-nya.

2. Sa-saorang itu tidak boleh di-buat hamba dan tidak boleh di-jadikan boroh paksa.

3. Sa-barang hukuman tidak boleh di-kenakan ka-atas sa-saorang lebeh dari hukuman yang telah di-tetapkan oleh undang2.

4. Tiap2 orang sama rata di-sisi undang2, tidak ada bedza antara sa-orang dengan sa-orang kerana sebab2 ugama, bangsa, keturunan, tempat lahir, kerana apa2 jua undang2 atau jawatan atau memileki harta dan lain2.

5. Warganegara tidak boleh di-buang negeri.

6. Tiap2 orang bebas berchakap, mengeluarkan pendapat, bebas berkumpul dan menubohkan pertubohan2.

7. Bebas berugama, ber'ibadat dan keperchayaan.

8. Tiap2 penganut ugama bebas menubohkan tempat2 ugama.

9. Harta tiap2 orang tidak boleh di-ambil; melainkan mengikut undang2. Tidak boleh di rampas harta orang tanpa pembayaran yang berpatutan.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 dan pindaan2 yang menjadi Perlembagaan Persekutuan Malaysia sekarang belum-lah ada tertulis jaminan bagi tiap2 ra'ayat mendapat peluang bekerja untok kemudahan hidup, supaya jurang perpisahan taraf hidup antara satu gulongan dengan gulongn yang lain tidak bagitu jauh perbedzaan-nya. Perlembagaan itu memberi jaminan bagi orang2 buta, orang2 tua yang tidak larat bekerja, anak yatim, orang2 chachat

yang tidak boleh bekerja untok mendapatkan nafkah-nya.

Perlembagaan Malaysia.

Ada-pun Perlembagaan Negara Malaysia itu telah di-asaskan dari Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 sa-telah di-adakan beberapa pindaan untok mensesuaikan dengan suasana ketiga2 negeri yang baharu masok berchantum, ia-itu Singapura, Sarawak dan Sabah.

Tetapi asas2 atau lunas2 yang besar dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 itu tidak-lah berubah, ia-itu Yang Di-Pertuan Agong menjadi Raja dan Kepala Negara Malaysia, Raja2 Melayu menjadi Raja pemerentah yang berdaulat dalam negeri masing2. Bagitu juga ada-nya Majlis Raja2, hak2 istimewa orang2 Melayu dan bumi putera, bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan, lagu kebangsaan, ugama Islam menjadi ugama resmi negara dan seluroh chorak pemerentahaan-nya ada-lah sama saperti Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu.

Berkenaan kuasa Kerajaan Pusat atas negeri2 bahagian yang baharu, ia-itu Singapura ada-lah berlainan dalam sa-tengah2 perkara kerana Kerajaan Singapura mempunyi kuasa dalam perkara Pelajaran dan Perborohan, Perubatan dan Kesihatan, letrik, gas, factory dan machinery, penchen2, pinjam meminjam wang, impot dan ekspot, pengeluaran (production), insoran2, surat khabar, mutba'ah2 dan beberapa perkara lain lagi, yang mana negeri2 dalam Tanah Melayu sekarang tidak ada kuasa.

Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa tiap2 ra'ayat ada-lah bebas, ia-itu diri dan nyawa-nya tidak boleh di-ambil melainkan dengan kehendak undang2, bebas dari perhambaan dan menjadi boroh paksa, dan tiap2 ra'ayat tidak boleh di-bicharakan berulang-ulang di-atas satu tudohan.

Mereka mempunyai persamaan hak dengan tidak mengenal kaum dan keturunan dalam segi undang2,

bebas berchakap, berkumpul, berorganisasi, mempunyai keperchayaan dan ugama, dan sama hak dalam pelajaran dan mempunyai harta.

Negara Malaysia ia-lah negara beraja yang ber-perlembagaan, ia-itu raja yang menjalankan kuasa pemerentah dengan menerima nasihat daripada Parliman dan Jama'ah Menteri dan Baginda Raja ia-lah **Raja** yang di-anggap tidak bersalah dan tidak boleh di-da'awa di-mana2 Mahkamah di-atas segala kuasa yang di-jalan-kan-nya.

Persekutuan Malaysia ia-lah sa-buah negara demokrasi berparliman (Parlimantary Democrasy), ia-itu Parliman yang datang dari ra'ayat menerusi wakil2 yang di-pileh. Dalam perkara ekonomi Malaysia mempunyai dasar ekonomi liberal, ia-itu tiap2 ra'ayat sama berhak menchari dan mengumpulkan harta tidak ada sekatan yang di-tentukan oleh negara.

Kepala Negara.

Bahawa mengikut Perlembagaan Malaysia, Kepala Negara-nya di-gelarkan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang sama erti-nya dengan perkataan **King** dalam bahasa Inggeris, manakala permaisuri baginda di-gelarkan Baginda Raja Permai-suri Agong.

Di-antara seluroh ra'ayat dan pendudok Malay-sia, Baginda Yang Di-Pertuan Agong itu-lah terkeatas sa-kali kedudokan-nya, kemudian baharu Raja Permai-suri Agong, Raja2 Melayu, Ketua2 Negara Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Kuasa Dan Kewajipan Yang Di-Pertuan Agong.

Sa-bagai Kepala Negara dan Pemerentah Agong Bala Tentera Malaysia, Baginda Yang Di Pertuan Agong mempunyai kuasa dan kewajipan bagaimana yang tersebut di-bawah ini:—

1. Menjadi Kepala Negara Persekutuan Malaysia, dan segala undang2 hendak-lah di-jalankan atas nama

Yang Di-Pertuan Agong.

2. Melantek Perdana Menteri dan Juma'ah Menteri.

3. Melantek Hakim Negara, Hakim2 Besar, Hakim2 Mahkamah Tinggi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.

4. Melantek Gobnor2 Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Yang Di-Pertuan Negara Singapura dan Sabah, Duta2 Luar Negeri.

5. Melantek Surohanjaya2 :–

a. Pilehanraya.
b. Perkhidmatan 'Awam.
c. Perkhidmatan Polis.
d. Lembaga Letrik Pusat.
e. Lembaga Kereta Api.
f. Pemereksa Kira2 Agong.

6. Menjadi Penglima Agong Angkatan Bersenjata Laut, Darat dan Udara Malaysia.

7. Menjadi Ketua Ugama Islam bagi negeri2 yang tidak ada Raja dan negeri Baginda itu sendiri.

8. Memberi ampun kapada orang2 salah yang di-hukum oleh Mahkamah Tentera dan Mahkamah Shara'iah dalam Negeri2 yang tidak ada Raja dan Negeri Baginda.

9. Menjadi Penaung ugama2 lain.

10. Sa-bagai puncha kebesaran, Baginda memberi pangkat2 kebesaran kapada pembesar2 dan ra'ayat negeri dan orang2 luar, juga bintang2, pingat2, dan surat2 kepujian.

11. Memashhorkan Undang2 Dharurat dan membobarkan Parliman.

Lantekan Yang Di-Pertuan Agong.

Yang Di-Pertuan Agong itu di-lantek dan di-pileh oleh Majlis Raja2 Melayu dengan menggunakan undi sulit. Chalon yang boleh di-pileh menjadi Yang Di-Pertuan Agong itu hendak-lah dari Baginda Raja2 Melayu. Baginda Raja2 Melayu yang di-jadikan chalon itu ia-lah raja yang nama-nya terkeatas sa-kali dalam senarai antara semua Raja dan yang sanggup menerima jawatan itu.

Tempoh Baginda Yang Di-Pertuan Agong itu menjalankan tugas-nya ia-lah 5 tahun. Baginda itu boleh meletakkan jawatan-nya pada bila2 masa dengan menulis surat kapada Majlis Raja2, dan boleh di-pechat oleh Majlis Raja2 kerana 'akal atau kesihatan Baginda.

Pada masa Baginda menjalankan tugas Yang Di-Pertuan Agong itu, Baginda tetap menjadi Ketua Ugama Negeri Baginda sendiri, dan Baginda sendiri mesti-lah memberi persetujuan akan mana2 pindaan Undang2 Perlembagaan Negeri Baginda pada masa Regent menjalankan tugas sa-bagai wakil Baginda.

Baginda Yang Di-Pertuan Agong itu mendapat gaji dari Kerajaan Malaysia sa-banyak $ 180,000.00 sa-tahun sa-lain dari belanja2 jamuan resmi, manakala Baginda Raja Permaisuri Agong mendapat gaji $30,000.00 sa-tahun. Baginda tinggal bersemayam di-Istana Negara, di-Jalan Taylor, Kuala Lumpur.

Timbalan Yang Di-Pertuan Agong.

Sa-orang dari Baginda Raja2 Melayu di-pileh menjadi Timbalan Yang Di-Pertuan Agong, dan Baginda Timbalan ini akan menjalankan tugas-nya bila Yang Di-Pertuan Agong tidak ada dalam negeri atau sakit atau lain2. Jika Yang Di-Pertuan Agong itu mangkat, maka Baginda Timbalan Yang Di-Pertuan Agong itu-lah menggantikan-nya hingga genap tempoh 5 tahun yang baki itu.

Timbalan Yang Di-Pertuan Agong itu terus menjadi Raja Pemerentah negeri Baginda sa-masa

ada Yang Di-Pertuan Agong, dan Baginda Timbalan itu mendapat gaji dari wang Kerajaan Negeri Baginda.

Parliman Malaysia.

Ada-pun Parliman Persekutuan Malaysia itu mengandongi Yang Di-Pertuan Agong dan dua buah Dewan ia-itu **Dewan Negara** (Senate) dan **Dewan Rarayat** (House of Representative).

Lama 'umor satu2 Parliman itu ia-lah 5 tahun dan bila genap 5 tahun hendak-lah di-adakan pilehanraya sa-mula. Mengikut sharat2 dalam Perlembagaan, Baginda Yang Di-Pertuan Agong boleh membobarkan Parliman itu sa-belum genap 5 tahun dengan permintaan Perdana Menteri.

Kedua2 Dewan itu berkuasa menetapkan sendiri hari meshuarat-nya dan lama meshuarat itu sa-telah berunding dengan Kerajaan. Masa tidak bermeshuarat itu di-namakan masa tanggohan; tetapi Baginda Yang Di-Pertuan Agong boleh memanggil sidang Parliman pada bila2 masa.

Apabila Parliman itu di-bobarkan atau tamnat tempoh-nya, maka hendak-lah di-adakan pilehanraya 'umum dalam tempoh 60 hari kemudian dan meshuarat pertama hendak-lah di-adakan dalam 30 hari kemudian dari hari membuang undi pilehanraya itu.

Dewan Negara.

Dewan Negara atau Senate itu mengandongi 50 orang ahli-nya, ia-itu:—

a. 28 orang Ahli yang di-pileh aleh Dewan2 Undangan Negeri, ia-itu 2 orang bagi tiap2 negeri.

b. 22 orang ahli yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong. Mereka2 ini di-pileh dari orang yang berjasa dalam Perkhidmatan orang ramai, orang yang terkemuka, dan orang2 yang ahli dalam perniagaan, dan kegiatan masharakat, wakil kaum2 kechil dan kaum asli.

Tempoh jawatan sa-saorang Ahli Dewan Negara itu ia-lah 6 tahun, sa-perdua dari semua jumlah Ahli Dewan Negara itu di-baharui tiap2 3 tahun sa-kali.

Sa-kira-nya berlaku pembobaran Dewan Ra'ayat, baik kerana chukup tempoh atau di-bobarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong, maka pembobaran itu tidak-lah melibatkan Dewan Negara itu, bahkan ia ada saperti biasa.

Pegawai yang mengetuai Dewan Negara itu bergelar President, ia di-pileh di-antara ahli2 Dewan dan ia-lah yang mengurusi meshuarat Dewan Negara itu dan mengawal suasana meshuarat. President itu di-bantu oleh sa-orang Setia Usaha Meshuarat (Clerk to the Senate).

Mengikut perlembagaan, Ahli2 Dewan Negara itu boleh di-tambah bilangan-nya dengan di-pileh oleh Majlis Undangan Negeri saperti dari 2 menjadi 3 atau di-pileh semua-nya sa-chara langsong oleh pengundi2 atau di-hapuskan langsong ahli2 yang di-lantek.

Tiap2 Ahli Dewan Negara mendapat elaun $500.00 sa-bulan dengan mendapat faedah2 dan keutamaan saperti ahli Dewan Ra'ayat.

Meshuarat Dewan Negara ini di-adakan satu atau dua hari sa-kali sa-lepas di-tanggohkan meshuarat Dewan Ra'ayat, sebab apabila utusan dari Dewan Ra'ayat tiba kapada President baharu-lah boleh di-adakan meshuarat.

Mana2 chadangan Undang2 (Bills) dan chadangan2 yang telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat hendak-lah mendapat persetujuan Dewan Negara. Jika sa-kira-nya satu2 chadangan Undang2 di-tolak oleh Dewan Negara, maka hendak-lah di-hantar balek kapada Dewan Ra'ayat untok di-timbang sa-mula lepas sa-tahun kemudian. Jika lepas sa-tahun itu Dewan Ra'ayat meluluskan juga, maka sah-lah ia menjadi undang2.

Dewan Ra'ayat (House of Representative).

Ada-pun Dewan Raya'at itu mengandongi 159 orang ahli-nya, ia-itu 104 dari Tanah Melayu, 15 dari Singapura, 24 dari Sarawak dan 16 orang ahli dari Sabah. Ahli2 Parliman dari Singapura, Sarawak dan Sabah yang pertama ia-lah ahli yang di-pileh sa-chara tidak langsong, ia-itu di-pileh dari ahli2 Dewan Undangan Negeri masing2. Ahli Dewan Undangan Negeri2 itu ada-lah di-pileh dalam pilehanraya.

Pengundi2 ada-lah terdiri dari warganegara yang ber'umor 21 tahun atau lebeh yang telah mendaftarkan nama-nya sa-bagai pengundi.

Keputusan Pilehanraya 'umum di-Tanah Melayu kali yang ketiga yang telah di-adakan pada 25 hb April, 1964, ada-lah sa-bagaimana di-bawah ini:—

Perikatan	89
Party Islam Sa-Tanah Melayu	9
Barisan Sosialis	2
Party Progressive Ra'ayat	2
Party Demokratik Bersatu	1
Party Tindakan Ra'ayat	1
Jumlah semua	104

Jumlah kerusi dalam tiap2 negeri dalam Malaysia ia-lah:-

Perak	20
Johor	16
Selangor	14
Kedah	12
Kelantan	10
Penang	8
N. Sembilan	6
Trengganu	6
Pahang	6
Melaka	4
Perlis	2
Singapura	15
Sarawak	24

Sabah	16
Jumlah semua	159

Ada pun kedudokan party2 dalam Parliman sekarang ia-lah bagaimana di-bawah ini:-

Pemerentah		Pembangkang	
Party Perikatan Malaya	89	Party Islam Sa-Tanah Melayu	9
Party Perikatan Sarawak	21	Party Tindakan Ra'ayat	13
Party Perikatan Sabah	16	Barisan Sosialis Singapura	3
		Barisan Sosialis Malaya	2
		Party Progressive Ra'ayat	2
		Party Demokratik Bersatu	1
		Party Kesatuan Ra'ayat Sarawak	3
Jumlah semua	126	Jumlah semua	33

Dewan Ra'ayat itu di-ketuai oleh Speaker yang di-pileh di-antara ahli2 Dewan itu dari party yang mempunyai suara terbanyak. Speaker itu-lah menjadi pengurusi meshuarat Dewan Ra'ayat itu dan ia menjalankan kewajipan-nya mengikut undang2 dan peratoran tetap Dewan Ra'ayat. Perdana Menteri ada-lah menjadi Pemimpin Dewan Ra'ayat itu.

Mengikut sistem demokrasi dalam Parliman itu hendak-lah ada ketua puak Pembangkang, tetapi Ketua Pembangkang itu tidak ada dalam Parliman Malaysia ia-lah di-sebabkan tidak ada satu party di-pehak Pembangkang yang besar jumlah-nya.

Ada-pun sharat kelayakan orang yang boleh menjadi Ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat itu ia-lah:—

a. Warganegara yang ber'umor 21 tahun ka-atas.

b. Tidak gila.

c. Tidak jatoh bengkerap.

d. Tidak bersalah mengikut Undang2 Pilehan-raya.

e. Tidak kena hukuman jail lebeh 1 tahun.

f. Tidak memegang jawatan Kerajaan yang bergaji.

g. Ada nama-nya dalam daftar pengundi.

Parliman ia-lah dewan tempat membuat Undang2 yang tertinggi sa-kali dalam Malaysia dan Undang2 itu di-buat mengikut apa yang di-perlukan oleh negara; tetapi tidak-lah hanya Parliman sahaja yang boleh membuat Undang2 itu kerana Dewan2 Undangan Negeri juga mempunyai kuasa membuat Undang2 untok negeri masing2 dengan sharat Undang2 itu tidak berlawanan dengan Undang2 Parliman, kechuali Singapura.

Parliman-lah yang menguasai keewangan Malaysia, chukai-menchukai dan naik turun-nya chukai2 ada-lah di-dalam kuasa Parliman. Semua hasil2 negara di-satukan dalam Kumpulan Wang Kerajaan dan sa-barang perbelanjaan hendak-lah denagn kuasa Parliman. Bagitu juga kalau Kumpulan Wang Kerajaan Negeri, hendak-lah mendapat kuasa Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan-nya.

Kekuasaan Dewan Ra'ayat ada-lah tidak sama dengan Dewan Negara mengikut chara demokrasi kerana Dewan yang mengandongi ahli2 yang di-pileh ada-lah lebeh berkuasa dari Dewan yang ahli2-nya di-lantek. Sebab itu Perdana Menteri hendak-lah di-lantek dari Ahli Dewan Ra'ayat.

Tetapi berkenaan dengan pindaan Undang2 Parlembagaan tidak boleh Dewan Ra'ayat sahaja yang meluluskan-nya, melainkan hendak-lah di-luluskan

oleh kedua2 Dewan itu dengan undi 2/3 dari tiap2 Dewan itu.

Dewan Negara (Senate) Malaysia ini tidak-lah sama keadaan-nya dengan Dewan Negara Amerika, sebab Ahli2 Dewan Negara Amerika itu di-pilch oleh ra'ayat, ia-itu 2 orang bagi tiap2 satu Negara Bahagian.

Dewan Negara Amerika mempunyai kuasa lebeh dari Dewan Ra'ayat.

Perjalanan Meshuarat Parliman.

Parliman itu ia-lah perhimpunan wakil2 ra'ayat yang di-pilch bagi membinchangkan segala perkara yang berhubong dengan kebajikan, keamanan keselamatan, kema'moran dan ke'adilan Negara dan ra'ayat-nya. Segala Undang2 yang di-buat sa-mata2 kerana tujuan2 yang tersebut.

Dalam negara demokrasi, ahli Parliman itu ada dua gulongan, ia-itu gulongan Pemerentah dan gulongan Pembangkang. Pehak Kerajaan membuat dasar2, menjalankan dasar2 itu, manakala pehak Pembangkang pula mengadakan bangkangan2 di-atas mana2 dasar Kerajaan dan perjalanan pertadbiran negeri yang di-fikirkan bertentangan dengan kebajikan dan keuntongan ra'ayat dan kemajuan Negara dan chuba memberi chadangan2 balas atau pendapat2 lain yang munkin menjadi lebeh baik.

Tujuan yang besar bagi pehak Pembangkang ia-lah memberi bangkangan supaya pehak Kerajaan jangan lalai, jangan terlalu percchaya hanya kapada satu chara, jangan tergelinchir dari ke'adilan. Tetapi dalam perkara nasional, dalam perkara kepentingan negara bagi mempertahankan kedaulatan, kesuchian dan marwah Negara, lazim-nya Pembangkang itu bersatu dengan Kerajaan bagaimana Party Conservative bersatu dengan Party Boroh British dalam menghadapi musoh bangsa-nya orang2 Jerman atau bagaimana Party Koamintang bersatu dengan Party Komunis China

melawan musoh bangsa-nya orang Jepun dalam tahun 1937.

Perkara so'alan2, bahathan2 dan uchapan2 dalam Parliman oleh ahli2-nya sangat2 memberi bekas kapada ra'ayat yang mengikuti sidang Parliman itu. Sebab itu lah lazim-nya orang2 yang menjadi Ahli Parliman atau M. P. itu bukan sahaja sa-orang yang berpengalaman dalam politik dan dalam masharakat, tetapi sa-orang yang pandai dan pintar bertikam lidah dan bijak berbahath. Kalau tidak, sa-saorang ahli itu akan memanaskan kerusi sahaja, dan munkin tidak akan mengeluarkan satu patah perkataan sa-panjang masa.

Segala perkara fikiran, bahathan pandangan dan bukti2 yang di-keluarkan oleh ahli2 Parliman dalam sidang-nya tidak boleh di-bawa ka-Mahkamah2 kerana di-lindungi oleh Parliman.

Satu2 chadangan Undang2 yang di-kemukakan dalam Parliman itu lazim-nya di-bacha tiga kali. Kali pertama boleh di-bahath atas dasar-nya, manakala kali yang kedua ahli2 boleh membahath, memberi sokongan, membangkang, memberi hujjah2 burok baik-nya atau untong rugi-nya Undang2 itu dan membuat chadangan pindaan. Pada kali yang ketiga-nya pula chadangan Undang2 itu di-bacha satu2 atau beberapa perkara dan di-luluskan, dan pada masa ini biasa-nya kalau ada pindaan2 boleh di-buat pada mana2 ayat atau perkataan2 yang di-fikirkan patut di-pinda.

Ada-pun achara2 persidangan Parliman itu baik di-Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat ia lah bagaimana di-bawah ini:—

a. Doa'.
b. Surat2 yang di-bentang atas meja meshuarat.
c. So'alan2 dan jawapan bertulis.
d. So'alan2 dan jawapan mulut.
e. Chadangan.

f. Rang Undang2.

g. Uchapan penanggohan.

h. Tanggohan meshuarat.

Bahasa Melayu dan Inggeris ia-lah yang boleh di-gunakan dalam Parliman.

Keutamaan Ahli Dewan Ra'ayat.

Tiap2 Ahli Parliman (Dewan Ra'ayat) itu mendapat elaun $750.00 sa-bulan mulai dari hari ia di-pilch, manakala tambang pergi dan balek ka-Dewan Parliman di-bayar oleh Kerajaan, baik dengan kapal terbang atau motorkar, keretapi atau dengan kapal api kelas I.

Lain dari itu tiap2 Ahli Parliman itu dapat telegram perchuma dan pos perchuma serta dapat ubat perchuma di-rumah2 sakit termasok anak2 dan isteri-nya, dan lain2 keutamaan.

Daftar Kuasa Undang2 Parliman.

Bahawa Undang2 yang boleh atau di-dalam kuasa Parliman ia-lah bagaimana dalam Jadual IX Perlembagaan, saperti di-bawah ini:—

1. Hal Ehwal Luar Negeri termasok:—

   a. Persetiaan dan Perjanjian dengan negeri asing.

   b. Perwakilan diplomatik, konsol dan perniagaan.

   c. Pertubohan antara bangsa.

   d. Passport, visa dan surat2 kebenaran.

   e. Kunjongan ka-tempat suchi.

   f. Kuasa membawa orang salah dari luar negeri, menghalau keluar negeri.

2. Pertahanan, termasok:-

   a. Angkatan Laut, Darat, Udara dan lain2.

b. Mana2 pasokan bersenjata yang berhubong dengan pasokan bersenjata Malaysia.

c. Kerja2 kerana pertahanan.

d. Latehan perang.

e. Perang dan damai, musoh, harta musoh, kerosakan perang, insoran bahya perang.

f. Senjata api, ubat2 bedil dan letupan2.

g. Perkhidmatan Negara.

h. Pertahanan 'Awam.

3. Keselamatan Dalam Negeri, termasok:-

a. Polis, Penyiasat Jenayah, ketenteraman 'umum.

b. Penjara, sekolah budak2 jahat, rumah tahanan.

c. Tahanan kerana keselamatan.

d. Perkhidmatan menyelidek rahasia.

e. Pendaftaran kebangsaan.

4. Undang2 Mu'amalah, Janayah, Peratoran Pertadbiran, termasok:-

a. Perlembagaan, Pertubohan semua Mahkamah2 lain dari Mahkamah Shara'iah.

b. Kuasa semua Mahkamah2 di-atas.

c. Gaji dan Keutamaan Hakim2.

d. Orang2 yang berhak menjalankan bahagian-nya dalam Mahkamah.

e. Kontrek2, perkongsian, wakilan, kontrek2 khas dan lain2.

f. Rahasia2 resmi, perbuatan churang.

g. Lambang2 kebesaran negara, darjah2 kebesaran, bintang2, lain dari kepunyaan negeri.

h. Membuat ketentuan atas apa2 kesalahan2 yang berkenaan dengan apa2 perkara yang

terkandong dalam senarai Persekutuan.

i. Ganti rugi dalam perkara bagaimana maksud senarai Persekutuan.

j. Hak kuasa Jabatan Angkatan Laut.

k. Menentukan Undang2 Shara' kerana maksud Undang2 Persekutuan.

l. Pertarohan dan loteri.

5. Kewarganegaraan Persekutuan dan menjadi warganegara dengan jalan permohonan dan orang2 dagang.

6. Alat2 Kerajaan, saperti:-

a. Pilehanraya ahli2 Parliman dan Dewan Undangan Negeri.

b. Juma'ah Pasokan Bersenjata dan Surohanjaya2 yang tersebut dalam bahagian X.

c Perkhidmatan Persekutuan, termasok gaji, jawatan, dan lain2.

d. Penchen dan sagu hati.

e. Kerajaan Tempatan dan Peranchang Bandar, bekalan ayer ka-Ibu Kota.

f Kontrek2 Kerajaan Persekutuan.

g. Badan2 Kuasa Kerajaan Persekutuan.

h. Membeli, Mengambil, memileki, berjual beli, harta bagi maksud Presekutuan.

7. Keewangan, termasok:-

a. Mata Wang.

b Wang Simpanan Negara, dan Pos.

c. Meminjam atas tanggongan Kumpulan Wang Persekutuan.

d. Meminjam atau di-pinjam oleh negeri2.

e. Hutang Kerajaan Persekutuan.

f. Peratoran keewangan dan perkiraan.

g. Memereksa Kira2 Wang Persekutuan dan Negeri.

h. Chukai2, Chukai2 Tanah di-Ibu-Kota Persekutuan.

i. Bayaran2 yang di-kenakan bagaimana senarai Persekutuan.

j. Urusan bank, pajak, piutang, meminjam wang.

k. Surat2 akuan pembayaran, cheque, surat2 hutang dan lain2.

l. Tukaran wang luar negeri.

m. Urusan hal modal.

8. Perniagaan, Perdagangan, perusahaan, termasok:-

a. Pengeluaran bekalan, pembahagian, kawalan harga, kawalan makanan dan lain2.

b. Import, ekspot.

c Persatuan badan2, peratoran dan membobarkan badan2 dan lain2.

d. Insoran termasok insoran yang di-wajibkan.

e. Hal2 yang teristimewa, bentok rupa, rekaan, chap perniagaan, hak pengarang.

f. Timbangan dan ukoran.

g. Menentukan jenis2 barang untok ekspot, yang di-buat dalam negeri.

h. Lelong, pelelong.

j. Memajukan hasil2 galian.

k. Kilang, boiler2, alat2 jentera dan lain2.

l. Benda2 berbahaya dan boleh terbakar.

9. Perkapalan, termasok:-

a. Perkapalan dan pelayaran di-lautan besar.

b. Pelabohan.

c. Rumah2 api.

d. Menangkap ikan di-laut dan di-kuala2

Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri Malaysia Tengku Abdul Rahman Petra Al-Haj

Regent Perlis Yang Teramat Mulia Tengku Sulaiman Shah ibni Almarhum Tengku Bendahar Abu Bakar

sungai.

c. Chukai lampu.

f. Bangkai2 kapal.

10. Perhubongan, pengangkutan, termasok:–

a. Jalan2 raya, jambatan, ferry dan lain2 jalan federal.

b. Keretapi.

c. Perkhidmatan udara.

d. Peratoran perjalanan laut, darat dan udara.

e. Membawa penumpang laut, darat dan udara.

f. Kenderaan yang di-jalankan oleh jentera.

g. Pos dan Talikom.

h. Wireless, Pancharan Udara, Telibis.

11. Kerja Raya dan Letrik, termasok:–

a. Kerja2 Raya Persekutuan.

b. Bekalan2 ayer antara negeri2, sungai2 dan terusan ayer yang tidak terta'alok di-bawah negeri.

c. Kuasa letrik, wap, kelengkapan wap.

12. Menyiasat, termasok:–

a. Banchi, pendaftaran beranak, mati, kahwin, mengambil anak angkat dan lain2.

b. Siasatan2 Negeri Persekutuan, masharakat iktisad, sain, pejabat angin.

c. Surohanjaya Penyiasat.

13. Pelajaran, termasok :-

a. Pelajaran rendah, menengah, universiti, pertukangan, latehan guru, pendaftaran dan pengawalan guru2, pengurus2, sekolah2 dan lain2.

b. Kutub Khanah, sekolah2 gambar, chandi purbakala, yang bersejarah dan jadi per–

ingatan tempat barang2 lama.

14. Ubat dan Kesihatan, termasok:–

a. Rumah2 sakit, klinik, rumah ubat, doktor, beranak dan kanak2, orang sakit kusta.

b. Orang gila, tempat orang gila.

c. Rachun dan ubat2 merbahaya.

d. Ubat2 yang memabokkan dan minuman keras, membuat dan menjual ubat2.

15. Boroh dan Keselamatan masharakat, termasok:–

a. persatuan Boroh dan yang berhubong, dengan boroh.

b. Insoran tidak bekerja, wang saraan janda2 anak2 yatim, orang2 tua, faedah masa beranak, wang kumpulan bekalan tua, wang khairat, alaun tua.

c. Derma dan rumah2 khairat, tidak termasok wakaf Islam, pemberian Hindu.

16. Kebajikan Orang Darat

17. Pekerjaan Kelayakan Khas.

18. Chuti dan hari2 kelepasan, Persekutuan, menetapkan jam.

19. Sharikat2 yang tidak di–jadikan lembaga.

20. Mengawal musoh tanaman, penyakit tanaman.

21. Surat2 khabar, penerbitan, menchetak, dan penchetak.

22. Penapis2 gambar, wayang, berita, buku2 dan lain2.

23. Panggong wayang, wayang gambar, film2 wayang gambar, taman hiboran.

24. Perumahan Persekutuan, dan Lembaga Kemajuan.

25. Sharikat Kerjasama.

Kuasakerja (The Executive)

Ada pun Kuasakerja atau Executive Authority mengikut Perlembagaan terletak di-dalam tangan Yang Di-Pertuan Agong, dengan menerima nasihat dari Juma'ah Menteri (Cabinet). Dalam tiap2 tindakan atau langkah kerja atau tadbir Kerajaan ada-lah dengan nama **Raja** baik sa-chara langsong atau tidak.

Sa barang Undang2 yang di-luluskan oleh Parliman hendak-lah lebeh dahulu mendapat persetujuan atau pengesahan **Raja.**

Tatkala **Raja** menurunkan tanda tangan-nya pada satu2 Undang2 ada-lah ia telah menerima nasihat dan persetujuan Parliman. Parliman dan **Raja** berikat satu, yang boleh di-sifatkan **Raja** itu **Ra'ayat** dan **Ra'ayat** itu **Raja.**

Penubohan Jama'ah Menteri (Cabinet)

Jama'ah Menteri itu ia-lah sa-buah Jawatan-kuasa yang memerentah negara dengan di-pengurusikan oleh Perdana Menteri. Ahli2 Jama'ah Menteri itu hendak-lah di-lantek dari Ahli2 Parliman dari kedua2 Dewan itu manakala Perdana Menteri hendak-lah dari Ahli Dewan Ra'ayat.

Pada masa negeri ini tidak ada Jama'ah Menteri saperti pada masa sa-lepas Jama'ah Menteri letak jawatan kerana habis tempoh perkhidmatan-nya dan apabila pilehanraya baharu telah di adakan. Baginda Yang Di-Pertuan Agong akan menunjokkan sa-orang Ahli Parliman dari Dewan Ra'ayat yang pada fikiran Baginda ia mendapat keperchayaan bilangan terbanyak dari Ahli2 Dewan itu, supaya membentok Jama'ah Menteri.

Orang yang di-tunjokkan olah **Raja** itu di-namakan Pembentok Jama'ah Menteri. Pembentok Jama'ah Menteri itu akan menyusun nama2 Jama'ah Mentari-nya dari Ahli Parliman yang sanggup menerima Kementerian2 yang di-tentukan. Kemudian Pembentok Jama'ah

Menteri itu akan menyembahkan nama2 ahli Jama'ah Menteri-nya itu kapada **Raja** (Yang Di-Pertuan Agong) untok di-sahkan.

Jama'ah Menteri itu-lah yang membentok dasar2 Kerajaan dan bertanggong-jawab melaksanakan dasar2 itu dengan di-bantu oleh Pegawai2 Pentadbiran 'Awam di-bawah-nya, dan Menteri2 itu mempunyai tanggong-jawab bersama kapada Parliman.

Jama'ah Menteri sekarang (1964 - 1969) ia-lah:-

1.	Perdana Menteri, Menteri Luar, Menteri Pemuda, Sukan dan Kebudayaan .	Y. T. M. Tengku Abdul Rahman Petra.
2.	Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Menteri Tanah dan Lombong.	Y. A. B. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain.
3.	Menteri Dalam Negeri, Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Menteri Ke'adilan	Y B. Dato' Dr. Ismail bin Dato' Ab.Rahman .
4.	Menteri Keewangan	Y. B. Inche Tan Sew Sin.
5.	Menteri Pengangkutan.	Y. B. Dato' Sardon bin Haji Jubir .
6.	Menteri Boroh.	Y. B. Inche V. Manikavasagam .
7.	Menteri Perniagaan dan Perusahaan.	Y. B. Dr. Lim Swee An .
8.	Menteri Kerja Raya, Pos, Talikom.	Y. B Dato' V. T. Sambanthan .
9.	Mnteri Kebajikan Masharakat.	Y. B. Captain Ab.Hamid Khan.

10.	Menteri Pelajaran	Y. B. Inche Ab.Rahman Talib.
11.	Menteri Kesihatan	Y. B. Inche Bahaman Shamsuddin.
12.	Menteri Pertanian, Hutan, Perikanan dan Sharikat Kerjasama	Y. B. Inche Md. Khair Johari.
13.	Menteri Penerangan dan Siaran Radio	Y B. Inche Senu bin Ab.Rahman.
14.	Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Y. B. Inche Koh Kai Boh.
15.	Menteri Hal Ehwal Sarawak	Y. B. Dato' Temenggong Jugah.
16.	Menteri Tidak Berjawatan	Y. B. Dato' Ong Yoke Lin.

Lain dari Menteri2 Kabinet tersebut di-atas ada pula beberapa orang Menteri Muda yang tidak menjadi ahli Jama'ah Menteri ia-itu:—

1.	Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan	Y. B Haji Khalid b. A. Osman.
2.	Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar	Y. B. Inche Ghazali bin Hj. Jawi.
3.	Menteri Muda Kehakiman	Y. B Inche Ab. Rahman Ya'akub.
4.	Menteri Muda Pertanian, Perikanan dan Kerjasama	Y. B. Inche Sulaiman bin Bulon.
5.	Menteri Muda Pelajaran	Y. B. Inche Lee Sok Yew.

Perdana Menteri: ia-lah yang menjadi Ketua Kerajaan dan ia-lah juga menjadi Pemimpin dalam Dewan Ra'ayat dan Pengurusi Jama'ah Menteri, dan ia-lah juga yang menyampai atau menyembahkan sa-suatu berhubong dengan pentadbiran 'am kapada Yang Di-Pertuan Agong. Ia memegang jawatan dengan kesukaan **Raja** dan ia boleh meletakkan jawatan pada bila2 masa.

Perdana Menteri hendak-lah warganegara Malaysia mengikut perjalanan Undang2, tidak boleh warganegara yang di-daftarkan atau warganegara dengan permohonan di-lantek menjadi Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri ia-lah satu jawatan yang tidak ada dalam Perlembagaan Malaysia; dan ada-nya pangkat dan jawatan itu ia-lah menyenangkan urusan Jama'ah Menteri bila Perdana Menteri tidak ada dalam Negeri atau dalam cuti dan ia-lah sa-bagai bakal Perdana Menteri. Dengan sebab itu jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak bergaji; tetapi gaji-nya di-terima dari Kementerian lain yang di-pegang-nya.

Mana2 Menteri yang memegang lebeh dari satu Kementerian ia hanya menerima gaji sa-bagai sa-orang Menteri juga.

PENDUDOK2 MALAYSIA

Ada-pun Malaysia ini ada lah sa-buah Negara yang muda dan sa-buah Negara baharu munchul dan termasok dalam jumlah negara yang belum maju.

Malaysia juga sa-buah negara yang mempunyai pendudok champoran dari berbagai2 bangsa, keturunan, yang berlainan kulit, bahasa, 'adat resam dan ugama, dan boleh di-katakan sa-buah negeri yang berlainan sa-kali dari lain2 negeri dalam dunia.

Pendudok Malaysia terdiri dari orang2 Melayu, Bumi Putera Asli saperti Dayak, Melanau, Dusun, Bajau, Brunei, Murut, Kedayan, Bisaya, Sunge, Sulu, Orang Darat, di-samping bangsa2 dagang saperti China, India, Pakistan, Serani, Ceylon, Siam, Eropah, dan lain2.

Di-antara pendudok2 itu Orang Melayu dan Bumi Putera-lah yang banyak sa-kali bilangan-nya. Mengikut banchi di-akhir tahun 1961 jumlah pendudok2 Negara Malaysia ia-lah lebeh sedikit 10 juta orang dan bilangan itu ada-lah bagaimana di-bawah ini:-

Kaum	Malaya	Singapura	Sarawak	Sabah	Jumlah
Bumi Putera	3,630,000	238,000	529,000	320,000	4,707,000
China	2,670,000	1,279,000	243,000	110,000	4,302,000
India/Pakistan	813,000	142,000	—	—	955,000
Lain2 Bangsa	129,000	41,000	8,000	45,000	223,000
Jumlah	*7,232,000*	*1,700,000*	*740,000*	*475,000*	*10,187,000*
Peratus	*70.9%*	*16.7%*	*7.0%*	*4.7%*	*100%*

Sejarah Pendudok2

Pendudok2 Tanah Melayu sa-belum tahun 1900 tidak-lah di-ketahui bilangan-nya sebab tidak di-banchi sa-chara resmi, hanya Pulau Pinang dan Melaka di-anggarkan mempunyai pendudok2 masa itu berjumlah 86 ribu dan 29 ribu.

Dalam tahun 1911 mengikut angka yang di-anggarkan di-seluroh Tanah Melayu berjumlah 2,339,000 orang; tetapi 36 tahun kemudian ia-itu dalam tahun 1947 pendudok2 Tanah Melayu telah bertambah lebeh 100% ia-itu telah menjadi 4,907,086 orang.

Bertambah-nya angka pendudok sa-demikian besar ia-lah kerana jumlah imigerasi yang besar tiap2 tahun di-sebabkan dasar pintu terbuka Tanah Melayu dari tahun 1895, tatkala Negeri2 Melayu Bersekutu di-tubohkan. Dasar ini telah di-jalankan oleh Penjajah dan Kapitalis British dengan tidak di-sedari oleh pembesar2 Melayu di-zaman itu terhadap akibat-nya 50 tahun kemudian.

Dalam tahun 1957 jumlah pendudok2 Tanah Melayu telah meningkat lagi menjadi 6,279,000 yaini telah bertambah 1,371,214 orang dalam tempoh 10

tahun sahaja.

Kemudian mengikut anggaran pendudok2 tahun 1959 ia-itu 2 tahun sa-lepas **Merdeka,** pendudok2 Tanah Melayu telah bertambah menjadi 6,815,000 ia-itu lebeh 540,000 dalam 2 tahun. Mengikut banchi tahun 1961 pula jumlah pendudok2 telah menjadi 7,232,000. Memandang kapada keadaan pesat-nya perkembangan pendudok2 Tanah Melayu sekarang bilangan itu akan menjadi 10,000,000 orang dalam tahun 1970.

Ramai Pendudok Dalam Tiap2 Negeri.

Di-bawah ini di-tunjokkan jumlah pendudok pada tiap2 negeri dalam Tanah Melayu dari tahun 1911 hingga tahun 1957 dan dari angka itu dapat-lah di-ketahui pendudok tiap2 negeri itu bertambah. Angka di-bawah ini di-kira dengan angka ribu :-

Negeri	1830	1911*	1921	1931	1947	1957
Perak	35	502	611	786	954	1,221
Selangor	1	294	401	533	711	1,013
Johor	25	180	282	505	738	927
Kedah	21	246	339	403	554	702
Pinang	86	271	292	340	446	572
Kelantan	50	287	309	362	449	506
Negeri Sembilan	28	130	179	234	268	365
Pahang	40	119	146	180	250	313
Melaka	29	124	154	187	239	291
Trengganu	31	154	154	180	226	278
Perlis	25	33	40	49	70	91
Jumlah semua		2,339	2,907	3,788	4,908	6,279

Anggaran Pendudok2 Tanah Melayu Mengikut Bangsa
(Kiraan Ribu).

Tahun	Melayu	China	India / Pakistan	Lain2	Jumlah
1931 (1)	1,864	1,285	571	68	3,788
1947 (1)	2,428	1,884	531	68	4,908

☆ Anggaran dan agakan
(1) Banchi. Lain2 anggaran akhir December.

1950	2,599	2,002	566	80	5,247
1951	2,668	2,027	585	83	5,363
2952	2,757	2,069	614	89	5,529
1953	2,849	2,120	647	93	5,709
1954	2,926	2,171	662	89	5,985
2955	2,991	2,229	681	104	6,008
1956	3,078	2,297	704	111	6,190
1957*	3,198	2,378	723	116	6,405
1958	3,293	2,445	740	118	6,596
1959	3,456	2,520	767	122	6,815

Mengikut anggaran pendudok2 akhir December, 1959, jumlah orang2 Melayu dalam Tanah Melayu ia-lah 3,456,000 ia-itu 936,000 orang lebeh ramai dari bilangan Orang2 China. Dalam tahun itu juga Orang2 Melayu telah bertambah bilangan-nya sa-banyak 110,298 orang berbanding dendan orang2 China bertambah 74,204 orang.

Jumlah kanak2 Melayu yang di-lahirkan dalam tahun 1959 ia-lah sa-banyak 848,012 orang ber-banding dengan 95,454 kanak2 China. Daripada kenyataan ini nyata menunjokkan bahawa Orang2 Melayu bertambah jauh lebeh banyak daripada Orang2 China pada tiap2 tahun dalam Tanah Melayu.

Satu daripada sebab banyak-nya bertambah bilangan kanak2 Melayu di-lahirkan ia-lah kerana bilangan perempuan2 Melayu berjumlah 1,013 orang pada tiap2 1,000 orang laki2, manakala perempuan China berjumlah 926 orang pada tiap2 1,000 laki2 China.

Jika sa-kira-nya kawalan kapada ibu2 yang melahirkan anak itu lebeh baik lagi, maka bilangan Orang2 Melayu akan jauh lebeh chepat lagi bertambah-nya.

Dengan sebab itu kebimbangan Orang2 Melayu akan menjadi kurang bilangan-nya dalam negeri ini ada-lah suatu perkara yang mustahil.

---

* Banchi. Lain2 anggaran akhir Decembar.

Jumlah Perempuan Dalam tiap2 1,000 Laki2 (Kiraan ribu).

Bangsa	1911	1921	1931	1947	1957
Melayu	--	--	973	1,010	1,013
China	215	371	486	815	926
India/Pakistan	320	424	514	687	746

Perbandingan Pendudok2 Melayu Dan China Dalam Tahun 1957.

Bangsa	Bertambah 1957	Jumlah %	Perempuan dalam 1,000 laki2	Jumlah lahir	Lahir Di-Malaya
Melayu	110,298	49.8	1,013	148,012	97.4%
China	74,204	37.0	926	95,454	75.5%

Peringatan: Jumlah Peratus itu erti-nya peratus daripada jumlah semua pendudok2 Tanah Melayu.

Tanah Melayu ia-lah sa-buah negeri yang jauh sa-kali berlainan keadaan-nya daripada lain2 negeri dalam dunia ini kerana negeri ini di-dudoki oleh ber-bagai2 bangsa yang berlainan warna kulit, ugama, 'adat resam dan peratoran, tetapi telah hidup bersatu padu dengan aman sentosa.

Tetapi jika menurut sejarah, Tanah Melayu ini ia-lah negeri kepunyaan dato' nenek orang Melayu dan menjadi bumi pusaka orang Melayu dari zaman ber-zaman, saperti Negeri China menjadi hak kepunyaan orang2 China, Negeri India menjadi hak pusaka orang2 India.

Orang2 Melayu-lah pendudok2 di-seluroh Tanah Melayu dari zaman purbakala dan orang2 Melayu-lah menjadi pemerentah hingga termashhor kebesaran dan kegagahan-nya dan pengaroh Kerajaan Melayu dahulu kala hingga ka-negeri China di-sabelah timor dan tanah 'Arab di-sabelah barat-nya.

Dalam kurun Masehi yang XV Impayar Kerajaan Melayu Melaka telah berkembang besar dan di-segani

oleh Kerajaan2 yang lain di-Tenggara Asia.

Tetapi semenjak kejatohan Kerajaan Melayu Melaka oleh orang Pertugis, pemerentahan Tanah Melayu telah berpechah2 dan kekuasaan orang2 Melayu makin lemah dan akhir-nya Raja2 Melayu terpaksa menjemput orang2 Inggeris datang memberi nasihat dan menyerahkan kekuasaan memerentah negeri ini kapada Kerajaan Inggeris.

Kerajaan British dengan kebijaksanaan pegawai2-nya telah mengadakan dasar politik-ekonomi-nya bagi memaju dan membukakan negeri ini dengan tidak memperdulikan apa akan jadi kapada orang Melayu yang menjemput mereka memerentah negeri ini.

Dengan dasar ini pintu Tanah Melayu telah di-buka dengan sa luas2-nya untok pemodal2, ahli2 teknik, dan boroh2 dari luar negeri. Dengan dasar ini bangsa2 asing terutama orang2 China dan India telah datang menchurah2 masok ka-Tanah Melayu. Dalam tahun 1921 orang2 China dalam Tanah Melayu telah menjadi 29.4 peratus daripada jumlah semua pendudok2 dan dalam tahun 1947 telah naik menjadi 38.4 peratus.

Dalam tahun 1957 ia-itu tahun kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, kedudokan jumlah bangsa2 dalam Tanah Melayu ia-lah saperti di-bawah ini:-

Bangsa	Jumlah	Peratus
Melayu	3,125,000	49.8
China	2,334,000	37.2
India/Pakistan	704,000	11.0
Lain2 Bangsa	112,000	1.8

Daripada jumlah pendudok2 Tanah Melayu 1957 di-atas itu nampak-lah nyata jika di-champorkan kesemua bangsa yang bukan Melayu mereka akan berjumlah 50.2% daripada semua pendudok.

Dalam chita2 mendirikan sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat mesti-lah ada 5 sharat ia-itu:—

1. Negara dan kawasan sempadan-nya.
2. Bangsa yang bersifat **Nation**.
3. Bahasa Kebangsaan.
4. Bendera Kebangsaan.
5. Lagu Kebangsaan.

Oleh sebab Tanah Melayu ini di-diami oleh berbagai2 bangsa, bahasa dan ugama serta kebudayaan, berlainan warna kulit dan 'adat resam, maka perlu-lah di-chiptakan satu bangsa Malaysia yang bersatu yang mempunyai ta'at setia yang satu kapada Negara Malaysia dengan tidak mengira keturunan bangsa, negeri asal mereka supaya dapat mengadakan kerjasama yang baik dan kokoh bagi mengekalkan keamanan dan kema'amoran ra'ayat dan negara.

Dengan tujuan di-atas ini-lah dan dengan tujuan hendak mendirikan sa-buah negara demokrasi dan berparliman, maka Perlembagaan Malaysia telah mengadakan sharat2 mengenai warganegara bagaimana Bab III ia-itu di-beri peluang kapada pendudok2 dalam Malaysia boleh mengambil hak menjadi warganegara. Tiap2 warganegara ada-lah mempunyai hak yang sama di-sisi Undang2 dan Perlembagaan.

Perlembagaan Malaysia berasal dari Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, yang mana telah di-ada-kan beberapa pindaan bagi mensesuaikan dengan keadaan ra'ayat dan Kerajaan Singapura, Sabah dan Sarawak. Perlembagaan Malaysia ini telah berjalan kuat-kuasa-nya pada 16 hb. September, 1963.

Pendukok2 Singapura.

Mengikut banchi tahun 1957 jumlah pendudok2 Singapura ia-lah 1,466,000 orang manakala dalam tahun 1961 telah di-anggarkan jumlah pendudok2 Singapura 1,700,000 orang ia-itu:—

Bumi putera (Melayu)	238,000.
China	1,279,000.
India/Pakistan	142,000.

Lain2 bangsa	41,000
Jumlah	1,700,000

Oleh sebab Singapura mempunyai hak autonomi dalam Perborohan dan Pelajaran serta Kebudayaan, maka sa-sunggoh-nya kedudokan orang2 China Singapura berlainan keadaan-nya dengan orang2 China dalam Tanah Melayu.

Pendudok2 Singapura mempunyai Kad Pengenalan sendiri, dan orang2 yang memegang Kad Singapura tidak boleh di-tukar dengan Kad Pengenalan Tanah Melayu kechuali ia memenohi sharat2 warganegara Tanah Melayu dengan chara permohonan.

Dengan sebab itu ra'ayat Singapura tetap menjadi ra'ayat Singapura dan mereka hanya boleh menjadi pengundi dan kena undi di-Singapura, ia-itu menjadikan ramai orang2 China di-Singapura dengan tidak menambah bilangan pengundi2 di-Tanah Melayu.

Pendudok Sarawak.

Ada-pun pendudok2 negeri Sarawak mengikut banchi tahun 1961 ia-lah bagaimana di-bawah ini:—

Dayak Laut (Iban)	239,469
Melayu	132 903
Dayak Darat	59,267
Melanau	45,155
Lain2 bumi putera	38,562
Lain2 bukan bumi putera	6,691
Eropah	1,679
China	236,473
Jumlah	760,099

Mengikut bilangan di-atas ada 515,356 orang bumi putera dan 236,473 orang China.

Pendudok2 Sabah.

Mengikut banchi tahun 1960 pendudok2 negeri Sabah ia-lah bagaimana di-bawah ini:—

Dusun (Kadazan)	145,229
Murut	22,132
Bajau	59,132
Brunei	23,450
Kedayan	7,871
Sunge	15,112
Bisaya	10,053
Sulu	11,080
Lain2 termasok Melayu	41,485
Jumlah	454,421

Daripada 454,421 jiwa pendudok negeri Sabah itu hanya beberapa ribu sahaja orang2 China, manakala yang lain ia-lah anak jati bumi putera.

Bumi putera Sabah dan Sarawak itu ia-lah sa-bangsa, sa-darah dan sa-asal dengan orang Melayu.

WARGANEGARA MALAYSIA

Menjadi Warganegara Mengikut Perjalanan Undang2

A. 1. Dengan terta'alok kapada Perkara (2) Perlembagaan, orang2 saperti tersebut di-bawah ini menjadi warganegara menurut kuasa Undang2 ia-itu:-

a. Tiap2 orang dalam Tanah Melayu yang sa-belum Hari Merdeka 31. August, 1957 menjadi warganegara Tanah Melayu dengan menepikan apa2 sharat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, sama-ada menurut kuat-kuasa Undang2 atau lain2 daripada itu.

b. Tiap2 orang yang lahir dalam Tanah Melayu pada atau sa-lepas hari merdeka.

c. Orang yang lahir di-luar Tanah Melayu pada atau pun sa-lepas Hari Merdeka bapa-nya menjadi warganegara pada masa ia di-lahirkan sama-ada bapa-nya telah lahir di-dalam Tanah Melayu atau pun bapa-nya itu bekerja dengan Kerajaan Persekutuan atau Negeri pada masa anak-nya itu di-lahirkan.

d. Tiap2 orang yang lahir di-luar Tanah Melayu pada atau sa-lepas Hari Merdeka bapa-nya menjadi warganegara pada masa ia lahir itu, jika surat beranak-nya itu di-daftarkan di-Kedutaan Tanah Melayu dalam tempoh satu tahun lepas lahir itu atau lebeh daripada satu tahun saperti yang di-benarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubong dengan mana satu kelahiran yang tertentu.

e. Tiap2 orang yang lahir dalam Sabah dan Sarawak sa-lepas Hari Malaysia.

f. Tiap2 warganegara Sabah dan Sarawak sa-belum Hari Malaysia.

g. Tiap2 warganegara Singapura.

2. Berkenaan dengan warganegara Singapura hendak-lah mengikut Perlembagaan Singapura, dan pindaan2 boleh di-buat oleh Dewan Perhimpunan Singapura dengan mendapat kelulusan Undang2 Parliman.

3. Warganegara Singapura hendak-lah tidak terpisah dari warganegara Malaysia, tetapi tiap2 warganegara Singapura yang terluchut kewarganegaraan-nya, maka terluchut-lah dari warganegara Malaysia.

Warganegara Dengan Pendaftaran.

(Isteri dan anak orang jadi warganegara).

B. 1. Dengan tertaʿalok kapada Perkara (18) Perlembagaan, siapa2 jua orang perempuan isteri kapada

sa-orang warganegara berhak-lah ia membuat surat permohonan kapapa Kerajaan Persekutuan supaya di-daftarkan menjadi warganegara.

2. Dengan terta'alok kapada Perkara (18) Perlembagaan, siapa2 jua yang ber'umor di-bawah 21 tahun bapa nya sa-orang warganegara atau pun jika bapa-nya itu sudah jadi warganegara masa mati-nya, maka orang itu ada-lah berhak dengan membuat permohonan kapada Kerajaan Persekutuan oleh ibu-bapa-nya atau penjaga-nya supaya di-daftarkan menjadi warganegara, jika Kerajaan Persekutuan puas hati bahawa ia itu pendudok yang tetap di-Persekutuan dan berkelakuan baik.

3. Berhubong dengan Perkara ini bagi sa-orang perempuan yang telah bersuami dan perkahwinan-nya itu telah di-daftarkan menurut apa2 jua Undang2 yang telah berjalan kuat-kuasa-nya dalam Persekutuan, termasok mana2 Undang2 yang berjalan kuat-kuasa-nya sa-belum Hari Merdeka.

4. Mengikut Perkara (18) Perlembagaan, siapa2 yang ber'umor 21 tahun yang telah lahir sa-belum October, 1962, dan bapa-nya sa-orang warganegara (bukan warganegara Singapura) dan juga sa-orang warganegara pada permulaan bulan itu ada-lah ia berhak dengan membuat permohonan kapada Kerajaan Persekutuan oleh ibu-bapa atau penjaga-nya supaya di-daftarkan menjadi warganegara jika Kerajaan Persekutuan puas hati ia telah dudok dalam Persekutuan dan berkelakuan baik.

C. Dengan terta'alok kapada Perkara (18) Perlembagaan siapa2 jua yang ber'umor 18 tahun atau lebeh yang lahir di-Persekutuan Tanah Melayu sa-belum Hari Merdeka berhak-lah, ia boleh di-daftarkan jadi warganegara dan jadi ia meminta kapada pehak berkuasa pendaftaran dan ia memuaskan hati penak yang berkuasa bahawa:—

a. Ia telah tinggal tetap dalam Tanah Melayu tidak kurang 5 tahun dari tempoh 7 tahun

sa-belum tarikh membuat permohonan-nya.

b. Ia bermaksud hendak tinggal tetap di-Persekutuan.

c. Berkelakuan baik.

d. Ia mengerti bahasa Melayu.

D. Dengan terta'alok kapada Perkara (18) Perlembagaan siapa2 yang ber'umor 18 tahun atau lebeh yang telah tinggal dalam Tanah Melayu pada Hari Merdeka mengikut sharat2 Jadual Yang Kedua boleh-lah ia di-daftarkan jadi warganegara jika ia meminta kapada pehak yang berkuasa pendaftaran dan jika ia memuaskan hati pehak yang berkuasa bahawa:-

a. Ia telah tinggal dalam Tanah Melayu tidak kurang dari 8 tahun daripada 12 tahun terdahulu daripada tarikh membuat surat permintaan itu.

b. Ia hendak tinggal tetap di-Persekutuan.

c. Berkelakuan baik.

d. Mengerti bahasa Melayu yang senang2.

E. Dengan terta'alok kapada Perkara (18) Perlembagaan siapa2 jua yang ber'umor lebeh 18 tahun pada Hari Malaysia yang biasa-nya tinggal dalam negeri2 Borneo ada-lah berhak, dengan membuat permintaan kapada Kerajaan Persekutuan sa-belum bulan September, 1971, untok di-daftarkan menjadi warganegara Persekutuan jika ia memuaskan Kerajaan Persekutuan bahawa:

a. Ia telah tinggal di-kedua2 wilayah Borneo sa-belum Hari Malaysia dan sa-lepas Hari Malaysia tinggal di-Persekutuan (di-luar Singapura) bagi masa 7 tahun dari 10 tahun sa-belum membuat surat permintaan ini.

b. Hendak tinggal tetap di-Persekutuan di-luar Singapura.

c. Berkelakuan baik.

d. Kechuali pemohon yang membuat permintaan sa-belum bulan September, 1965 dan pemohon-nya itu telah ber'umor 45 tahun pada hari membuat permintaan itu dan ia mengerti bahasa Melayu atau English atau bagi pemohon2 dari negeri Sarawak dan Sabah hendak-lah mengerti bahasa Melayu, English atau bahasa anaknegeri jati yang di-gunakan dalam Sarawak dan Sabah.

Warganegara Dengan Chara Permohonan.

F. Dengan terta'alok kapada Perkara (21), Perlembagaan Kerajaan Persekutuan boleh-lah mengeluarkan surat akuan jadi warganegara dengan chara permohonan kapada siapa2 jua yang ber'umor 21 tahun atau lebeh, jika ia meminta dan jika Kerajaan Persekutuan puas hati bahawa:-

a. Ia telah tinggal dalam Persekutuan tidak kurang 10 tahun dari 12 tahun terdahulu dari tarikh ia membuat permintaan itu.

b. Ia hendak tinggal tetap di-Persekutuan.

c. Kelakuan baik.

d. Mengerti bahasa Melayu dengan sa-chukup-nya.

G. Dengan terta'alok kapada Perkara (21) Perlembagaan Kerajaan Persekutuan hendak-lah mengeluarkan surat akuan jadi warganegara kapada ahli2 pasokan bersenjata jika Kerajaan puas hati:-

a. Telah berkhidmat sa-lama 3 tahun bagi perkhidmatan penoh masa atau tidak kurang dari 4 tahun bagi perkhidmatan sa-bahagian masa dalam apa2 jua pasokan bersenjata Perskeutuan.

b. Ia hendak tinggal tetap dalam Persekutuan.

II. 1. Kerajaan Persekutuan boleh-lah mengeluarkan surat akuan jadi warganegara kapada pemohon2 yang ber'umor 21 tahun atau lebeh yang bukan warganegara, jika Kerajaan puas hati bahawa:-

a. i. Ia telah tinggal dalam Persekutuan (luar Singapura) bagi tempoh yang di-tentukan dan jika surat akuan itu di-beri, ia mengaku mahu tinggal tetap dalam Persekutuan.

ii. Ia telah tinggal dalam Singapura bagi sa-lama masa yang di-tentukan dan jika surat akuan jadi warganegara itu di-keluarkan ia mahu tinggal tetap dalam Persekutuan.

b. Berkelakuan baik.

c. Tahu bahasa Melayu dengan chukup.

2. Kerajaan Persekutuan harus-lah dengan satu2 sebab yang khas yang di-fikirkan patut, mengeluarkan surat akuan mengubah rupa bangsa kapada sa-orang yang ber'umor 21 tahun dan bukan warganegara, jika ia membuat permohonan dan jika puas hati bahawa:-

a. Ia telah dudok dalam Persekutuan (bukan Singapura) bagi masa yang di-tentukan dan ia berchita2 mahu tinggal tetap dalam Persekutuan.

b. Berkelakuan baik.

c. Tahu bahasa Melayu.

3. Masa yang di-tentukan dudok dalam Persekutuan ia lah 10 tahun dari masa 12 tahun sa-belum membuat surat permohonan itu.

4. Orang yang mendapat akuan mengubah rupa bangsa menjadi warganegara Singapura, ia hanya menjadi warganegara Singapura.

5. Akuan mengubah rupa bangsa menjadi warganegara Singapura tidak boleh di-keluarkan melainkan dengan persetujuan Kerajaan Singapura.

6 Surat akuan mengubah rupa bangsa tidak boleh di-keluarkan sa-belum ia telah bersumpah.

7. Mengikut Perkara (18) Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan boleh mendaftarkan sa-orang yang ber'umor bawah 21 tahun, jika bapa-nya sa-orang warganegara, tetapi bukan warganegara Singapura, apabila membuat surat permohonan kapada Kerajaan Persekutuan oleh ibu-bapa-nya atau penjaga-nya.

8. Mengikut Perkara (18) Perlembagaan, sa-orang yang ber'umor bawah 21 tahun dan ia lahir pada permulaan October, 1962 bapa-nya sa-orang warganegara (bukan warganegara Singapura) berhak di-daftarkan menjadi warganegara jika surat permohonan di-buat oleh ibu-bapa atau penjaga-nya dan Kerajaan puas hati ia telah tinggal tetap di-Persekutuan (luar Singapura) dan ia berkelakuan baik.

9. Berhubong dengan perempuan yang berkahwin dengan warganegara, ia-itu perkahwinan yang di-daftarkan mengikut Undang2 sa-belum Hari Merdeka atau sa-belum Hari Malaysia bagi negeri2 Singapura, Sabah dan Sarawak.

Dengan sharat bahawa tidak-lah boleh perempuan janda supaya di-daftarkan menjadi warganegara Persekutuan sa-belum permulaan bulan September, 1965 bagi Singapura, Sabah dan Sarawak.

10. Perempuan2 janda kapada warganegara yang di-dapati dengan jalan menukar rupa bangsa (naturalisation) tidak-lah berhak di-daftarkan.

11. Mengikut Perkara (18) Perlembagaan, mana2 orang yang ber'umor lebeh 18 tahun, pada Hari Malaysia tinggal tetap dalam Sabah dan Sarawak, berhak dengan membuat permohonan supaya "di-daftarkan menjadi warganegara jika Kerajaan Persekutuan puas

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Ibrahim

Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Munawir ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman

hati:-

a. Bahawa ia telah tinggal sa-belum Hari Malaysia dalam Sarawak dan Sabah dan lepas Hari Malaysia tinggal dalam Persekutuan (bukan Singapura) bagi masa tidak kurang 7 tahun dari 10 tahun pada hari membuat permohonan itu.

b. Ia berchita2 hendak dudok tetap dalam Persekutuan.

c. Berkelakuan baik.

d. Permohonan di-buat sa-belum September, 1965 dan pemohon itu telah ber'umor 45 tahun pada hari membuat permohonan itu dan ia boleh berchakap bahasa Melayu atau Inggeris dan bahasa bumiputera jika ia tinggal di-Sabah atau Sarawak.

BAHASA KEBANGSAAN

Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 152(I) Bahasa Melayu ia-lah Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi Malaysia. Dalam Tanah Melayu, Bahasa Melayu akan di-jadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi yang tunggal dalam tahun 1967 dengan sharat Parliman akan menentukan-nya dan Parliman jua akan menentukan tulisan-nya baik Jawi atau Rumi. Bagi Negeri Sarawak dan Sabah, Bahasa Inggeris akan menjadi Bahasa Resmi dalam tempoh sa-puloh tahun sa-lepas Hari Malaysia. Lepas tempoh 10 tahun itu Dewan Undangan Sarawak dan Sabah akan menentukan sama ada Bahasa Inggeris itu patut di-teruskan menjadi Bahasa Resmi atau tidak.

Bagi Singapura Bahasa Melayu ia-lah Bahasa Kebangsaan-nya; tetapi Bahasa China, Tamil, Inggeris dan Melayu menjadi Bahasa Resmi. Lepas 10 tahun

kemudian dari hari Malaysia, terpulang-lah kapada Singapura sendiri sama ada mahu menjadikan Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi yang tunggal di-Singapura atau tidak, kerana tidak ada sharat2 dalam Perlembagaan manakala Singapura mempunyai kuasa autonomi dalam perkara pelajaran.

Tetapi mengikut perkara ini juga di-nyatakan bahawa bahasa2 lain hendak-lah boleh di-ajar dan belajar dan tidak ada apa2 dalam perkara ini bagi mana2 kaum untok menjaga, memelihara dan menggunakan dan mempelajari bahasa2 dari mana2 kaum di-dalam Malaysia.

Dalam Tanah Melayu, Bahasa Kebangsaan telah di-jadikan satu pelajaran yang wajib di-ajar dan di-pelajari dalam mana2 sekolah Kerajaan atau sekolah yang mendapat bantuan Kerajaan.

Maka dengan sebab ada-nya perkara 152 dalam Perlembagaan itu ada-lah menjadi bebanan dan tanggong-jawab bersama antara Kerajaan dan ra'ayat negeri ini memperjuangkan dengan segala daya dan upaya yang boleh guna menegakkan Bahasa Kebangsaan itu supaya menjadi Bahasa Kebangsaan yang mempunyai erti kata yang sa-benar2-nya.

Bahasa Kebangsaan yang tertulis dalam perkara 152 Perlembagaan itu tidak akan tegak dengan sendiri-nya di-kalangan ra'ayat yang berbilang2 bangsa dan bahasa itu jika tidak di-perjuangkan dan di-gunakan bersama antara Kerajaan dan ra'ayat seluroh-nya.

Tuan Sayed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka baharu2 ini telah menegaskan bahawa Bahasa Melayu tidak dapat di-paksa kapada semua pendudok2 negeri. Ini ada-lah suatu jawapan kapada sa-tengah2 pendapat yang memikirkan patut Kerajaan memaksa ra'ayat mempelajari dan menggunakan Bahasa Kebangsaan itu.

Sa-sunggoh-nya satu2 bahasa itu akan menjadi besar dan tertarek jika tinggi nilai-nya di-sisi masharakat.

Bahasa Inggeris

Mengikut Perkara 152 (2) Perlembagaan, Bahasa Inggeris hendak-lah menjadi Bahasa Resmi dalam masa 10 tahun mulai lepas Hari Merdeka bagi Tanah Melayu dan Hari Malaysia bagi Sarawak dan Sabah.

Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris boleh di-gunakan dalam Parliman, Dewan2 Undangan Singapura, Sarawak dan Sabah, dan lain2 Majlis Perbandaran, Majlis Bandaran, Majlis Luar Bandar, Majlis Tempatan dan sa-bagai-nya.

Bahasa Inggeris ia-lah Bahasa Resmi yang tunggal yang boleh di-gunakan dalam Mahkamah2 Tinggi, Mahkamah Tengah, Mahkamah Majistrit dan Mahkamah Polis dalam tempoh 10 tahun mulai lepas Hari Merdeka atau lepas Hari Malaysia.

Lepas 10 tahun itu, maka berkuasa-lah Parliman membuat Undang2 bagi menentukan ada-kah Bahasa Inggeris itu perlu menjadi Bahasa Resmi lagi atau tidak. Mana2 keputusan Parliman dalam perkara ini, di-negeri2 lain dari Tanah Melayu, hendak-lah lebeh dahulu mendapat persetujuan Gobnor negeri2 itu.

Ada-pun bahasa bumiputera Sarawak dan Sabah boleh di-gunakan dalam Majlis2 Undangan Negeri, Majlis Daerah, Majlis Tempatan dan di-Mahkamah2 'Adat bumiputera.

Bagi Singapura, Bahasa Inggeris, Melayu, China dan Tamil ada-lah menjadi Bahasa Resmi yang boleh di-gunakan dalam Dewan Undangan dan lain2 Majlis resmi Kerajaan, manakala di-Mahkamah2 Tinggi dan Mahkamah Rendah hanya Bahasa Inggeris yang boleh di-gunakan. Mahkamah Shara'iah Singapura menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Negeri2 dalam dunia yang sama dalam masa'alah kaum dan bahasa saperti Tanah Melayu atau Malaysia ini ia-lah negeri Switzerland di-tengah2 Benua Eropah kerana ia sa-buah negeri persatuan antara tiga bangsa

atau kaum ia-itu German, Peranchis dan Italy; tetapi Bahasa Resmi-nya ia-lah ketiga2 bahasa itu.

Negeri Canada pula Bahasa Kebangsaan-nya ia-lah Bahasa Inggeris; tetapi Bahasa Peranchis ia-lah menjadi salah satu Bahasa Resmi negeri itu. Ada banyak lagi negeri2 lain yang mempunyai dua bahasa resmi negeri itu, saperti Belgium dan Yogoslavia.

Dalam masa penjajahan Inggeris dahulu sa-mata2 Bahasa Inggeris di-gunakan dalam Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura oleh semua ahli dari apa bangsa pun baik Melayu, China dan India. Pada masa itu tidak-lah ada apa2 kesusahan dalam so'alan bahasa dan tidak-lah ada tuntutan supaya di-gunakan bahasa China dan Tamil.

Dari beberapa lama telah mashhor dalam negeri ini Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan antara kaum2. Orang2 China, India dan Pakistan bertutor dengan orang2 Melayu mereka menggunakan Bahasa Melayu, orang2 China bertutor dengan orang2 India pun menggunakan Bahasa Melayu juga. Lazim-nya di-masa sekarang Bahasa Melayu yang di-gunakan antara kaum2 itu ia-lah Bahasa Melayu Pasar.

Dasar Kerajaan Persekutuan sekarang ia-lah mewajibkan semua sekolah2 Kerajaan dan sekolah2 yang mendapat bantuan Kerajaan supaya bahasa Kebangsaan di-ajar sa-bagaimana mata pelajaran lain juga sa-bagai satu mata pelajaran.

Dengan sebab itu dalam masa satu atau dua keturunan akan datang, bila kanak2 sekarang telah menjadi orang tua, maka dewasa itu pergaulan dan perhubongan antara kaum2 akan menjadi rapat, tegoh dan kaseh mesra sa-bagai satu bangsa. Dengan jalan ini perpaduan antara kaum akan tegak kuat yang akan membawa keamanan dan kebahagiaan yang berkekalan.

Dalam tahun 1962 nilai Bahasa Kebangsaan itu telah naik tinggi dan harga-nya telah nampak saperti fajar di-angkasa timor kerana dalam tahun ini peperek-saan Sijil Persekutuan Tanah Melayu telah di-adakan

dalam Bahasa Kebangsaan dan kelulusan itu sama mutu-nya dengan kelulusan yang di-ambil dalam Bahasa Inggeris dengan mendapat tingkatan gaji yang sama.

Mengikut kenyataan Menteri Pelajaran Malaysia, bahawa dalam tahun 1964 pepereksaan masok ka-University Malaya akan di-adakan buat pertama kali-nya dalam sejarah Malaysia dan bahasa pengantar yang menggunakan Bahasa Kebangsaan akan di-gunakan sa-rentak dengan Bahasa Inggeris.

UGAMA ISLAM

Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3 (I) Ugama Islam ia-lah Ugama Resmi; manakala Malaysia tetap berpegang kapada dasar "Secular State" ia-itu memberi kebebasan kapada penganut2 ugama lain menganut dan mengerjakan 'ibadat dan keperchayaan-nya masing2 dan Ugama Islam tidak boleh di-paksa kapada penganut2 ugama lain.

Maka dengan ada-nya sharat Perkara 3 (I) Perlembagaan itu maka faedah yang terbit daripada-nya ia-lah:-

a. Hasil Negara boleh di-gunakan untok ranchangan perkembangan dan kemajuan Ugama Islam dalam Malaysia saperti membina masjid2, surau2, madrasah2 dan lain2.

b. Memberi biasiswa kapada penuntut2 ugama di-dalam dan luar negeri dan memberi bantuan wang kapada sekolah2 ugama di-seluroh negeri.

c. Membelanjakan wang kerana tujuan2 perkembangan shi'ar ugama Islam dan lain2. Bagi negeri Sabah dan Sarawak hendak-lah lebeh dahulu mendapat persetujuan Gobnor.

Dalam tiap2 negeri Melayu, ugama Islam menjadi Ugama Resmi negeri masing2. Dengan keadaan demikian tiap2 negeri itu boleh membelanjakan wang kerana kebajikan ugama Islam dan perkembangan-nya.

Dalam negeri2 Melayu di-Tanah Melayu, perkara yang mengenai hal ehwal ugama Islam ada-lah dalam kuasa Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 dan Kerajaan Pusat Malaysia. Tiada pehak yang boleh menchampori dalam perkara yang berhubong dengan ugama Islam kechuali dengan persetujuan Raja negeri2 itu.

Baginda Yang Di-Pertuan Agong ada-lah menjadi Ketua Ugama Islam dalam negeri Baginda sendiri dan negeri2 Pulau Pinang dan Melaka. Raja2 Melayu dengan sifat-nya sa-bagai Ketua Ugama Islam dalam negeri Baginda, boleh-lah memberi kuasa kapada Yang Di-Pertuan Agong untok mewakili-nya dalam menjalankan mana2 chara yang meliputi seluroh Negara.

Pelajaran Ugama Islam ada-lah di-wajibkan di-ajar dalam Sekolah2 Rendah dan Sekolah2 Menengah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan yang mendapat bantuan Kerajaan yang mempunyai 15 murid Islam dalam darjah itu.

Tiap2 sa-orang murid Islam di-sekolah2 rendah di-belanjakan oleh Kerajaan Malaysia sa-banyak $7.00.

HAK2 ISTIMEWA ORANG MELAYU

Negeri Persekutuan Tanah Melayu ia-lah pusaka orang2 Melayu dari beribu2 tahun dahulu. Oleh kerana negeri ini telah di-datangi oleh kuasa2 Barat mena'aloki dan menjajah negeri ini semenjak tahun 1511, maka negeri ini telah berpechah dua belas buah negeri termasok Singapura. Dalam zaman penjajahan British politik-ekonomi telah di-chiptakan dalam negeri ini, sa-mata2 di-tujukan bagi memajukan ekonomi negeri

ini dengan tidak memperdulikan 'akibah-nya yang akan menimpa orang2 Melayu.

Terbit dari dasar ini-lah pintu Tanah Melayu telah di-buka dengan sa-luas2 nya kapada bangsa asing terutama orang2 Eropah, China dan India.

Bang-a2 asing yang lebeh maju negeri-nya telah datang menchurah2 ka-Tanah Melayu membuka lombong2 timah, kebun2 getah dan lain2 kemudian mendirikan perusahaan2 dan membuka bandar2 di-m na tempat mereka meneroka. Akhir-nya dalam masa 50 tahun sahaja orang2 Melayu telah tertinggal ka-belakang dalam ekonomi dari orang2 Eropah, China dan India.

Jika mengikut pandangan mata sekarang di-seluroh Tanah Melayu, orang2 Melayu tidak ada harapan untok menchapai kedudokan ekonomi-nya yang sa-timpal dengan bangsa2 yang bukan Melayu.

Maka dengan sebab itu orang2 Melayu sangat2 chemburu di-atas kedudokan ekonomi bangsa-nya dan kechemburuan itu tidak akan hilang sa-lagi kedudokan ekonomi orang Melayu jauh di-belakang dalam perniagaan, perusahaan, perdagangan dan sa-bagai-nya dan sa-lama kechemburuan itu berada dalam dada orang2 Melayu, maka rasa persafahaman dan keikhlasan bagi menchiptakan perpaduan dengan bangsa bukan Melayu untok menjamin keamanan dan kema'amoran negeri ini payah terlaksana.

Apakala Negeri Persekutuan telah merdeka pada 31 hb. August, 1957, banyak pula hak2 politik yang di-punyai oleh orang2 Melayu telah di-beri kapada orang2 bukan Melayu, ia-lah kesuchian orang2 Melayu mahu kapada perpaduan bangsa dan keamanan.

Tetapi bangsa bukan Melayu masch tidak memberi pengertian yang sa-patut-nya kapada orang2 Melayu dalam perekonomian negeri ini.

Dengan sebab itu bagi menyekat kemundoran orang2 Melayu dan supaya jalan2 mendapat perimbangan dalam ekonomi dengan bangsa2 bukan Melayu dalam

negeri ini, maka tatkala di-gubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, telah di-rekamkan kedudokan istimewa orang2 Melayu bagaimana tersebut dalam Perkara 153.

Kedudokan Istimewa Oraug2 Melayu

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, kedudokan istimewa orang2 Melayu ada-lah saperti di-bawah ini:-

1. Mengikut Perkara 135 (I), kedudokan, kemuliaan, kebesaran dan keutamaan Raja2 Melayu ada-lah terjamin dalam Perlembagaan. Sa-barang perkara yang berhubongan dengan kedudokan Raja2 Melayu tidak boleh di-bahath dalam Parliman kechuali telah di-persetujui oleh Majlis Raja2 Melayu. Raja2 Melayu ada-lah Raja yang berkuasa dan berdaulat dalam negeri masing2 dan ia juga menjadi ketua Ugama Islam.

2. Mengikut Perkara 153 (2) di-antara lain2..... "Yang Di-Pertuan Agong hendak-lah menjalankan kewajipan-nya menurut Perlembagaan dan Undang2 Persekutuan sa-chara yang wajib kerana menjaga kedudokan istimewa orang2 Melayu dan menentukan peruntokan bagi orang2 Melayu dalam jawatan Kerajaan (Persekutuan), biasiswa2, elaun2, atau lain2 keutamaan tentang pelajaran atau latehan atau kemudahan khas yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan dan peruntokan surat kebenaran atau lesen, jika di-kehendaki oleh undang2 Persekutuan apa2 jua surat kebenaran atan lesen tersebut untok menjalankan apa2 perusahaan atau perniagaan dengan tidak terta'alok kapada sharat2 undang2 itu dan dalam perkara ini.

Dari Perkara di-atas itu nyata-lah bahawa kedudokan istimewa orang2 Melayu itu sangat kuat dalam Perlembagaan; tetapi jika tidak di-laksanakan oleh Kerajaan, tidak di-perjuangkan oleh orang2 Melayu, maka hak2 istimewa itu munkin ada dalam Perlembagaan sahaja.

Dalam Perkara 153 (3) berbunyi ..... "Yang Di-Pertuan Agong supaya hendak menentukan menurut Perkara 153 (2) tentang peruntokan pada orang2 Melayu dalam jawatan Kerajaan dan perkara biasiswa, elaun dan lain2 keutamaan tentang pelajaran atau latehan atau pun kemudahan khas boleh-lah menberi apa2 perentah kapada apa2 jua Surohanjaya yang terpakai kapada Bahagian X atau kapada apa2 jua badan-kuasa yang telah terserah kapada-nya tanggong-jawab dalam keutamaan tentang pelajaran atau pun kemudahan khas, dan Surohanjaya atau badan-kuasa itu hendak-lah menurut akan perentah itu.

Dalam Perkara di-atas ini nyata-lah Yang Di-Pertuan Agong boleh mengarahkan kapada semua Surohanjaya atau badan2-kuasa itu supaya di-beri keutamaan dalam jawatan Kerajaan, biasiswa2, elaun2 kerana keutamaan pelajaran atau pun kemudahan2 khas saperti lesen2.

Sebab itu chara pelaksanaan menjalankan isi Perlembagaan berkenaan kedudokan istimewa orang2 Melayu itu-lah menjadikan chepat atau lambat-nya perkembangan ekonomi orang2 Melayu.

3. Tanah Reserve Melayu, ia-itu tanah yang di-khaskan bagi orang2 Melayu, tanah pusaka bagi orang2 Melayu di-Negeri Sembilan dan Melaka hendak-lah kekal menjadi hak Melayu, tidak boleh di-tukar nama kapada orang bukan Melayu kechuali dengan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri itu sendiri.

4. Bahasa Melayu ia-lah **Bahasa Kebangsaan** dan **Resmi** negeri ini. Ini juga ia-lah satu hak keistimewaan orang2 Melayu yang akan memberi jalan yang luas bagi mengekalkan kedudokan orang2 Melayu.

DASAR LUAR NEGERI

Ada-pun dasar luar negeri Kerajaan Malaysia sama-lah juga dengan dasar luar negeri Persekutuan Tanah Melayu dahulu ia-itu berbaik2 dengan negeri dalam dun'a yang di-dasarkan kapada:-

a. Berpegang tegoh kapada Undang2 Bangsa2 Bersatu.

b. Menolong satu2 bangsa pada mendapatkan kemerdekaan dan kedaulatan-nya.

c. Mengadakan perhubongan, baik dengan negara tetangga dan mengiratkan perhubongan ekonomi dan kebudayaan antara negeri2 itu.

b. Mengadakan kerjasama yang rapat dengan negara2 yang bersahabat.

e. Memberi sa-penoh2 tenaga yang dapat bagi menyokong keamanan dan kema'amoran di-seluroh dunia.

Penjajahan: Sunggoh pun Malaysia sa-buah negara yang mempunyai dasar yang bebas; tetapi Malaysia bagaimana Persekutuan Tanah Melayu ada-lah menentang penjajahan di-mana2 pun dalam dunia dan menentang pena'alokan sa-sabuah negeri atas negeri lain.

Dengan dasar ini-lah maka Persekutuan Tanah Melayu dahulu memberi sokongan moral dan meterial kapada perjuangan ra'ayat Algeria, Congo, Irian Barat dan lain2 di-Bangsa2 Bersatu.

Komunis: Oleh sebab Komunis dari luar negeri telah mengadakan pemberontakan bersenjata sa-lama 12 tahun dalam Malaya, maka Malaysia bagaimana Persekutuan Tanah Melayu menentang faham Komunis dalam negeri. Dengan sebab itu Malaysia tidak mahu mengadakan perhubongan diplomatik dengan negara2 Blok Komunis.

Dengan tegas-nya Malaysia ada-lah negara yang menentang faham Komunis dalam negeri dan dari perkembangan-nya di-Asia Tenggara khas-nya.

Komunis China dan Formosa: Sunggoh pun Malaysia tidak mahu mengadakan perhubongan diplomatik dengan negara Blok Komunis; tetapi Malaysia mengaku bahawa Komunis China ia-lah Kerajaan yang berkuasa dalam negeri China. Dengan sebab itu Malaysia bersetuju negeri Komunis China masok menjadi anggota Bangsa2 Bersatu dengan sharat Negeri China Kebangsaan di-Formosa di-beri pengakuan kedaulatan-nya oleh Komunis China.

Sunggoh pun demikian tidak-lah bererti Malaysia mengi'tiraf kedua2 Kerajaan itu, walau pernah Persekutuan Tanah Melayu menyokong kemasokan Komunis China menjadi anggota Bangsa2 Bersatu. Malaysia mensifatkan Komunis China ia-lah Kerajaan yang memerentah 600 juta ra'ayat China dan dengan demikian berfaedah kapada dunia jika Kominis China di-ajak berunding dalam perkara keamanan dunia saperti mengurangkan senjata atau mengharamkan bom atom.

Aparthed: Aparthed ia-lah dasar membedza2kan warna kulit dan Malaysia ada-lah menentang dasar aparthed ini di-mana juga dalam dunia.

Dalam memperjuangkan dasar menghapuskan Aparthed ini Malaysia berpegang tegoh di-atas dasar2 dan undang2 Bangsa2 Bersatu yang menghormati hak2 persamaan manusia dengan tidak mengira bangsa dan warna kulit.

Dengan dasar ini Kerajaan Malaysia menganggap Kerajaan Afrika Selatan sa-bagai Kerajaan yang tidak di-gemari dan di-kutoki. Maka ini-lah sebab-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dahulu menentang Aparthed ini di-Bangsa2 Bersatu dan di-Majlis Perdana2 Menteri Commonwealth di-London dalam tahun 1960 dahulu, dan sa-bagai hasil-nya Afrika Selatan telah keluar dari menjadi anggota Commonwealth

dan Persekutuan Tanah Melayu telah mengharamkan perniagaan dengan Afrika Selatan.

Commonwealth: Malaysia ia-lah sa-buah negeri anggota Commonwealth dan Malaysia sentiasa menyokong lunas2 dan dasar ikatan negara2 Commonwealth dan di-atas tiap2 langkah perjuangan-nya yang membawa kema'amoran bersama negara2 Commonwealth itu.

Afro-Asia: Sa-bagai sa-buah negara Asia yang bebas, Malaysia sentiasa berpegang tegoh kapada dasar-nya memperjuangkan bersama di-dalam Bangsa2 Bersatu dengan lain2 kumpulan negara2 Afro-Asia dan kepentingan2 bersama negara2 Afro-Asia.

Congo: Persekutuan Tanah Melayu ia-lah negeri yang pertama menyokong Bangsa2 Bersatu dalam mengambil tindakan mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri Congo. Bagaimana negeri2 lain Persekutuan Tanah Melayu telah menghantar satu battalion 'ashkar Melayu ka-Congo bagi berkhidmat sa-bagai Polis bersama2 'ashkar lain2 negeri di-bawah panji2 Bangsa2 Bersatu.

Dalam masa berlaku kegentingan di-Congo, sa-tengah2 negeri lain telah mengugut hendak menarek balek tentera2-nya; tetapi Persekutuan Tanah Melayu berdiri tegoh di-belakang Bangsa2 Bersatu dengan menghantar tentera tambahan lagi hingga menjadi chukup kuat di-bawah Brigade Headquaters.

Tibet Hungary dan Angola: Persekutuan Tanah Melayu telah menyokong Negeri Ireland membawa usul dalam Meshuarat Agong Bangsa2 Bersatu yang ke-14 dalam tahun 1959 mengutok Komunis China kerana langkah-nya di-Tibet menggunakan kekerasan-nya menekan dan memperkosa hak2 kemanusiaan dan kemerdekaan-nya.

Bagitu juga dalam pemberontakan Hangary menentang Komunis dalam negeri itu, Persekutuan Tanah Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam

Bangsa2 Bersatu menentang Russia kerana champor tangan-nya menekan dengan kekuatan senjata-nya akan pemberontakan itu sa-bagai mengkhianati hak2 kemanusiaan.

Dalam pemberontakan ra'ayat di-Angola Afrika Barat Daya, menentang Penjajahan Pertugis, Persekutuan Tanah Melayu telah menyokong chadangan negara2 Afro-Asia menyeru pehak yang berkuasa Pertugis mengadakan perubahan Perlembagaan negeri itu dan Persekutuan Tanah Melayu telah di-pileh menjadi salah satu Ahli Jawatan-kuasa mengenai kedudokan Angola.

Perhubongan Luar Negeri.

Persekutuan Tanah Melayu telah meng'itiraf 113 buah negeri dalam dunia tidak termasok China Komunis, Formosa, Mongolia, Vietnam Utara dan German Timor.

Di-antara negeri2 yang telah di-'itiraf itu 30 buah daripada-nya Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan perhubongan diplomatik, di-antara-nya ia-lah Australia, German Barat, India, Indonesia, Jepun Pakistan, Peranchis, Philipina, Saudi 'Arabia, Vietnam Selatan, Thailand, Republik 'Arab Bersatu, United Kingdom, Amerika Sharikat, Korea Selatan, Switzerland, Belgium Ceylon, Nepal, Republik Ireland, Burma, Canada, Italy, New Zealand dan Holand.

Samenjak tertuboh-nya Malaysia pada 16 hb. September, 1963, perhubongan diplomatik telah putus dengan negeri Indonesia dan Philipina kerana kedua2 negeri ini tidak mengakui Malaysia. Indonesia menentang penubohan Malaysia dengan menudoh bahawa ia sa-buah negeri penjajahan baru manakala Philipina pula menuntut negeri Sabah sa-bagai hak-nya.

Dalam bulan May, 1964 perhubongan Consul telah di-adakan sa-mula antara Malaysia dengan Philipina.

Pertubohan Antara Bangsa.

Malaysia ada-lah menjadi anggota Pertubohan2 Antara Bangsa seluroh dunia, ia-itu Bangsa2 Bersatu, Pertubohan Boroh Antara Bangsa **(ILO)**, Pertubohan Makanan dan Tanaman **(FAO)**, Pertubohan Pelajaran, Sain, Kebudayaan, Bangsa2 Bersatu **(UNESCO)**, Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia **(WHO)**, Pertubohan Mata Wang Antara Bangsa **(IMF)**, Pertubohan Bank Pembangunan Sa-mula dan Kemajuan **(IBO)**, Persekutuan Kemajuan Antara Bangsa **(IDA)**, Pertubohan Keewangan Antara Bangsa **(IFO)**. Pertubohan Penerbangan Antara Bangsa **(ICAO)**, Kesatuan Pos Sa-dunia **(UPU)**, Kesatuan Perhubongan Antara Bangsa **(ITU)**, Pertubohan Sukatan Hawa Dunia **(WMO)**, Pertubohan Perkara Laut dan Perundingan Antara Kerajaan **(IMCO)**, Pertubohan Bantuan Kanak2 Bangsa2 Bersatu **(UNICEF)**, Badan Persetujuan 'Am Chukai dan Perniagaan **(GATT)**, Surohanjaya Ekonomi Asia dan Timor Jauh **(ECAFE)**, Badan Bijeh Antara Bangsa **(ITO)**, Badan Pengkaji Getah Antara Bangsa **(WRSG)** dan Badan Ranchangan Colombo **(COLOMBO PLAN)**.

Pakatan Tentera

Malaysia tidak menjadi ahli mana2 pertubohan tentera dan tidak berkait dengan mana2 persetujuan pertahanan dan kerjasama tentera. Malaysia tidak menjadi anggota Pakatan Tentera Tenggara Asia **(SEATO)**.

TANAH MELAYU 'ALAM DAN KEDUDOKAN

Tanah Melayu ia-lah sa-buah negeri yang terkaya di-antara negeri2 di-Tenggara Asia, ia-itu kaya dengan tumbohan2-nya, hasil2 galian-nya dengan pendudok2-nya yang berbagai2 bangsa dan ugama dan kaya dengan kechantekan 'alam-nya terutama pantai laut-nya yang amat permai dan menarek. Kedudokan

Tanah Melayu ini di-tengah2 perjalanan antara Barat dan Timor yang paling ka-selatan sa-kali di-antara negeri2 di-Tenggara Asia dan sa-olah2 membahagikan antara timor dan barat benua Asia.

Semenanjong Tanah Melayu terletak di-antara garisan 1 dan 6½ darjah utara dan panjang-nya 450 batu dan lebar-nya 51,060 batu persegi manakala panjang pantai-nya 1,200 batu. Jika di-bandingkan keluasan Tanah Melayu ini hampir2 sama luas-nya dengan Negeri England atau dua kali luas Pulau Ceylon.

Keadaan muka bumi-nya pula ia-itu empat perlima-nya masch di-penohi oleh Hutan Rimba Bahagian Panas Dunia yang tebal manakala banjaran gunong2-nya terletak di-tengah2 Tanah Melayu membujor dari utara ka-selatan ia-itu di-namakan Banjaran Gunong Titi Wangsa. Banjaran ini membujor dari sempadan Kedah deagan Siam terus ka-tengah2 Negeri Sembilan. Di-antara kemunchak2 yang paling tinggi sa-kali dalam banjaran ini bernama Gunong Kerbau yang tinggi-nya 7,160 kaki. Kemunchak yang tertinggi sa-kali dalam Tanah Melayu ia-lah Gunong Tahan, 7,186 kaki yang terletak di-sempadan antara Kelantan dengan Pahang.

Dari banjaran gunong ini-lah terbit-nya sungai2 yang besar2 dan panjang2 dalam Tanah Melayu ini ia-itu Sungai Perak, Sungai Muda, Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Langat dan lain2 yang mengalir ka-Pantai Barat dan Sungai Pahang, Sungai Kelantan, Sungai Besut, Sungai Trengganu, Sungai Dungun dan Sungai Endau mengalir ka-Pantai Timor.

Keadaan pantai2-nya pula antara Barat dengan Timor sangat-lah berlainan kerana Pantai Timor sa-panjang2-nya berpasir yang puteh dengan mempunyai pemandangan2 yang indah2. Dan sa-panjang2 pantai dari Rantau Abang hingga ka-Kemaman banyak di-dapati tempat penyu bertelor dan di-penohi oleh pokok2 kelapa yang melambai2.

Pantai Barat-nya pula keadaan-nya berlumpor dan bertelok2 dan penoh dengan paya yang berhutan bakau dan api2. Kebanyakan sungai2-nya berbenting dan di-masoki ayer laut di-waktu pasang. Pantai-nya yang berpasir saperti Pantai Timor sangat sadikit bagaimana pantai Port Dickson dan Tanjong Keling. Tetapi keadaan laut-nya tenang tidak berombak besar pada sa-panjang tahun. Tempat nelayan menangkap ikan yang besar dalam Tanah Melayu ini ia-lah di-Selat Melaka.

Sa-balek-nya di-Pantai Barat ini banyak di-dapati bandar pelabohan yang baik2 tidak saperti di-Pantai Timor yang tidak ada satu pun pelabohan yang elok; kerana terdedah kapada angin dan ombak dari Laut China dan kuala2 sungai-nya berbenting pasir dan tohor.

Di-sakeliling Tanah Melayu banyak ada pulau2 yang chantek dan berguna bagi menangkap ikan saperti Pulau2 Redang, Perhentian, Kapas, Tioman, Pemanggil dan Tinggi di-Pantai Timor dan Pulau2 Lengkawi, Pangkor, Ketam di-Pantai Barat.

Hawa.

Keadaan hawa Tanah Melayu ini boleh di-katakan panas sa-panjang tahun hampir tidak berbeza antara sa-hari dengan sa-hari, ia-itu panas-nya di-antara 74 dengan 87 darjah F., manakala di-Tanah Tinggi Cameron hawa-nya sejok antara 36 dengan 70 darjah F. Hawa yang demikian di-namakan hawa Khattul-Istiwa.

Tanah Melayu ini ada dua musim-nya, ia-itu Musim Kemarau dan Musim Tengkojoh. Dari bulan April hingga bulan September, bertiup Angin Musim Barat Daya yang mana Angin Musim ini banyak membawa hujan; tetapi bila sampai di-Pulau Sumatra, turunlah hujan dengan lebat-nya di-sana dan bila angin itu tiba di-Tanah Melayu tidak-lah turun hujan lagi kechuali di-gunong2. Pada masa ini-lah di-namakan Musim Kemarau di-Pantai Timor.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin 'Alam Shah

Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Sultan Idris Al-Mutawakil Alallahi Shah ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kadasallah

Dari Bulan October hingga bulan March bertiup pula angin dari Laut China menuju ka-Barat Daya, bila angin ini tiba di-Tanah Melayu, turun-lah hujan dengan lebat-nya terutama di-Pantai Timor. Hujan yang lebat sa-kali ia-lah dalam bulan December dan January. Pada masa ini di-namakan Musim Tengkujoh dan di-waktu ini-lah berlaku bah di-Tanah Melayu.

Hutan Rimba.

Muka bumi Tanah Melayu pada masa ini lebeh kurang 75 peratus maseh di-tutupi oleh hutan rimba yang tebal, ia-itu dudok-nya di-bahagian tengah Tanah Melayu.

Di-bahagian barat Tanah Melayu dari Perlis membawa ka-Johor tanah-nya telah di-buka luas dan penoh dengan kebun2 getah, sawah2 padi, kebun2 kelapa yang besar2, lombong2 timah, yang mana sangat berbeza dengan negeri Kelantan, Pahang, Trengganu dan Johor Timor, ia-itu maseh penoh dengan hutan yang tebal. Negeri Melaka dan Penang tidak ada lagi hutan-nya.

Dalam hutan rimba Tanah Melayu ini boleh di-dapati lebeh 2,500 bangsa pokok2 dan jika di-kira dalam satu ekar boleh di-dapati lebeh 100 jenis pokok. Di-antara pokok2 itu ada yang tinggi-nya hingga 150 kaki dan lilit-nya hingga 10 kaki.

Daripada hutan rimba ini banyak di-dapati kayu2 yang baik dan berharga saperti chengal, merbau, lemesa, kuing, penak dan lain2. Kayu2 ini banyak di-ekspot ka-luar negeri. Lain2 dari ini banyak pula di-dapati berbagai2 jenis buloh, berbagai2 jenis rotan, dan lain2 kekayaan hutan rimba Tanah Melayu.

TANAH MELAYU
NEGERI PERTANIAN

Tanah Melayu ia-lah sa-buah negeri pertanian. Dalam tahun 1961 lebeh 5½ juta ekar tanah yang sedang di-gunakan untok berchuchok tanam dan dari jumlah itu 3½ juta ekar ia-lah kebun getah. Kebun2 getah ini terbahagi kapada dua bahagian, ia-itu 2 juta ekar kebun2 kechil yang kurang dari 100 ekar tiap2 sa-buah dan kebanyakan-nya kurang dari 10 ekar.

Getah: ia-lah tapak ekonomi Persekutuan Tanah Melayu. Perusahaan getah ia-lah perusahaan yang banyak sa-kali memberi pekerjaan kapada pendudok2 negeri ini laki2 dan perempuan dan getah-lah juga ekspot yang terbesar sa-kali bagi negeri ini.

Kema'amoran ra'ayat negeri ini bergantong kapada perusahaan getah, lebeh dua juta pendudok2 negeri ini bergantong sa-chara langsong dengan perusahaan getah. Taraf hidup ra'ayat Persekutuan lebeh tinggi dari mana2 negeri di-benua Asia, ini ia-lah di-sebabkan hasil getah.

Jumlah getah yang di-ekspot dalam tahun 1960 ia-lah 708,120 ton (11,329,920 pikul) dan jumlah harga-nya sa-banyak $1,829,1,00,000.00 dan kira2 50% dari getah yang di-eskpot itu di-hantar ka-Amerika Sharikat.

Amerika Sharikat bukan sahaja berupa pembeli yang paling banyak sa-kali pembelian-nya, tetapi ia juga banyak mempunyai getah simpanan, dan Amerika juga negeri yang banyak sa-kali mengeluarkan getah tiruan atau 'synthetic rubber". Sa-kira-nya Amerika ini menjual getah simpanan-nya dan menggunakan getah tiruan keluaran negeri-nya dengan lebeh banyak lagi, maka nasib perusahaan getah Tanah Melayu akan menerima 'akibah yang burok.

Getah asli ada-lah lebeh baik mutu-nya dan harga-nya boleh jadi lebeh murah dari getah tiruan. Dengan kerana perlawanan di-antara getah tiruan dengan getah asli ini Kerajaan Persekutuan di-zaman penjajahan dahulu telah sedar betapa burok-nya jika getah asli ini tidak laku bagaimana sekarang di-Amerika dan di-Eropah.

Jalan yang dapat melawan getah tiruan itu ia-lah dengan chara di-banyakkan pengeluaran getah asli berkali2 ganda lagi dan kebun2 itu pula hendak-lah di-tanam dengan baka yang baik supaya dapat mengeluarkan susu yang lebeh banyak dalam satu2 ekar dari hasil biasa. Dengan chara ini pengeluaran getah jadi banyak, pendapatan ra'ayat tidak kurang, dan harga getah lebeh murah lagi, yang mana dengan jalan ini di-harap dapat menahan pengeluaran getah tiruan itu dan ia nanti akan menjadi lemah dan jatoh.

Dalam tahun 1951 Kerajaan Persekutuan telah mengadakan satu undang2 kerana memungut wang Cess dari pengeluaran getah Tanah Melayu guna untok ranchangan menolong balek pekebun2 getah supaya di-tanam sa-mula bagi mendapatkan susu yang lebeh banyak dalam satu2 ekar bagi menjayakan pengeluaran untok mempertahankan kedudokan perusahaan getah Tanah Melayu. Chara pemungutan Cess ini ada dua chara: (a) Ukuran Cess yang ta' tetap bagi estate2 dan (b) Ukuran Cess tetap, ia-itu 4 ½ sin bagi 1 lb. getah yang di-ekspot.

Hasil dari pungutan wang Cess ini Kerajaan telah dapat mengumpulkan wang sa-banyak $280 juta dalam tahun 1956 dan dengan wang itu di-beri bantuan menanam sa-mula kapada kebun2 yang telah tua dan kurang susu, ia-itu di-ganti dengan getah baka yang baik dan banyak mengeluarkan susu.

Kebun estate di-beri bantuan $400.00 sa-ekar dan kebun kechil $600.00 sa-ekar dan sekarang telah

di-tambah jadi $750.00 sa-ekar, termasok bantuan dari Kerajaan $100.00 sa-ekar.

Semua wang Central Fund di-tadbirkan oleh badan khas bernama **Rubber Industry (REPLANTING BOARD)**. Ranchangan menanam getah sa-mula ini telah di-jalankan dalam tahun 1953 dan dalam tahun 1959 di-anggarkan 500,000 ekar telah dapat di-tanam sa-mula.

Untok menjaga mutu getah bagi di-muat ka-kapal, maka sa-buah badan bernama **Rubber Export Registration Board** telah di-dirikan di-bawah undang2 **Rubber Packing And Shiping Control Ordinance** yang di-luluskan di-Persekutuan dan di-Singapura. Badan ini akan menjaga getah2 yang akan di-ekspot itu supaya mengikut undang2 dan boleh di-denda jika ada pehak2 yang melanggar sharat2-nya.

Dalam masa dzarurat dahulu banyak-lah perusahaan getah ini yang mengalami kerosakan dan kebinasaan terutama estate2.

Lain Cess yang berasingan telah juga di-pungut guna membiayai Badan Penyiasat Getah **(Rubber Reasearh Institute of Malaya)**. Badan ini bekerja menyiasat hal ehwal getah dan mengeluarkan ma'alumat2 berkenaan teknik, chara2 menanam, baja2 dan menjaga pokok2, membuat getah, mengasap, membuat getah crepe dan membuat barang2 daripada getah.

Pusat Perniagaan Getah.

Bandar Singapura ia-lah suatu daripada pasar getah yang terbesar dalam dunia dan Singapura-lah yang mengumpulkan getah dari Tanah Melayu dan dari Indonesia kemudian mengelas2, mengator dan menyusunkan-nya, untok di-kirim ka-luar negeri. Market getah yang besar kerana membeli dan menjual getah ia-lah London dan New York dan di-kedua2 market ini-lah yang menentukan harga getah2 itu.

Dalam negeri Sabah tahun 1961 jumlah kebun getah lebeh sadikit 200,000 ekar dan daripada-nya

122,000 ekar ia-lah kebun kechil dan yang lain-nya kebun besar yang luas-nya lebeh 250 ekar tiap2 sa-buah. Dalam tahun 1956 telah di-adakan ranchangan menanam sa-mula getah sa-bagaimana di-Tanah Melayu dan jumlah getah yang telah di-tanam sa-mula ia-lah 41% dari seluroh kebun2 getah dalam Sabah.

Hasil ekspot getah Sabah dalam tahun 1961 ia-lah 23,611 ton yang berharga $41,200,000.00. Dalam negeri Sarawak jumlah kebun2 getah ia-lah 330,000 ekar dan 90% daripada-nya ia-lah getah tua dan tidak baik. Di-Sarawak hanya 5 buah sahaja kebun besar yang luas-nya lebeh 1,000 ekar sa-buah dan jumlah luas semua-nya 13,255 ekar. Jumlah harga getah yang di-ekspot dari negeri Sarawak ia-lah $83,000,000.00 dalam tahun 1961.

Rubber Producers Council (R. P. C.) Ia-lah badan yang tertinggi yang mewakili seluroh perusahaan getah di-Persekutuan yang beribu-pejabat di-tingkat 3, Loke Yew Building, Kuala Lumpur.

Beras: ia-lah makanan utama pendudok2 Malaysia. Sa-lepas getah, padi-lah kawasan tanamam yang luas sa-kali dalam Malaysia dan khas-nya dalam Tanah Melayu kerana lebeh kurang 17% dari kawasan berchuchok tanam dalam Tanah Melayu ia-lah kawasan tanam padi. Dalam tahun 1959 lebeh 950,000 ekar tanah sawah dalam Tanah Melayu terutama di-negeri2 Kedah, Seberang Perai, Perak, Selangor dan Kelantan.

Dalam negeri Sarawak jumlah kawasan tanah padi ia-lah 240,000 ekar, manakala negeri Sabah mempunyai 89,000 ekar.

Padi yang di-tanam dalam Malaysia ia-lah sa-chara kebun kechil. Kawasan tanam padi yang besar2 dalam Tanah Melayu telah di-adakan tali-ayer bagi mengayerkan-nya dengan menggunakan pam2 yang besar, manakala yang lain-nya sa-mata2 bergantong kapada ayer hujan.

Dengan ada-nya tali ayer itu membolehkan padi di-tanam dua kali sa-tahun saperti di-Saberang

Perai, di-Kota Bharu, dan Pasir Mas, Kelantan. Padi yang di-tanam dalam Tanah Melayu ini mana2 yang berbendang hasil-nya 2,195 pound pada satu ekar dan di-tempat yang baik boleh di-dapati hingga 7,280 pound sa-ekar.

Dalam tahun 1959 padi yang keluar dari seluroh Tanah Melayu hanya menchukupi 69% dari kehendak pendudok2, manakala yang baki-nya terpaksa di-impot dari Thailand, Burma dan lain2. Kerajaan Malaysia sentiasa berikhtiar bagi menchukupkan beras pengeluaran dalam negeri.

Kelapa: Kelapa di-Tanam dalam kawasan yang berhampiran dengan laut dan luas-nya kebun2 kelapa itu dalam Tanah Melayu lebeh 500,000 ekar. Kebanyakkan dari kebun2 kelapa itu terdiri dari kebun2 kechil. Di-sapanjang Pantai Barat Tanah Melayu terutama Johor, Selangor, Perak, Kedah banyak kebun2 kelapa ini. Jumlah ekspot minyak kelapa dari Tanah Melayu dalam tahun 1961 ia-lah $28,000,000.00 dan ekspot kelapa kering sa-bayak $19 juta. Dalam negeri Sabah hasil ekspot kelapa ia-lah $9.8 juta, manakala negeri Sarawak sadikit sahaja hasil kelapa itu.

Kelapa Sawit: Kelapa Sawit atau Kelapa Bali **(Oil Palm)** ia-lah jenis tanaman yang sedang beransor2 bertambah besar di-tanam kerana sangat berharga guna membuat sabun, margarine dan lain2. Pada masa ini ada 141,000 ekar kebun Kelapa Sawit itu di-dalam negeri Johor, Selangor, Kelantan dan lain2 dalam Tanah Melayu yang mengeluarkan hasil 93,000 ton minyak dan isi-nya. Kelapa Sawit ini di-tanam sa-bagai kebun2 besar sahaja dan kebanyakkan hasil dari Kelapa Sawit ini di-ekspot keluar negeri. Dalam negeri Sabah ada beberapa ribu ekar kebun Kelapa Sawit ini telah di-tanam atau sedang di-buka dan hasil-nya belum ada lagi.

Teh: Di-Cameron Highland ada 5,300 ekar ladang teh dan ada juga di-lain2 tempat dalam negeri Selangor. 90% dari kebun teh ini ada-lah kebun2 besar (estate). Dalam tahun 1955 teh telah di-keluarkan

sa-banyak 5,406,000 pound dan lebeh 54% di-ekspot.

Nanas: Nanas ini banyak sa-kali di-tanam dalam Tanah Melayu terutama di-negeri Johor. Nanas ini di-masokkan dalam tin dan di-ekspot keluar negeri terutama ka-United Kingdom dan jumlah hasil ekspot-nya $32 juta dalam tahun 1961.

Lada Hitam: Di-Sarawak lada hitam ia-lah hasil ekspot yang besar, lebeh 7,200 ekar ladang lada hitam ini di-seluroh Sarawak. Tanaman lada hitam ini makin bertambah2 luas dan dengan menggunakan baja. Dalam tahun 1961 lebeh 10,950 ton lada hitam yang berharga $28 juta telah di-ekspot.

Lain2 Tanaman: Yang banyak di-tanam dalam Malaysia terutama Tanah Melayu ia-lah pisang, rambutan, limau manis, durian, duku, langsat, manggis, papaya, jagong, ubi kayu, kachang goreng, kubis dan sayoran2.

Galian.

Tanah Melayu ia-lah sa-buah negeri yang kaya dengan isi bumi-nya yang sedang di-usahakan dan yang maseh tersembunyi belum di-jumpai. Isi bumi yang sedang di-usahakan ia-lah timah, besi, emas, amang, kanchi, bauxite, arang batu, ilmenite dan tanah liat.

Semenanjong Tanah Melayu telah termashhor dari beribu tahun dahulu hingga ka-Tanah 'Arab dan Benua Eropah sa-bagai negeri yang banyak emas dan bijeh timah.

Hasil2 galian saperti emas dan timah pada masa dahulu di-lombong orang dengan berbagai2 chara. Semenjak orang2 Eropah mengambil bahagian dalam perusahaan melombong itu di-Tanah Melayu, khas-nya bijeh timah, mereka telah menggunakan chara baharu, ia-itu dengan menggunakan "Machine Dredging" atau Kapal Korek.

Melombong.

Pekerjaan melombong itu terletak di-bawah Jabatan Pelombongan atau "The Department of Mines", yang mana kerja-nya ia-lah menasihat dalam semua perkara yang berhubong dengan hal ehwal lombong, menyelia dan menguasai segala gerakan melombong.

Dalam Jabatan Pelombong itu di-adakan beberapa bahagian atau chawangan kerja dan satu daripada-nya ia-lah Bahagian Penyelidek **(Research)** guna-nya untok memberi bantuan dalam bahagian teknik kapada lombong2 dan menyiasat dalam hal2 melombong.

Dan juga ada lagi satu pasokan Penyiasat Isi Bumi atau "Mineral Investigation Drilling Unit". Pasokan ini kerja-nya ia-lah menyiasat isi bumi atau prospecting bagi pehak Kerajaan2 Negeri untok menentukan ada atau tiada galian dalam satu2 kawasan tanah yang hendak di-usahakan, kerana mana2 tanah yang ada mengandongi galian tidak-lah boleh di-buka untok kegunaan berchuchok tanam.

Jabatan Pelombong ini terletak di-bawah Kementerian Tanah dan Lombong. Bagi memudahkan pertadbiran hal ehwal lombong ini, pertadbiran-nya di-bahagikan kapada tiga kawasan, ia-itu:—

a. Kawasan Utara termasok negeri2 Perak, Kedah dan Perlis dan pejabat-nya di-Ipoh.

b. Kawasan Selatan termasok Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dan pejabat-nya di-Kuala Lumpur.

c. Kawasan Pantai Timor termasok Pahang, Trengganu dan Kelantan dengan pejabat-nya di-Kuantan.

Tiap2 kawasan itu di-ketuai oleh sa-orang Inspektor Lombong atau "Mining Inspector". Dan ketiga2 kawasan itu di-ketuai pula oleh sa-orang yang

berpangkat Ketua Inspektor Lombong yang beribu-pejabat di-Kuala Lumpur.

Mengikut undang2, perkara lombong ia-lah terletak di-bawah kuasa Kerajaan Negeri2 dan Kerajaan Negeri-lah yang mengeluarkan "lesen prospecting" dan surat kebenaran melombong atau "mining lease". Mana2 tuan tanah yang di-fikirkan ada galian dalam tanah-nya ia berkuasa menyiasat sendiri tanah-nya itu atau memberi kebenaran kapada orang lain untok menyelideki (prospecting), tetapi tidak boleh melombong dengan tidak mendapat kebenaran.

Chukai bijeh besi, emas dan arang batu di-pungut oleh Kerajaan Negeri, tetapi chukai ekspot dari galian2 yang lain menjadi hak Kerajaan Pusat termasok minyak. Jumlah chukai ekspot timah yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat ia-lah mengikut harga ekspot bijeh itu dan pada masa ini ia-lah 15 peratus dan lain dari timah ia-lah 10 peratus.

Bijeh Timah: Bijeh timah ia-lah satu daripada perusahaan yang besar dalam Tanah Melayu (Malaysia), ia-itu jatoh yang kedua kemudian dari getah dan ia salah satu perusahaan yang menegakkan ekonomi dan keewangan Malaysia dan Tanah Melayu-lah negeri pengeluaran bijeh timah yang terbesar dalam dunia.

Sejak bila-kah perusahaan bijeh timah ini di-jalankan di-Tanah Melayu tidak-lah di-ketahui, tetapi sa-orang pengarang bangsa 'Arab telah menulis dalam buku-nya pada kurun Masehi IX menyatakan di-Semenanjong ini termashhor dengan bijeh timah.

Orang2 China telah di-dapati melombong bijeh timah di- Bukit Melaka dalam kurun Masehi VX dan perkataan Bukit Melaka itu bererti Semenanjong Tanah Melayu pada masa itu.

Pada zaman pemerentahan Kerajaan Melayu Melaka, timah-lah di-jadikan mata wang perbelanjaan negeri. Sa-lepas Peperangan Dunia Pertama (1914-1918)

di-Kelantan dan juga lain2 negeri dalam Tanah Melayu masch menggunakan mata wang timah yang di-panggil wang **Kepeng** dan di-kira harga-nya tiap2 lima kepeng bersamaan dengan satu sen, dan rupa mata wang kepeng ini bulat sa-lebar 1 inchi dan berlubang bulat di-tengah2 untok di-chuchok sa-bagaimana duit stang di-Siam sekarang.

Tatakala Portugis berkuasa di-Melaka, bijeh timah ini-lah satu daripada perniagaan yang utama bagi orang2 Portugis itu. Dalam tahun 1613 pengeluaran timah yang di-ekspot dari Klang sudah pun mempunyai rekord yang tertentu dan tatakala orang2 Belanda mendudoki negeri Melaka mereka telah membangunkan gudang2 perniagaan-nya (loji) di-kuala2 sungai dalam negeri Selangor dan Perak untok memborong bijeh timah itu.

Dalam tahun 1787, ia-itu satu tahun sa-lepas orang Inggeris memajak dan membuka pusat perniagaan di-Pulau Pinang, negeri Perak telah mengekspot bijeh timah ka-Pulau Pinang sa-banyak 5,000 pikul, kemudian dalam tahun 1839 telah di-ekspot sa-banyak 8,500 pikul manakala dalam tahun 1880 telah naik lagi menjadi 14,738 pikul yang di-ekspot dari Perak ka-Pulau Pinang.

Pada masa itu tempat yang banyak sa-kali mengeluarkan timah dalam negeri Perak ia-lah di-Lembah Kinta dan Batang Padang.

Dalam tahun 1847 orang2 China yang bekerja lombong di-Sungai Ujong berjumlah 15,000 orang, yang mana menandakan di-Sungai Ujong itu banyak mengeluarkan bijeh timah pada masa itu, tetapi di-Jajahan Larut dalam negeri Perak pada tahun 1848 hanya ada 3 orang pelombong China sahaja. Oleh sebab di-dapati kawasan bijeh yang banyak dalam Jajahan Larut kemudian dari itu, maka orang2 China telah menchurah2 datang membuka lombong di-sana dan dengan kedatangan ini dalam tahun 1862 pelombong2 China di-Jajahan Larut telah berjumlah antara 20 dengan 25 ribu orang.

Dalam masa 10 tahun kemudian, ia-itu pada tahun 1872 orang2 China di-Larut telah meningkat menjadi 40,000 orang dan kebanyakan-nya terdiri dari bangsa Cantonese dan yang lain dari bangsa Hakka.

Pada zaman itu negeri Perak di-perentah oleh Sultan dan Orang2 Besar-nya, dan British masch belum menaungi negeri itu. Oleh sebab itu kemasokan orang2 China pelombong ka-Perak ada-lah dengan kebenaran dan persetujuan Kerajaan Perak sendiri. Dalam tahun 1887 jumlah orang2 China seluroh negeri Perak ia-lah 80,000 orang.

Ada-pun pengeluaran bijch timah dalam negeri Perak dalam tahun 1884 ia-lah sa-banyak 160,000 pikul, dalam masa 20 tahun kemudian, pengeluaran itu telah meningkat menjadi 200,000 pikul sa-tahun.

Dalam tahun 1882 ia-lah tahun yang mula2 bagi orang2 Erapah membuka Sharikat melombong, ia-itu Sharikat Orang2 Peranchis bernama "Soceite des Etains de Perak". Kemudian dari itu orang2 Inggeris telah mula mengambil bahagian sama.

Dalam tahun 1910 hasil pengeluaran timah oleh Sharikat Eropah berjumlah 22 peratus dan dalam tahun 1930 telah meningkat menjadi 63 peratus dari seluroh pengeluaran timah.

Negeri Perak pada tahun 1959 telah mengeluarkan bijch timah sa-banyak 57.9 peratus dan Selangor 33.8 peratus dari seluroh pengeluaran dan yang baki itu dari Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Johor, Trengganu dan Melaka.

Melombong dan mengeluarkan timah itu dari dalam bumi banyak chara-nya yang di-kerjakan orang, antara-nya ia-lah:

1. Kapalkorek (Dredging) chara2 ini-lah yang besar sa-kali dan banyak mendapat bijch itu, tetapi belanja mengerjakan-nya besar.

2. Menggunakan pam (Gravel Pump) chara ini amat banyak di-jalankan oleh orang2 China.

3. Sumpitan ayer (Hydraulic).

4. Melombong di-muka bumi (Open-cast Mining).

5. Melombong Siam (Alluvial Shifting).

6. Melombong Dalam (Lode Mining).

7. Mendulang (Dulang Washing).

Chara2 yang tersebut di-atas itu ada-lah di-kerja-kan oleh pelombong2 dalam Tanah Melayu, dan chara2 itu di-pakai mengikut keadaan tempat ada-nya bijeh di-situ.

Jumlah banyak-nya bijeh yang di-lombong mengikut chara2 melombong di-atas itu boleh-lah di-ukor bagaimana di-bawah ini dalam tahun 1956:—

1.	Dengan Kapalkorek	30,750	ton
2.	Dengan Pam	24,935	ton
3.	Sumpitan ayer	1,471	ton
4.	Kuasa ayer	1,369	ton
5.	Lombong dalam	2,402	ton
6.	Dulang	1,100	ton
7.	Lain2	314	ton

Ada-pun bijeh timah itu bila telah di-lombong ia di-masokkan ka-dalam bag kechil dan kemudian di-hantar ka-relau (smelting) memasak-nya di-Pulau Penang dan di-Singapura. Di-sana bijeh itu di-lebor dan di-bersehkan kemudian di-buat ketul2 **(Ingot)**. Ingot ini-lah di-ekspot keluar negeri.

Ada-pun harga timah dalam tahun 1956 ia-lah $387.03 sa-pikul.

Persekutuan Tanah Melayu mengekspot bijeh timah sa-banyak ½ dari semua jumlah pengeluaran dunia. Indonesia dan Bolivia mengeluarkan 1/5, manakala baki-nya sa-bahagian besar di-keluarkan oleh Congo, Thailand dan Nigeria.

Untok menjaga kedudokan harga timah itu supaya tidak menjadi turun naik yang tidak tentu, maka negeri yang banyak mengeluar dan membeli timah itu dalam tahun 1956 telah bersetuju menubohkan Majlis Timah Antara Bangsa **(International Tin Council)**. Tujuan Majlis Bijeh Timah Antara Bangsa ini ia-lah untok menetapkan harga timah dunia supaya tetap harga antara £730 dan £880 sa-ton.

Maka ada-lah di-harap untok menchapai kejayaan ini ia-lah dengan mengadakan satu **Buffer Stock** atau pembeli penyelamat, ia-itu pembeli penyelamat mesti-lah membeli bijeh yang berlebehan jika harganya telah turun di-bawah dari £730 sa-ton dan mengadakan **Kota** bagi pengeluaran bijeh timah antara bangsa.

Bijeh timah yang di-keluarkan oleh semua lombong2 dalam Tanah Melayu pada tahun 1956 ia-lah 62,296 ton. Dalam tahun ini juga 10,967 ton bijeh yang di-bawa masok dari Thailand, Burma, dan Indo-China ka-Pulau Penang dan Singapura untok di-lebor dan di-ekspot sa-mula.

Di-bawah ini di-tunjokkan negeri2 yang banyak membeli timah itu dari Tanah Melayu dalam tahun 1956:-

United Kingdom	1,984	ton
U.S.A.	41,083	ton
Canada	1,630	ton
India	3,758	ton
Peranchis	3,577	ton
Italy	2,835	ton
Belanda	4,265	ton

Jepun	6,888	ton
Lain2 negeri	7,259	ton
Jumlah semua	73,279	ton

Jumlah harga bijeh timah yang di-ekspot dalam tahun 1956 ia-lah sa-banyak $476 juta dan jumlah kegunaan bijeh timah di-seluroh dunia ia-lah 129,000 ton sa-tahun, manakala pengeluaran timah seluroh dunia sa-banyak 169,000 ton yang berma'ana 40,000 ton berlebeh dari yang di-kehendaki dunia.

Research Timah: Pada masa ini ada satu badan bernama Majlis Penyelidekan (Research) Timah Antara Bangsa atau "International Tin Research Council" yang beribu-pejabat di-London. Majlis ini kerja-nya ia-lah menyiasat supaya dapat di-ketahui kegunaan timah itu sa-lain dari kegunaan yang ada sekarang supaya seluroh pengeluaran timah dapat di-habiskan.

Ada-pun perbelanjaan Majlis Research Timah Antara Bangsa ini di-keluarkan bersama oleh negeri2 pengeluaran timah itu. Bagi Pehak Kerajaan Malaysia yuran-nya ia-lah sa-banyak $500,000.00 sa-tahun, ia-itu kira2 ⅓ dari seluroh belanja Majlis itu.

Dari jumlah yuran yang di-bayar oleh Malaysia itu, $150,000.00 di-bayar oleh Kerjaan dan baki-nya di-bayar oleh pengeluar2 timah sendiri yang di-ambil sa-bagai cess dari ekspot timah itu.

Bijeh Ilmenite: Bijeh ini di-dapati bersama dalam lombong timah itu. Jumlah bijeh ini di-ekspot dalam tahun 1958 sa-banyak 75,000 ton yang berharga $2,500,000.00 dan chukai yang di-dapati dari-nya sa-banyak $275,000.00.

Bijeh Besi: Besi ia-lah satu galian yang banyak dalam bumi Tanah Melayu baik di-Barat mahu pun di-Timor. Dalam tahun 1959 besi telah di-ekspot sa-banyak 3¾ juta ton yang berharga $100 juta, ia-itu bertambah satu juta ton dari tahun lalu. Lombong besi yang terbesar dalam Tanah Melayu ia-lah di-Bukit Besi, Dungun, Trengganu, yang di-lombong oleh

Eastern Mining And Metals Company Limited. Lombong ini mengeluarkan lebeh 2 juta ton sa-tahun, manakala Oriental Mining Company Limited, di-Temangan, Machang, Kelantan, mengeluarkan lebeh ½ juta ton sa-tahun. Lain2 lombong besi ia-lah di-Johor, Perak dan Kedah.

Besi itu sa-lain dari 27,000 ton di-hantar ka-Formosa dan 21,000 ka-negeri Belanda dalam tahun 1959, semua yang baki-nya di-ekspot ka-negeri Jepun.

Sa-buah lombong besi yang baharu di-buka ia-lah di-Rompin, ia-itu di-Bukit Iban. Ranchangan lombong besi ini termasok membina jalan keretapi sa-juah 58 batu dari lombong itu ka-Kuala Rompin tempat mengumpul bijeh besi itu.

Bauxite: Bauxite atau bijeh aluminium itu banyak di-dapati dan di-keluarkan di-sekitar Telok Rumania oleh South East Asia Bauxite Limited, dan Rumanian Bauxite, Johor dan telah di-ekspot sa-banyak 365,000 ton yang berharga $6.5 juta.

Emas: Emas banyak di-dapati di-Pahang dan Kelantan. Dalam tahun 1959 emas itu telah di-keluarkan sa-banyak 19,000 ounce di-Raub oleh "Raub Australian Gold Mining Company Limited" dan di-lain2 lombong mengeluarkan 8,000 ounce. Baharu2 ini telah di-dapati satu tempat dekat Gua Musang, Kelantan, ada satu bukit yang mengandongi emas, dan sekarang satu kompeni China sedang mengusahakan lombong emas itu.

Arang Batu: Arang Batu di-dapati di-Batu Arang, dalam negeri Selangor. Satu kompeni bernama "Malayan Collier Limited" telah beberapa tahun berusaha melombong arang batu itu dan telah menghasilkan sa-banyak 75,000 ton dalam tahun 1959 yang berharga $35.00 tiap2 sa-ton.

Sekarang lombong itu telah di-tutup samenjak tahun 1960 kerana tidak terdaya melawan impot minyak ka-dalam negeri ini.

SEJARAH TANAH MELAYU

Pendudok Asli.

Mengikut Penyelidekan berhubong dengan Sejarah Tanah Melayu, daripada bekas2 yang di-dapati, batu bersurat dan lain2 dalil, ada-lah menunjokkan Semenanjong Tanah Melayu ini telah di-dudoki oleh manusia lebeh kurang dari 5,000 tahun dahulu.

Orang2 yang mula2 mendiami Tanah Melayu ini dan juga di-Gugusan Pulau2 Melayu ia-lah orang2 Semang dan Sakai, ia-itu orang2 liar yang sa-bangsa dengan orang Ita dan Negrito di-Pulau2 Philipina. Orang2 Semang itu kulit-nya hitam, rambut-nya keriting, badan-nya kechil dan chara hidup-nya merayau2 dan berpindah randah dari satu tempat ka-satu tempat, tidak berumah-tangga yang tetap. Orang2 Sakai itu berlainan sadikit kerana kulit-nya tidak bagitu hitam, rambut-nya ada yang keriting dan ada juga yang genjor. Keadaan hidup-nya juga tidak tinggal tetap, kerana bila ia tinggal pada satu2 tempat, kemudian berlaku kematian, mereka akan tinggal tempat itu pindah ka-lain tempat.

Pada masa sekarang orang2 Sakai ini telah pandai berkampong halaman, berumah-tangga dan tahu menternak kambing dan ayam itek.

Orang2 Melayu Asli atau Jakun.

Sa-lain daripada orang2 Semang dan Sakai itu dalam Tanah Melayu ini ia-lah Orang Melayu Asli atau di-kenali juga dengan nama orang2 Jakun. Mereka ini tinggal berkampong halaman di-tepi2 sungai dan hidup berchuchok tanam dan berternak babi, lembu dan kerbau. Mereka ini pandai bertukang besi dan membuat perahu jalor. Perkataan padi, besi dan babi ia-lah perkataan asal orang Jakun itu.

Ada-pun perkataan padi, besi dan babi itu sama dengan bahasa orang2 Champa di-negeri Annam (Vietnam) orang2 Pegu di-negeri Burma, dan Orang2

Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Almuadzam Shah ibni Almarhum Almu'tasim Billah Sultan Abdullah

Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah

Munda di-Chota Nagpur, India dan Orang2 Khasi di-Negeri Assam, India. Daripada persamaan bahasa ini ada-lah menunjokkan bahawa orang2 Jakun, Champa, Pegu, Khasi dan Munda itudari satu rumpun asal-nya dan ini menjadi dalil menunjokkan bahawa orang2 Melayu Asli itu asal-nya datang dari Benua Asia dan turun ka-Tanah Melayu dan ka-Pulau2 Melayu. Di-Pulau Sumatra di-namakan orang Kubu, di-Tanah Jawa di-namakan orang2 Kalang, orang2 Bajau di-Sabah, orang2 Tagalok, Pampango dan Bisaya di-Pulau2 Philipina. Dan lagi ada sa-punk orang Melayu Asli yang turun dari Benua Asia ka-Pulau2 Melayu, ia-itu orang Batak di-Sumatra, orang Dayak di-Pulau Brunei, orang Toraja di-Pulau Selibis, dan orang2 Alipuru di-Pulau Meluku.

Kerajaan Tua Di-Tanah Melayu.

Oleh sebab 'Alam Melayu dan juga Semenanjong Tanah Melayu ini dudok-nya di-Selatan Benua Asia dan terletak di-tengah2 pelayaran kapal2 antara India dengan Benua China di-zaman dahulu kala, maka Pulau2 Melayu ini sentiasa di-lawati oleh kapal2 orang Hindu yang berulang alek ka-Benua China. Dalam pelayaran itu mereka singgah mengambil ayer dan kayu api di-Tanah Jawa, Sumatra dan Tanah Melayu. Kemudian mereka berniaga, berpindah dan tinggal tetap di-Pulau2 Melayu, berkahwin dengan orang2 Melayu, orang Jawa dan orang2 Sumatra, yang mana akhir-nya mereka telah mengembangkan ugama Hindu, Buddha dan ugama Shiwa di-'Alam Melayu ini.

Mengikut tiang batu bersurat yang di-dapati di-Saberang Prai, di-Cherok To' Kong dekat Bukit Mertajam yang bertarikh T.M.400 dan dari sa-buah loyang ada gambar Buddha yang di-jumpai di-Tanjong Rambutan, Perak, ini menandakan bahawa pada masa itu telah ada ugama Hindu dan Buddha di-Tanah Melayu.

Kira2 pada awal tahun Masehi 600 telah ada sa-buah Kerajaan Melayu Hindu di-Palembang,

Sumatra Selatan dan pengaroh-nya berkembang hingga ka-seluroh pantai Sumatra dan Tanah Melayu. Kerajaan tersebut bernama Seri Wijaya dan negeri2 Langkasuka, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Pahang pada masa itu terta'alok kapada Kerajaan Seri Wijaya ini.

Mengikut Sejarah Melayu ada sa-buah negeri bernama Gangga Negara di-tepi Sungai Dinding dan raja-nya berugama Hindu. Dan lagi ada sa-buah negeri di-hulu Sungai Johor bernama Kelang Kiu dan sa-buah lagi bernama Genggayu. Kedua2 negeri ini ada tanda2 bahawa negeri2 itu di-bangunkan oleh orang2 Siam Asli.

Mengikut buku riwayat orang China pula yang di-karang dalam tahun 1250 Masehi ada menyatakan negeri2 Pahang, Trengganu, Kelantan, Klang, Sungai Ujong dan Temasek ada-lah menjadi jajahan ta'alok Kerajaan Seri Wijaya di-Palembang.

Tetapi mengikut riwayat buku Nagarakertagama yang di-karang dalam tahun 1365 ada menyatakan negeri2 dalam Tanah Melayu termasok Pahang, Langkasuka, Kedah, Kelantan, Trengganu, Dungun, Paka, Klang, Sungai Ujong dan Temasek ada-lah di-bawah Kerajaan Betara Majapahit.

Di-awal kurun Masehi XV Tentera Siam telah datang melanggar Tanah Melayu hingga ka-Temasek dan akhir-nya di-binasakan negeri itu.

Kerajaan Melayu Melaka.

Sa-telah Kerajaan Temasek atau Singapura itu telah di-binasakan oleh orang2 Siam, Raja-nya yang bernama Parameswara itu pun berundor ka-barat negeri Johor dan akhir-nya baginda itu telah menitahkan membuka negeri baharu dan di-beri nama Melaka pada awal kurun Masehi XV. Bila terdiri Kerajaan Melayu Melaka ini datang pula orang2 Siam melanggar negeri Melaka itu.

Untok menchari perimbangan kuasa, Raja Parameswara itu telah membuat perhubongan dengan

Raja China dan baginda telah meminta bantuan Raja China bagi menentang orang2 Siam itu. Permintaan ini telah di-setujui oleh Raja China itu serta di-beri jaminan kapada Raja Melaka menerusi sa-orang utusan-nya dalam tahun 1405.

Apabila negeri Melaka telah terbuka, maka banyak-lah saudagar2 China, India dan 'Arab yang berniaga di-negeri Pasai, di-Sumatra Utara, datang berniaga di-Melaka kerana pada masa itu negeri Pasai sedang beransor2 lemah dan jatoh.

Dalam tahun 1409 Raja Melaka I, ia-itu Raja Parameswara itu pun memelok ugama Islam dengan segala pembesar dan ra'ayat baginda.

Tetapi dalam satu riwayat ada menyatakan Raja Pasai telah menghantar Pengembang2 Ugama Islam dari orang2 'Arab dan Pasai yang ada di-Pasai itu untok mengislamkan Raja dan Ra'ayat Melaka kerana puteri Raja Pasai itu telah di-kahwinkan dengan Raja Parameswara itu yang kemudian-nya di-gelarkan Raja Iskandar Shah. Baginda Raja Iskandar Shah ini telah memerentah Melaka hingga ka-tahun 1424, manakala baginda itu mangkat di-gantikan pula oleh putera baginda bergelar Seri Maharaja. Baginda Seri Maharaja ini memerentah hingga tahun 1445 dan di-gantikan oleh putera baginda bergelar Sultan Mudzaffar Shah, ia-itu Raja Melaka yang III.

Pada zaman Sultan Mudzaffar Shah-lah bandar pelabohan Melaka telah menjadi besar, maju dan ma'amor. Ke'adilan dan kebijaksanaan Raja dan pembesar2-nya telah menarek segala kapal2 yang melalui Selat Melaka datang singgah dan berniaga di-Melaka serta menjadi Jalan dan pusat perniagaan rempah2 dari Pulau2 Meluku ka-India.

Dalam tahun 1459 mangkat-lah Sultan Mudzaffar Shah dan di-gantikan oleh putera baginda bergelar Sultan Mansor Shah. Pada zaman pemerentahan Sultan Mansor Shah ini-lah negeri Melaka telah menjadi zaman keemasan, kebebasan, dan pengaroh-nya telah kembang

di-seluroh 'Alam Melayu. Pada masa itu negeri2 yang ada dalam Tanah Melayu, negeri2 Kampar, Siak dan Inderagiri di-Sumatra telah di-ta'aloki-nya. Pada zaman baginda juga angkatan Siam yang menyerang Melaka telah di-kalahkan dengan terok-nya.

Ada-pun kebesaran dan kemegahan Kerajaan dan Impayar Melayu Melaka itu ia-lah dengan kerana ke'adilan dan bijaksana Raja dan Orang2 Besar Melaka terutama Perdana Menteri, ia-itu Bendahara Tun Perak dan Penglima Perang Laksamana Hang Tuah.

Apabila mangkat baginda Sultan Mansor Shah itu, lalu di-gantikan oleh putera-nya yang bergelar Sultan 'Alauddin Shah. Baginda ini pun sa-orang raja yang bijak dan 'adil serta sangat mengambil berat akan hal2 penderitaan dan kesusahan ra'ayat2 baginda. Pada satu masa negeri Melaka di-serang oleh penchuri2 sa-hingga tidak terkawal lagi.

Bila Baginda sendiri mendapat tahu hal ini, Baginda telah keluar sa-orang diri menyamar sa-bagai pengawal (Polis) dan dengan kerana usaha baginda itu menjadikan pengawal2 dan pegawai2 bekerja keras sa-hingga kembali keamanan dalam negeri Melaka itu.

Baginda Sultan 'Alauddin Shah ini telah mangkat dalam tahun 1488 dan anakanda baginda yang belum chukup 'umor telah naik takhta Kerajaan Melaka bergelar Sultan Mahmud Shah. Oleh kerana baginda ini orang muda, belum mengerti akan hal pemerentahan negeri, baginda ini telah menyerahkan hal tadbir negeri kapada Bendahara Seri Maharaja.

Baginda ini tersangat menurut hati dan barang apa yang di-kehendaki-nya mesti berlaku. Bendahara Seri Maharaja dan Orang2 Besar Melaka pada masa itu dan dari dahulu kala ada-lah sentiasa tundok sujud kapada segala titah Raja dan menjadi pantang kapada mereka menentang kehendak Raja. Oleh itu barang apa kemahuan Sultan Mahmud Shah tidak-lah ada siapa2 yang dapat menghalangi-nya.

Mengikut dalam Sejarah Melayu, baginda sentiasa menyakitkan ra'ayat dan pembesar2-nya, kerana baginda selalu bermukah dengan isteri pembesar2-nya. Baginda-lah yang telah meminang Puteri Gunong Ledang kerana baginda tidak mahu kahwin dengan anak2 raja yang lain sa-telah mangkat bonda Raja Ahmad isteri-nya.

Pada masa ini-lah datang Pertugis melanggar negeri Melaka kali pertama; tetapi kerana perpaduan ra'ayat dan pembesar2 di-bawah pimpinan Perdana Menteri yang bijaksana Bendahara Seri Maharaja, serangan Pertugis itu telah dapat di-kalahkan dengan mudah-nya juga.

Walaupun negeri Melaka telah di-serang oleh Pertugis, tetapi Sultan Mahmud Shah masch mengikut kemahuan hati-nya juga. Baginda telah menaroh dendam kapada Perdana Menteri-nya sendiri sebab Bendahara Seri Maharaja tidak mempersembahkan anak-nya yang chantek manis yang bernama Tun Fatimah itu kapada baginda.

Akhir-nya bersesuain dengan fitnah yang terbit dari perbalahan dua orang saudagar India, ia-itu Raja Mudaliar dan Kitol, baginda telah membunoh Bendahara Seri Maharaja, Perdana Menteri, adek-nya Seri Nara Di-Raja, anak-nya Temenggong Hassan, suami Tun Fatimah yang bernama Tun 'Ali dan lain2 keluarga Bendahara Seri Maharaja. Kemudian baginda telah mengambil Tun Fatimah menjadi isteri-nya.

Dari masa itu keadaan negeri Melaka telah menjadi kuchar kachir, berpechah-belah, dan perpaduan ra'ayat tidak ada lagi.

Dalam keadaan negeri demikian itu-lah pada tahun 1511 datang angkatan Pertugis yang besar dengan di-kepalai oleh Alfonso d' Albuqurque melanggar Melaka dan dengan tidak mendapat perlawanan yang sa-mesti-nya dan dengan pertolongan pembelot2 dalam negeri, Melaka telah dapat di-kalahkan dengan mudah-nya oleh Pertugis dan dari masa itu Melaka telah di-jadikan kubu dan pusat perniagaan Portugis di-'Alam Melayu.

Orang2 Pertugis Di-Melaka.

Orang2 Pertugis telah mendudoki dan memerentah negeri Melaka dan menguasai perayeran Selat Melaka. Mereka memborong dengan chara monopoli segala barang2 dagangan terutama bijeh timah dan rempah2, ia-itu dua jenis dagangan yang sangat mahal di-Benua Eropah pada masa itu.

Dengan tujuan pemerasan dalam perniagaan ini mereka telah membangunkan sa-buah Kota mengelilingi Bandar Melaka yang di-beri nama **A Famosa.** Bagi membina dan menyudahkan Kota Melaka ini, mereka telah mengerah orang2 Melayu dan di-paksa membuat kota itu sa-bagai 'abdi. Segala batu2 di-Masjid, batu2 nesan, dan lain2 batu telah di-rampas dan di-gunakan membina **A Famosa** itu hingga bertahun2 lama-nya baharu sudah.

Di-dalam kota itu-lah Pejabat2 Kerajaan, Mahkamah2, Jail, Pasar, dan lain2-nya. Berbagai2-lah chara pemerentahan yang di-jalankan bagi memeras perniagaan dan ekonomi orang2 Melayu. Mereka telah menuang mata wang mereka sendiri untok membeli barang2 perniagaan di-Melaka dan di-perayeran Selat Melaka.

Orang2 Portugis itu sentiasa melanggar di-mana2 negeri Melayu yang berhampiran terutama yang di-shaki keluarga Sultan Mahmud Shah.

Pada zaman Melaka di-perentah oleh Portugis itu, barang2 perniagaan rempah dan timah sangat laku dan mahal di-benua Eropah. Siapa2 berkehendakkan barang2 itu mesti-lah pergi beli di-negeri Portugis.

Apakala negeri Portugis bersatu bengan negeri Spain perniagaan rempah dan timah itu tidak-lah lagi dapat di-beli oleh lain2 negeri Eropah sebab di-sekat oleh Spain. Dengan kerana keadaan ini, Orang2 Belanda telah berusaha dengan mengadakan kapal2 mereka yang besar2 dan telah belayar ka-Timor ini.

Kedatangan orang2 Belanda itu telah menjadikan perbalahan dengan orang2 Portugis dan oleh sebab itu selalu menjadi peperangan antara kapal2 Portugis dengan kapal2 Belanda.

Akhir sa-kali dalam tahun 1641 satu angkatan kapal2 Belanda dengan di-bantu oleh orang2 Melayu Johor yang ramai telah datang melanggar dan mengepong Kota Melaka. Dalam peperangan itu lebeh 1,000 orang 'ashkar Belanda dan 7,000 orang Melayu telah menjadi korban baharu dapat di-tawan negeri Melaka itu dari tangan Pertugis.

Belanda Di-Melaka

Apabila negeri Melaka telah di-tawan oleh orang2 Belanda, mereka telah membaiki sa-mula Kota Melaka itu dan mereka telah jadikan kubu mereka pula untok merampas kekayaan dan hasil2 perniagaan timah dan rempah2 di-'Alam Melayu ini.

Di-tiap2 kuala sungai mereka telah membangunkan gudang2 perniagaan mereka saperti di-Kuala Klang, Kuala Selangor, Kuala Sungai Perak dan lain2. Mereka memaksa dagangan2 timah terutama-nya mesti-lah di-jual kapada mereka. Dengan perbuatan mereka demikian berlaku-lah peperangan antara orang2 Melayu dengan orang2 Belanda itu di-mana2 dan dengan kerana ini mereka bertambah2 chemburu kapada orang2 Melayu.

Mereka tidak-lah menjadikan Kota Melaka itu sa-bagai sa-buah Bandar Pelabohan yang menjadi pusat perniagaan-nya sebab mereka telah menjadikan Bandar Jakarta atau Batavia sa-bagai pusat perniagaan-nya di-Timor ini.

Kedzaliman orang2 Belanda itu makin lama makin memunchak dan dalam tahun 1795 negeri Melaka telah di-serahkan kapada orang2 Inggeris sebab negeri Belanda sendiri telah di-ta'alok oleh Inggeris pada masa itu.

Tetapi dalam tahun 1801 hingga tahun 1808 negeri Melaka telah di-serah balek oleh orang2 Inggeris kapada Belanda, tetapi dalam tahun 1808 Belanda telah serah sa-mula negeri Melaka kapada Inggeris.

Dalam tahun 1818 negeri Melaka telah di-serah sa-mula oleh orang2 Inggeris kapada orang2 Belanda hingga tahun 1824, yang mana kemudian dari itu ia-itu pada tahun 1825 negeri Melaka di-serah balek oleh Belanda kapada orang2 Inggeris sa-bagai tukaran dengan Bengkulin di-Sumatra Barat.

Mengikut perjanjian antara Belanda dengan Inggeris, dari tahun itu segala negeri2 di-selatan Singapura menjadi hak dan kuasa orang2 Belanda, manakala Tanah Melayu termasok dalam kuasa orang2 Inggeris. Negeri Pulau2 Riau yang pada masa itu menjadi sa-bahagian dari negeri Johor telah termasok di-bawah kekuasaan Belanda.

Orang2 Inggeris Di-Tanah Melayu.

Di-akhir kurun Masehi yang 18 orang2 Inggeris telah menchari tempat2 yang baik untok di-jadikan pusat perniagaan-nya di-Selat Melaka. Kaptan Sir Francis Light telah datang berniaga di-negeri Kedah dan dalam tahun 1786 ia telah meminta Kompeni Inggeris India Timor supaya membuat pusat perniagaan Inggeris di-Pulau Pinang. Permintaan-nya itu telah di-setujui oleh Kompeni Inggeris dan ia telah membuat perjanjian menyewa Pulau Pinang itu dari Sultan Kedah.

Tahun 1795 orang2 Inggeris telah merampas negeri Melaka dari orang2 Belanda. Dalam tahun 1800 berlaku peperangan antara Raja Kedah dengan Kompeni Inggeris mengenai Pulau Pinang itu. Dalam peperangan itu kalah pehak Raja Kedah dan orang2 Inggeris telah mengambil Seberang Perai menjadi milek-nya. Kemudian dari itu mereka telah merampas Dinding pula dari Sultan Perak.

Pada tahun 1801 negeri Melaka telah di-serah kembali oleh Inggeris kapada Belanda hingga tahun

1807. Kemudian dalam tahun 1808 orang2 Inggeris mengambil balek Melaka itu dan di-perentah-nya hingga tahun 1818, manakala dalam tahun 1819 di-serahkan balek kapada orang2 Belanda hingga tahun 1824. Kemudian dengan satu perjanjian negeri Melaka telah di-tukarkan dengan Bengkulin.

Pada masa negeri Melaka di-perentah oleh Inggeris, mereka tidak puas hati dengan pusat perniagaan-nya di-Melaka itu, mereka mahu satu pelabohan yang lebeh baik lagi.

Sebab itu Sir Stamford Raffles telah menchari satu tempat lain di-selatan negeri Johor dan di-dapati Singapura-lah tempat yang baik sa-kali.

Pada masa itu Singapura menjadi sa-bahagian dari negeri Johor dan Riau. Raja Johor masa itu bersemayam di-Riau sedang Riau itu di-bawah kuasa Kompeni Belanda. Dengan sebab itu Sir Stamford Raffles telah menjemput Tengku Hussain abang kapada Sultan Abdul Rahman Riau supaya datang ka-Singapura. Bila Tengku Hussain itu datang lalu di-tabalkan baginda menjadi Sultan Johor dan Singapura. Dengan jasa ini Sir Stamford Raffles telah memajak Pulau Singapura daripada Sultan Hussain Shah, Raja Johor dan Singapura itu.

Dalam tahun 1824 Singapura terus menjadi milek Kompeni Inggeris.

Dari semenjak itu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka telah di-satukan di-bawah sa-orang Gobnor di-Singapura dan Gobnor itu di-bawah Gobnor General di-India.

Pada masa ini pemerentahan Negeri2 Selat: Singapura, Pulau Pinang dan Melaka telah di-arahkan oleh Gobnor General di-India supaya jangan menchampori hal ehwal pemerentahan Negeri2 Melayu di-Tanah Melayu

INGGERIS MENCHAMPORI POLITIK NEGERI2 MELAYU

Tetapi dalam tahun 1867 hal ehwal pemerentahan Negeri2 Selat itu telah di-pindahkan kuasa-nya dari Gobnor Jeneral India kapada Jabatan Jajahan Ta'alok British di-London. Dari masa itu dasar British telah berubah terhadap negeri2 Melayu, dan Pegawai2 British di-Negeri2 Selat di-benarkan menchampori hal ehwal pemerentahan Negeri2 Melayu. Pada tahun 1873 Sir Andrew Clark telah menjadi Gobnor Negeri2 Selat, ia telah berikhtiar mengamankan Negeri2 Melayu yang pada masa itu sentiasa dalam kachau bilau.

Dalam tahun 1874 negeri Perak, Selangor dan Sungai Ujong telah menerima masing2 sa-orang Penasihat British yang bergelar British Resident bagi memberi nasihat kapada Raja negeri masing2 dan dalam tahun 1887 Negeri Sembilan telah menerima sa-orang British Resident juga. Dari semenjak itu negeri2 Perak, Selangor dan Negeri Sembilan terletak di-bawah naungan Inggeris. Kemudian dalam tahun 1888 negeri Pahang telah menerima sa-orang British Resident pula yang menjadikan keempat2 negeri itu jajahan naungan British.

Dalam tahun 1895 keempat2 buah negeri itu telah di-sekutukan di-bawah satu pentadbiran yang di-kepalai oleh sa-orang pegawai yang bergelar Resident General yang beribu-pejabat di-Kuala Lumpur dan kemudian jawatan itu di-tukar kapada Chief Secretary. Keempat2 negeri ini di-namakan **Negeri2 Melayu Bersekutu** atau **Federated Malay States**.

NEGERI2
DI-UTARA TANAH MELAYU

Ada-pun negeri2 di-Utara Tanah Melayu, ia-itu negeri2 Kedah, Perlis, Kelantan, dan Trengganu dari kurun yang ka-XVIII nyata terta'alok di-bawah Kerajaan Siam dan negeri2 itu sentiasa menghantar ufti bunga emas kapada Raja Siam pada tiap2 tahun.

Sa-sunggoh-nya orang2 Siam memerentah negeri2 jajahan ta'alok-nya di-negeri2 Melayu, tidak-lah ada Gobnor atau Pesurohjaya-nya memerentah negeri2 itu, tetapi Raja negeri itu sendiri memerentah dan pada tiap2 tahun mesti-lah hantar chukai atau ufti yang berupa **Bunga Emas** kapada Raja Siam, manakala perkara dalam dan luar negeri hanya mengikut kebijaksanaan Raja itu sahaja. Sa-olah2 negeri "Self Government" (atau pemerentahan sendiri dalam negeri).

Dalam tahun 1786 sunggoh pun negeri Kedah di-bawah ta'alok Siam, tetapi Raja-nya telah membuat perjanjian dengan Captain Sir Francis Light dan memberi pajak Pulau Penang kapada Inggeris dan dalam tahun 1800 Kedah telah berperang dengan Inggeris, tetapi Siam telah tidak memberi apa2 pertolongan kapada-nya.

Kemudian dalam tahun 1821 Siam telah perentahkan Raja Legor melanggar dan membinasakan negeri Kedah, dan pemerentahan negeri itu terus di-perentah sa-chara langsong saperti Crown Colony dari Siam, manakala Raja Kedah telah melarikan diri berlindong di-Pulau Pinang. Kemudian dalam tahun 1842 Siam telah menyerahkan balek negeri Kedah itu kapada Raja Kedah, tetapi ia telah mengasingkan Perlis dan di-jadikan sa-buah negeri dengan sa-orang Raja-nya yang baharu dari keturunan Sayed.

Dalam tahun 1909 mengikut Treaty Burney, keempat2 buah negeri2 Melayu di-Utara Tanah Melayu, ia-itu Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu telah di-pindahkan kuasa dari Kerajaan Siam kapada Kera-

jaan British, dengan taraf negeri2 itu menjadi naungan.

Kemudian dalam tahun 1914 negeri Johor pula telah menerima sa-orang Penasihat 'Am British. Dan dari semenjak itu seluroh Semananjong Tanah Mlayu telah terletak di-bawah Mahkota British dan pemerentahan-nya di-arahkan oleh Pejabat Jajahan British di-London dengan mengikut chara pemerentahan-nya :—

a. Negeri2 Jajahan Mahkota British, ia-itu Singapura, Pulau Pinang, Seberang Prai dan Melaka.

b. Negeri2 Melayu Yang Bersekutu di-perentahkan oleh Chief Secretary sa-bagai wakil Gobnor di-Singapura yang menjadi Pesurohjaya Tinggi Negeri2 Melayu.

c. Negeri2 Melayu Yang Tidak Bersekutu: Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Dalam tiap2 negeri ini Penasihat British yang menjalankan pekerjaan sa-bagai wakil Pesurohjaya Tinggi British di-Singapura.

d. Negeri Johor yang mempunyai sa-orang Penasihat 'Am atau General Adviser, dan keadaan negeri Johor ini saperti sa-buah negeri yang berpemerentahan sendiri dan ia ada perlembagaan-nya.

ZAMAN PENDUDOKAN JEPUN

Pada malam 8 hb. December, 1941, dengan tiba2 tentera Jepun telah melanggar Tanah Melayu dan telah mendarat menerusi Kota Bharu, Kuantan dan Siam Selatan dan dalam tempoh tidak sampai 3 bulan tentera Jepun telah berjaya menawan seluroh Tanah Melayu dan Singapura.

Dalam masa pendudokan tentera Jepun itu Tanah Melayu dan Singapura telah di-perentah dengan



Tuan Sir Henry Gurney, di-upachara menanda-tangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948

Ketua Menteri Sarawak Datu Stephen Kalong Ningkan

Paduka Yang Mulia Yang Di-Pertua Negara Sabah Datu Mustapha bin Datu Harun



Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew

Ketua Menteri Sabah Datu Donald Stephens

ganas-nya dan telah membawa kerosakan yang amat banyak kapada negeri, ra'ayat dan ekonomi Tanah Melayu. Berpuloh2 ribu jiwa ra'ayat yang di-bunoh kerana tudohan benchi kapada-nya, di-jadikan boroh paksa dan di-hantar ka-lain negeri saperti membuat jalan keretapi maut antara Siam dan Burma yang memakan korban berpuloh2 ribu jiwa, dan di-hantar ka-pulau2 yang lain lagi.

Tidak chukup sa-takat itu sahaja, mereka telah memileh pemuda2 Melayu menjadi tentera upahan-nya saperti Hei Ho, Gum Po, Giu Gun, Giu Tai dan lain2, dan kemudian di-hantar keluar negeri hingga ka-Pulau Irian dan New Britain di-Utara Australia.

Apabila Tentera Berikat dapat menguasai negeri German dan Italy di-Eropah kawan Jepun itu, maka dalam bulan September 1945 sa-lepas Amerika meng-hanchorkan bandar Hiroshima dan Nagasaki dengan bom atom-nya, Jepun telah memashhorkan menyerah diri dengan tidak bersharat kapada Tentera Berikat.

BRITISH BALEK BERKUASA

Bila Jepun telah menyerah diri, tentera British di-bawah pimpinan Penglima Agong Tentera Berikat di-Tenggara Asia, Lord Luis Mountbatten telah men-darat di-Singapura dan Pentadbiran Tentera British telah di-adakan di-seluroh Tanah Melayu dan Singapura.

Dalam masa Pentadbiran British ini datang-lah chara perubahan politik British yang baharu, ia-itu menyatukan semua negeri2 dalam Tanah Melayu tidak termasok Singapura menjadi sa-buah kesatuan yang di-beri nama Malayan Union.

Oleh kerana Raja2 Melayu telah menyerahkan kuasa-nya dengan paksa, maka terdiri-lah Malayan Union yang mana pertubohan itu tidak-lah di-setujui

oleh orang2 Melayu seluroh-nya. Dengan kerana ini orang2 Melayu yang berpechah dua belas di-zaman sa-belum perang itu telah bangkit bersatu ka-dalam satu pertubohan, ia-itu pertubohan politik Melayu sa-Malaya yang di-namakan Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu **(UMNO)** yang di-ketuai oleh Dato' 'Onn bin Ja'afar. Akhir-nya dengan penentangan orang2 Melayu itu Pertadbiran Malayan Union itu telah di-bobarkan dan di-ganti dengan Persekutuan Tanah Melayu yang telah berjalan kuat kuasa-nya pada 1 hb. February, 1948.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 itu Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu mengandongi 75 orang ahli termasok 50 orang ahli yang tidak resmi (termasok pegawai dan bukan pegawai) yang kesemua-nya di-lantek oleh Tuan Pesurohjaya Tinggi dan Pesurohjaya Tinggi itu-lah yang memegang kuasa **Executive** dan Kepala Negara (Head of State) bagi Persekutuan Tanah Melayu dan ia juga menjadi President Federal Council.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 itu telah mensharatkan, ia-itu Undang2 hendak-lah di-adakan bagi mengadakan pilehanraya Majlis Undangan Persekutuan, Majlis Undangan Negeri2 dan Pulau Pinang dan Melaka dan Majlis2 Tempatan dan Majlis Luar Bandar sa-baik2 sahaja keadaan mengizinkan.

Tahun 1950 Undang2 Pilehanraya Majlis2 Tempatan telah di-adakan dan di-jalankan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Satu daripada langkah yang penting bagi menchapai taraf kerajaan sendiri ia-lah mengadakan peratoran bermenteri (**Member System**) yang telah di-jalankan dalam tahun 1951. Mengikut peratoran itu sa-tengah2 ahli Majlis Kerja Kerajaan telah di-lantek menjadi Member (Menteri) untok memegang dan menjalankan tanggong-jawab bagi beberapa buah jabatan yang di-letakkan di-bawah sa-orang Menteri (**Ahli**) itu dalam perkara Pentadbiran 'Awam.

Dalam tahun 1955 di-Persekutuan Tanah Melayu ada 260 buah Majlis2 Tempatan dan Luar Bandar yang ahli2-nya di-pilch.

Pilehanraya 'Umum Persekutuan telah di-adakan pada 31 hb. July 1955 bagi memileh 52 orang wakil dari 52 buah kawasan pilehanraya di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu. Keputusan pilehanraya itu Party Perikatan **(UMNO, MCA** dan **MIC)** telah berjaya merebut 51 dari 52 buah kerusi yang di-pertandingkan dan Party Islam Sa-Tanah Melayu mendapat satu kerusi di-Kerian, Perak. Majlis Undangan Persekutuan masa itu mengandongi 99 orang ahli, ya'ani 52 di-pilch dan 47 di-lantek olch Tuan Pesurohjaya Tinggi.

Tengku Abdul Rahman Petra sa-bagai Ketua Party Perikatan telah membentok Kabinet-nya yang pertama terdiri dari 6 orang Melayu, 3 orang China dan 1 orang India dan 5 orang British dengan Tengku itu menjadi **Ketua Menteri.**

Dalam bulan January, 1959, Ketua Menteri Tengku Abdul Rahman Petra telah mengetuai satu rombongan perwakilan ka-London dan dalam bulan February tahun itu juga, persetujuan telah terchapai bahawa Persekutuan Tanah Melayu sa-lepas memerentah sendiri akan menchapai kemerdekaan penoh pada 31 hb. August, 1957.

Pada pertengahan tahun 1956 sa-buah Surohanjava Bebas telah di-bentok yang di-ketuai olch Lord Reid sa-orang pakar Undang2 British.

Tugas2 Surohanjaya itu termasok-lah menjaga kedaulatan Raja2 Melayu, so'al mengadakan Kepala Negara Persekutuan, Bahasa Resmi dan rupa bangsa negeri ini, hak2 istimewa orang2 Melayu, dengan tidak membelakangkan hak kaum2 yang lain. Dalam bulan February, 1957, Penyata Surohanjaya Reid telah di-keluarkan dan dari Penyata itu-lah di-jadikan asas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka sekarang ini.

Dalam bulan May, 1957, Ketua Menteri Persekutuan sa-kali lagi telah membawa rombongan Tanah Melayu ka-London, ia-itu Wakil Party Perikatan dan Wakil Raja2 Melayu untok mendapatkan persetujuan akhir dalam so'al mendapatkan taraf kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bulan July, 1957, Majlis Undangan Persekutuan dengan sa-bulat suara telah menerima Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada 31 hb. August, 1957, Kerajaan British dengan di-wakili oleh Yang Teramat Mulia Duke of Glocester telah menyerahkan kedaulatan dan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu kapada Ketua Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman Petra, di-hadapan Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu dan di-hadapan wakil2 dan pemerhati dari seluroh dunia di-Stadium Merdeka.

Pada malam-nya jam 12.01 betul isti'adat menurunkan bendera Union Jack telah di-ada-kan dengan meriah-nya di-depan Bangunan Kerajaan Kuala Lumpur dan bendera Persekutuan Tanah Melayu telah di-naikkan oleh Tengku Abdul Rahman Petra Perdana Menteri.

Pada 3 hb. September, 1957 Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Di-Pertuan Agong Pertama telah di-lantek, ia-itu Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin 'Alam Shah telah di-lantek menjadi Timbalan Yang Di-Pertuan Agong.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu Merdeka itu telah di-tanda-tangani di-Kuala Lumpur pada 5 hb. August, 1957.

Tuan Pesurohjaya Tinggi British telah menurunkan tanda-tangan bagi pehak Baginda Queen dan Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu telah menurunkan tanda-tangan bagi pehak Baginda masing2.

NEGERI2 DALAM TANAH MELAYU

Semenanjong Tanah Melayu ini ada mengandongi sa-belas buah negeri, ia-itu 9 buah negeri yang beraja dan 2 buah yang memakai Gobnor. Keadaan tiap2 negeri itu sa-chara rengkas ada-lah bagaimana di-bawah ini:—

Johor.

Negeri Johor dudok-nya di-hujong ka-selatan sa-kali dalam Tanah Melayu, tercherai dengan Pulau Singapura oleh Selat Teberau. Di-barat dan timor-nya bersempadan dengan Selat Melaka dan Laut China, dan di-utara-nya bersempadan dengan Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka.

Luas negeri Johor ini 7,330 batu persegi dan terbahagi kapada jajahan2, ia-itu Jajahan2 Johor Bharu, Pontian, Kota Tinggi, Kelnang, Mersing, Segamat, Muar, Batu Pahat dan Tangkak. Manakala ibu-negeri-nya ia-lah Johor Bharu, di-mana tempat semayam Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, ia-itu Sultan Ismail ibni almarhum Sultan Sir Ibrahim. Pendudok2 negeri Johor ia-lah 1,064,914 orang pada tahun 1961.

Negeri Johor tidak ada gunong2 yang tinggi, tetapi muka bumi-nya berbukit2 terutama di-bahagian tengah dan timor-nya, manakala di-barat-nya di-jajahan Batu Pahat, Muar dan Pontian tanah-nya rendah dan rata.

Sungai2-nya yang besar ia-lah Sungai Muar, Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Mersing dan Sungai Endau yang menjadi perenggan dengan Pahang.

Hasil mahsul negeri Johor yang utama ia-lah getah, kelapa, nanas, kelapa sawit lada hitam dan kayu balak, manakala besi dan bauxite ia-lah dua galian yang di-dapati di-Johor.

Kedah.

Negeri Kedah dudok-nya di-utara Tanah Melayu, di-Pantai Barat, dan bersempadan dengan

Thailand di-utara dan timor-nya, manakala di-selatan-nya bersempadan dengan Perak, dan barat-nya bersempadan dengan Selat Melaka dan Seberang Perai. Pulau Langkawi ia-lah kumpulan pulau2 yang termasok dalam pemerentahan Kedah.

Tanah negeri Kedah di-bahagian barat, dari sempadan Perlis membawa ka-jajahan Kuala Muda, rendah dan rata. Kawasan ini-lah tempat sawah padi yang luas sa-kali dalam Tanah Melayu. Dalam musim menuai padi, berpuloh2 ribu orang dari lain negeri terutama Kelantan datang menolong menuai padi tiap2 tahun. Bahagian timor dan selatan Kedah tanah-nya berbukit2 dan di-sini menjadi kawasan ladang getah bagi negeri itu.

Sungai2 yang besar dalam negeri Kedah ia-lah Sungai Kedah, Sungai Merbok, Sungai Muda, Sungai Kerian yang menjadi sempadan dengan negeri Perak.

Luas negeri Kedah ia-lah 3,660 batu persegi dengan pendudok2 yang berjumlah 783,933 orang pada tahun 1961. Negeri Kedah ini di-bahagi kapada 7 buah jajahan, ia-itu Jajahan2 Kota Star, Kubang Pasu, Padang Terap, Kuala Muda, Kulim, Baling dan Bandar Baharu.

Hasil mahsul negeri Kedah ia-lah padi, getah, kelapa, kayu balak dan bijeh timah.

Ibu-negeri Kedah ia-lah Alor Star, dudok-nya di-tengah kawasan persawahan negeri ini dan di-sini-lah terletak-nya istana tempat semayam Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, ia-itu Sultan Abdul Halim Shah ibni almarhum Sultan Badli Shah. Di-Alor Star ada padang kapal terbang.

Pulau Langkawi ia-lah pulau yang bersejarah yang menjadi tempat pelanchong2 melawat. Pada masa sekarang telah di-adakan padang kapal terbang di-pulau itu dan boleh dengan senang berkapal terbang ka-sana dan rumah perhentian pun ada.

Kelantan.

Negeri Kelantan dudok-nya di-utara Tanah Melayu di-Pantai Timor dan ia bersempadan dengan negeri Thailand, Trengganu, Pahang dan Perak.

Luas negeri Kelantan ia-lah 5,750 batu persegi dan pendudok-nya berjumlah 570,998 orang pada tahun 1961. Hampir 70 peratus tanah di-selatan negeri itu maseh hutan rimba dan bergunong-ganang. Di-antara gunong2 yang tertinggi sa-kali ia-lah Gunong Tahan dudok-nya di-sempadan dengan Pahang.

Negeri Kelantan ia-lah lembahan kapada Sungai Kelantan, di-antara sungai2 itu ia-lah Sungai Lebir, Sungai Pergau, Sungai Galas dan Sungai Nenggiri dan kelima2-nya bersatu menjadikan sa-buah Sungai Kelantan. Sungai2 yang lain ia-lah Sungai Golok, Sungai Kemasin dan Sungai Semerak.

Negeri Kelantan ini terbahagi kapada 8 buah jajahan ia-itu, Jajahan2 Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Bachok, dan Ulu Kelantan.

Hasil mahsul pengeluaran negeri Kelantan ia-lah getah, kelapa, padi dan kayu balak. Di-Temangan di-dapati bijeh besi yang di-kerjakan oleh sa-buah Kompeni Inggeris yang berkongsi dengan Jepun, ia-itu Oriental Mining Company Limited, yang mengeluarkan ½ ton besi sa-tahun.

Ibu-negeri Kelantan ia-lah Kota Bharu, 7 batu dari Kuala Kelantan, dan mempunyai pendudok sa-banyak 39,000 orang pada tahun 1957. Di-sini-lah terletak istana Kota Lama, tempat semayam Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan ia-itu, Sultan Yahya Putera ibni almarhum Sultan Sir Ibrahim. Dari Kuala Lumpur ka-Kota Bharu boleh pergi dengan keretapi, kapal terbang dan motokar.

Di-Kota Bharu ini termashhor dengan pengeluaran kain sutera, songket yang indah2 dan tempat

pengeluaran kain batek dan juga tempat pertukangan barang2 perak.

Melaka.

Negeri Melaka ia-lah sa-buah negeri yang besar dan mashhor di-zaman dahulu kala, sekarang hanya tinggal sa-luas 640 batu persegi. dudok-nya di-Pantai Barat, bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor dan pendudok2-nya berjumlah 335,127 orang pada tahun 1961. Kawasan bumi negeri Melaka hampir semua-nya telah terbuka dan tidak ada hutan lagi.

Negeri ini terbahagi kapada 3 Jajahan ia-itu, Jajahan2 Melaka, Alor Gajah, dan Jasin. Dalam Jajahan Alor Gajah ada satu kawasan yang meng'amalkan 'Adat Perpateh, ia-itu Naning. Penghulu Naning itu tinggal di-Simpang Empat, Alor Gajah.

Hasil mahsul negeri Melaka ia-lah getah, kelapa dan padi. Tempat yang mashhor di-Melaka ia-lah Tanjong Keling tempat orang mandi Safar, tiap2 tahun beribu2 orang pergi ka-sana sa-lama 3 hari.

Ibu-negeri Melaka ia-lah Bandar Melaka terletak di-Kuala Sungai Melaka. Kota Melaka yang bernama A Famosa di-zaman Pertugis itu di-sini-lah dudok-nya dan sekarang telah tinggal bekas-nya sahaja, ia-itu pintu kota itu di-depan Padang Bandar Hilir.

Di-atas sa-buah bukit dekat Bandar Hilir itu ia-lah tempat istana Yang Terutama Gobnor Melaka, sekarang Tun Haji Abdul Malek.

Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan dudok-nya di-Pantai Barat, ia bersempadan dengan negeri Selangor, Pahang, Johor dan Melaka, luas-nya 2,530 batu persegi dengan pendudok2-nya berjumlah 422,694 orang pada tahun 1961.

Negeri Sembilan terbahagi kapada 7 jajahan, ia-itu Jajahan Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Tampin dan Jelebu.



Bangunan Parliman Malaysia Di-Kuala Lumpur.

Dato' Onn bin Ja'afar Pemimpin yang mula2 menentang Malayan Union dan menubohkan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Tuan Alan Lenox-void menyaksikan Tengku Abdul Rahman Petra menanda-tangani Perjanjian Penyerahan Persekutuan Tanah Melayu di-London 1957.

Sungai2 dalam negeri itu tidak ada yang besar, melainkan Sungai Muar, ulu-nya dalam negeri Sembilan, tetapi kuala-nya masok dalam negeri Johor. Sungai Linggi dan chawangan-nya Sungai Rembau, bahagian hilir-nya menjadi sempadan dengan Melaka.

Hasil mahsul negeri Sembilan ia-lah getah, kayu balak, kelapa sawit dan padi. Hasil galian-nya pula ia-lah timah.

Ibu Negeri Sembilan ia-lah Seremban, yang berpendudok 52,000 pada tahun 1957. Di-Seremban ini ada sa-buah taman bunga yang chantek. Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan bersemayam di-Seri Menanti. Yang Di-Pertuan Besar sekarang ia-lah Tengku Munawir ibni almarhum Tengku Abdul Rahman.

Port Dickson ia-lah ibu-jajahan Port Dickson, dan di-sini Ibu-Pejabat 'Ashkar Melayu Di-Raja dan juga kilang penapis minyak kepunyaan Shell yang baharu di-dirikan.

Pahang.

Negeri Pahang ia-lah yang terbesar sa-kali dari lain2 negeri dalam Tanah Melayu, luas-nya 13,820 batu persegi dengan pendudok2-nya berjumlah 354,316 orang pada tahun 1961.

Keadaan muka bumi negeri Pahang ini di-bahagian barat-nya bergunong2, tetapi bahagian timor-nya terutama dalam kawasan Kuantan dan Pekan tanah-nya rata dan elok di-jadikan sawah padi.

Tanah negeri ini maseh penoh dengan hutan rimba yang belum di-buka dan di-usahakan.

Jika di-buka peta, nampak-lah bahawa negeri Pahang ia-lah kawasan bumi yang menjadi lembahan Sungai Pahang. Sungai Pahang ia-lah sungai yang besar sa-kali dalam Tanah Melayu. Sungai Bera, Sungai Pertang, Sungai Semantan, Sungai Krau, Sungai Tembeling, Sungai Lipis, Sungai Telom dan Jelai ia-lah chawangan2 yang besar kapada Sungai Pahang itu.

Lain2 sungai-nya ia-lah Sungai Kuantan, Sungai Rompin dan Sungai Endau.

Negeri Pahang itu terbahagi kapada 7 jajahan, ia-itu Jajahan Lipis, Jerantut, Raub, Temerloh, Kuantan, Pekan dan Cameron Highland.

Hasil mahsul pengeluaran negeri Pahang ia-lah getah, padi, teh, kubis, kayu2an, bijeh timah, emas, besi dan lain2 barang pengeluaran hutan saperti rotan, damar dan getah jelutong.

Ibu-negeri Pahang ia-lah Kuantan yang baharu beberapa tahun di-pindahkan dari Kuala Lipis. Di-Kuantan ada Seteshen Radio dan padang kapal terbang. Tempat semayam Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang ia-lah Bandar Pekan dekat kuala Sungai Pahang. Sultan Pahang sekerang ia-lah Sultan Abu Bakar ibni almarhum Sultan Abdullah.

Perak.

Negeri Perak dudok-nya di-Pantai Barat Tanah Melayu, bersempadan dengan negeri2 Selangor, Pahang, Kelantan, Thailand dan Kedah, luas-nya 7,980 batu persegi dengan pendudok-nya berjumlah 1,384,321 pada tahun 1961.

Negeri Perak ini di-sabelah Timor-nya bergunong2 dan gunong yang tertinggi sa-kali ia-lah Gunong Kerbau, dudok-nya dekat sempadan Kelantan di-timor Tanjong Rambutan.

Negeri Perak ia-lah bumi lembahan Sungai Perak, dan sungai ini-lah yang kedua besar-nya dalam Tanah Melayu. Ulu Sungai Perak ini terbit di-sempadan Perak dengan Thailand, kemudian mengalir hala ka-selatan dan masok ka-Selat Melaka di-Bagan Datoh. Lain2 sungai-nya ia-lah Sungai Selama, Sungai Kerian, Sungai Kurau, Sungai Dinding dan Sungai Bernam.

Negeri Perak terbahagi kapada 10 jajahan, ia-itu Jajahan Kinta, Batang Padang, Hilir Perak, Dinding, Matang, Larut, Kerian, Selama, Ulu Perak dan Kuala

Kangsar. Bandar yang besar sa-kali ia-lah Ipoh dan juga ibu-negeri Perak. Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak bersemayam di-istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Sultan Perak sekarang ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris ibni almarhum Sultan Iskandar Shah.

Hasil mahsul negeri Perak yang utama ia-lah bijeh timah dan getah. Lain dari itu ia-lah kelapa, padi, kayu2an, besi dan ubi kayu. Di-antara negeri2 dalam Tanah Melayu, Perak-lah yang banyak sa-kali mengeluarkan bijeh timah.

Tempat2 yang mashhor dalam negeri Perak ia-lah:—

1. Kuala Kangsar: tempat semayam Sultan Perak.
2. Telok Anson: ia-lah bandar pelabohan negeri Perak.
3. Tanjong Malim: ia-lah tempat dudok-nya Sultan Idris Training College dan Sekolah Menengah Tun Abdul Razak.
4. Tanjong Rambutan: tempat hospital sakit otak yang besar.
5. Chenderoh: tempat empangan ayer bagi mengeluarkan kuasa letrik.

Perlis.

Ia-lah sa-buah negeri yang terkechil sa-kali dalam Tanah Melayu, dudok-nya di-hujong sa-belah utara dalam Tanah Melayu, luas-nya 310 batu persegi dengan pendudok-nya sa-banyak 101,357 orang pada tahun 1961. Tanah negeri Perlis ini rata sahaja dan dengan sebab itu ia menjadi negeri sawah padi dan itu-lah hasil negeri itu yang utama. Lain dari itu ia-lah kelapa, bijeh timah, amang dan baja tahi kelawar.

Padang Besar ia-lah pekan di-hujong jalan kereta-api Tanah Melayu dan di-sana tempat persambongan

dengan keretapi Thailand.

Bandar dan ibu negeri Perlis ia-lah Kangar dan istana tempat semayam Raja Perlis ia-lah di-Pekan Arau. Raja Perlis sekarang ia-lah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sayed Putera ibni almarhum Sayed Hassan Jamalullil dan baginda sekarang Menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Pemangku Raja Perlis ia-lah Yang Amat Mulia Tengku Sulaiman ibni Tengku Bendahara Abu Bakar Johor dan menantu Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Selangor.

Negeri Selangor dudok-nya di-Pantai Barat Tanah Melayu dan ia bersempadan dengan negeri2 Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selat Melaka. Luas-nya ia-lah 3,160 batu persegi dengan pendudok2 sa-banyak 1,159,914 orang pada tahun 1961.

Sa-lepas negeri Perak, Selangor-lah negeri yang kedua banyak-nya mengeluarkan hasil bijeh timah dalam Tanah Melayu. Lain2 hasil pengeluaran negeri Selangor ia-lah getah, kelapa sawit, kelapa, teh, kopi, padi dan ikan.

Kawasan sawah padi yang besar bagi negeri Selangor ia-lah Tanjoug Karang dalam jajahan Kuala Selangor. Kebun kopi pula di-tanam dalam kebun2 kelapa di-jajahan Kuala Langat. Pokok kopi sangat sesuai dengan tanah rendah yang di-tutupi oleh pokok kelapa.

Sungai2 dalam negeri Selangor ia-lah Sungai Selangor, Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Bernam dan Sungai Pelek, yang menjadi sempadan dengan negeri Sembilan, dan Sungai Bernam menjadi sempadan dengan negeri Perak.

Bandar yang besar dalam Selangor ia-lah Kuala Lumpur, dan bandar ini juga menjadi ibu-negeri Selangor dan Malaysia. Negeri Selangor tidak berapa lama akan datang akan memindahkan ibu-negeri-nya ka-satu tempat lain.

Bandar Kuala Lumpur mempunyai pendudok2 berjumlah 316,200 orang pada tahun 1957. Di-sini tempat semayam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Sekarang ia-lah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sayed Putra ibni almarhum Tuanku Sayed Hassan Jamalullil.

Dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan di-kawasan sa-keliling-nya ada beberapa tempat yang sentiasa menjadi tumpuan orang ramai melawat saperti Taman Bunga, Setadium Merdeka, Setadium Negara, Setadium Cheng Woo, Musium Negara, Bangunan Parliman, Taman Tengku Abdul Rahman, Taman Binatang, Studio Merdeka Film, Batu Cave, Padang Kapal Terbang Antara Bangsa di-Sungai Besi dan Bandar Baharu di-Petaling Jaya.

Pada masa sekarang, Petaling Jaya telah di-jadi-kan kawasan perkilangan yang utama dalam Tanah Melayu dan segala perusahaan yang mendapat taraf pembuka jalan, yang mendapat hak bebas dari chukai pendapatan di-antara 2 hingga 5 tahun itu, hampir semua-nya terletak di-Petaling Jaya. Petaling Jaya ini dudok-nya di-tengah jalan Kuala Lumpur—Klang.

Dalam Bandar Kuala Lumpur ini juga pada masa ini sedang di-bina sa-buah masjid yang terbesar sa-kali di-Tenggara Asia yang menelan belanja lebeh $10 juta dan pembinaan-nya tidak lama lagi akan siap.

Bandar Kuala Lumpur ini, di-perentah oleh sa-buah Surohanjaya yang di-lantek oleh Kerajaan Pusat, tidak memakai chara pilehanraya, bagaimana lain2 bandar besar dalam Tanah Melayu. Chara yang demikian di-fikirkan akan mendatangkan lebeh baik bagi pembangunan, kemajuan dan keindahan Ibu-Kota Malaysia itu dan di-harap dalam masa yang tidak lama akan menjadi sa-buah bandar yang besar dan chantek sa-kali di-Tenggara Asia. Di-Lembah Pantai terletak University Malaya dan Maktab Perguruan Bahasa.

Di-tengah2 kawasan bandar Kuala Lumpur itu terletak suatu kawasan khas bagi kediaman orang2 Melayu, ia-itu Kampong Baharu. Sa-buah masjid yang indah terdiri di-tengah2 kampong ini dan berhampiran-nya terletak Pasar Minggu yang menjadi tumpuan pelawat2 pada malam Ahad.

Kampong Baharu ini di-perentah oleh sa-buah Jawatan-kuasa yang berkuasa mengator dan menyusun kemajuan dan kebajikan kampong itu. Kampong Pandan dan Kampong Dato' Keramat ia-lah dua lagi kawasan khas yang baharu tempat kediaman orang2 Melayu.

Lain2 tempat mashhor ia-lah Bukit Frazer, ia-itu tempat peranginan bagi mengambil angin sejok. Pantai Morib di-Kuala Langat tempat mandi laut yang permai di-Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi pusat perkembangan Bahasa Kebangsaan juga di-dirikan di-bandar ini.

Di-Kuala Klang ada sa-buah pelabohan kapal yang baharu siap di-bina, dan pelabohan ini boleh di-masoki oleh sa-besar2 kapal yang berulang alek antara Eropah dengan Timor Jauh.

Negeri Selangor itu terbahagi kapada 6 jajahan, ia-itu: Jajahan2 Kuala Lumpur, Klang, Kuala Langat, Ulu Langat, Ulu Selangor dan Kuala Selangor.

Ada-pun tempat semayam Sultan Selangor ia-lah di-Klang dan di-sini juga terletak-nya Maktab Islam Malaya yang mashhor itu. Sultan Selangor sekarang ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul 'Aziz Shah ibni almarhum Sultan Hisamuddin 'Alam Shah.

Penang.

Negeri Pulau Pinang ia-lah Pulau Pinang dan Seberang Perai yang luas-nya 390 batu persegi dengan pedudok-nya berjumlah 642,221 orang pada tahun 1961.

Bila kita naik kereta api dari Kuala Lumpur ka-Pulau Pinang hujong jalan kereta api itu di-Perai.

dari Perai itu terpaksa menaiki peri ka-Bandar Tanjong atau George Town.

Motorkar dan lain2 kenderaan boleh di-bawa menyeberang dari tanah besar (Butterworth) ka-Bandar Tanjong dengan peri.

Pulau Pinang itu boleh di-kelilingi dengan motor kar mengikut sa-panjang2 tepi laut. Di-Selatan pulau itu, ia-itu di-Bayan Lepas ada sa-buah padang kapal terbang yang boleh di-singgahi oleh kapal2 terbang Malaysia.

Bandar Tanjong terletak di-Timor pulau itu di-bahagian tanjong yang menjolor ka-tanah besar dan di-sini-lah pelabohan kapal besar bagi Pulau Pinang itu. Pelabohan ini di-perentahkan oleh sa-buah suruhanjaya yang bernama Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Penang Port Commission). Di-Bandar Tanjong ada relau tempat memasak bijeh timah.

Di-tengah2 Pulau Pinang itu ada sa-buah bukit bernama Bukit Bendera. Tidak ada jalan hendak naik ka-atas bukit ini melainkan dengan keretapi bukit. Keretapi ini hak Kerajaan Pulau Pinang dan ia chuma ada dua buah gerabak, satu gerabak naik dan masa itu juga satu gerabak turun. Perjalanan naik turun ini dengan menggunakan tali besi yang di-tarek dengan kuasa letrik.

Di-atas bukit ini ada taman bunga, kedai2 makanan dan pemandangan sangat chatek dan nampak kesemua-nya Bandar Tanjong itu. Rumah2 perniagaan banyak di-atas bukit ini, termasok rumah perhentian. Di-Badar Tanjong ada sa-buah taman bunga yang chantek dan mashhor.

Di-Timor Pulau itu ada sa-buah pulau kechil bernama Pulau Jerjak. Di-sini di-jadikan tempat mengasingkan orang sakit berjangkit (quarantine).

Seberang Perai pula tanah-nya rata dan tidak ada hutan sadikit pun. Bumi Seberang Perai ini penoh

dengan sawah padi, kebun2 getah dan kelapa, dan ini-lah hasil pengeluaran negeri itu. Tetapi kekayaan Pulau Pinang itu bergantong kapada pelabohan bebas dan perdagangan, kerana barang2 yang di-bawa masok dari luar negeri ka-Pulau Pinang itu bebas dari chukai, bila barang2 itu di-bawa ka-Tanah Besar, baharu di-kenakan chukai. Sebab itu pendudok2 Pulau Pinang mendapat barang2 termasok makanan lebeh murah dari kawasan negeri itu sendiri di-Seberang Perai.

Pulau Pinang di-perentah oleh sa-orang gobnor yang menjadi wakil Yang Di-Pertuan Agong. Gobnor sekarang ia-lah Yang Terutama Raja Tun Uda, dan ia-lah gobnor pertama bagi Pulau Pinang.

Trengganu.

Negeri Trengganu dudok-nya di-tengah2 Tanah Melayu bahagian Pantai Timor, luas-nya 5,050 batu persegi dengan pendudok2-nya berjumlah 317,049 orang pada tahun 1961.

Negeri Trengganu ini masch belum terbuka lagi hutan rimba-nya yang luas dan subor itu, dan di-anggar-kan belum sampai 20 peratus dari muka bumi nya yang telah di-gunakan.

Negeri ini membujor dari utara ka-selatan yang bersempadan dengan Kelantan, Pahang dan Laut China. Ia terbahagi kapada 6 jajahan ia-itu Jajahan2 Kuala Trengganu, Ulu Trengganu, Besut, Marang, Dungun dan Kemaman.

Hasil pengeluaran negeri Trengganu yang utama ia-lah bijeh besi yang di-lombong oleh Eastern Mining Company Limited di-Bukit Besi, Dungun. Lain dari itu ia-lah kelapa, getah, padi, ikan kering, kayu balak dan lain2 pengeluaran hutan, barang2 tembaga, kain songket dan barang anyaman dari mengkuang. Rambutan dan nanas ia-lah dua jenis tanaman yang banyak di-tanam dalam Trengganu.

Kebun kopi, koko dan kelapa sawit juga sedang di-usahakan dengan bertambah2 maju di-sana.

Negeri Trengganu membujor dari utara ka-selatan dan bumi-nya tinggi di-bahagian barat dan churam ka-timor dan dengan sebab itu sungai2 dalam Trengganu itu semua mengalir ka-Timor. Sungai2-nya yang besar ia-lah Sungai Besut, Sungai Trengganu, Sungai Marang, Sungai Dungun, Sungai Paka, Sungai Kerteh dan Sungai Kemaman. Beberapa tahun yang lalu jalan raya dari Kota Bharu ka-Kuala Lumpur melalui Trengganu mesti menggunakan 8 tempat peri kerana menyeberangi sungai2 yang tersebut di-atas; tetapi sekarang tinggal 3 buah peri sahaja lagi dan diagakkan tahun 1965 tidak ada lagi peri itu.

Bandar yang besar dalam Trengganu ia-lah Kuala Trengganu, dudok-nya di-tepi tebing Kuala Sungai Trengganu dan di-sini-lah Ibu-Negeri Trengganu, tempat istana Sultan Trengganu. Baginda Sultan Trengganu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni almarhum Sultan Zainal 'Abidin.

Tempat2 yang sentiasa di-lawati oleh pelanchong2 dalam dan luar negeri ia-lah tempat2 perusahaan kain songket, barang2 tembaga dan anyaman dari mengkuang dan pandan, di-Kuala Trengganu, pantai Batu Burok, lombong besi di-Dungun, tempat mandi laut di-dekat Kemaman, ia-itu di-rumah peranginan yang chantek bernama Motel.

Dari Kuala Lumpur ka-Kuala Trengganu boleh sampai dengan motorkar dalam tempoh 7 jam sahaja.

Jalan2 Perhobongan.

Jalan2 perhubongan dalam Tanah Melayu sangat-lah baik dan mudah baik dengan udara, keretapi, motorkar dan laut, antara Ibu-Kota Kuala Lumpur dengan ibu2-negeri dan bandar2 di-seluroh Tanah Melayu dan Singapura.

Dari Kuala Lumpur boleh pergi dengan kapal terbang ka-Ipoh, Taiping, Pinang Alor Star, Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuantan, Melaka dan Singapura.

Dari Kuala Lumpur juga ada perhubongan keretapi ka-Ipoh, Pinang, Alor Star terus ka-Padang Besar di-perenggan Thailand di-utara dan ka-Seremban, Tampin, Gemas, terus ka-Johor Bharu dan Singapura dan dari Gemas bersambong pula ka-Kuala Lipis, terus ka-Tumpat, Kelantan dan berchabang di-Pasir Mas ka-Sungai Golok, perenggan dengan Thailand.

Dengan jalan motorkar dari Kuala Lumpur boleh pergi ka-semua bandar2 dalam tiap2 negeri seluroh Tanah Melayu. Dan juga dari Pulau Pinang dengan kapal api boleh belayar ka-Port Weld, Telok Anson, Port Swettenham, Port Dickson, Melaka, Muar, Singapura dan terus ka-Pantai Timor saperti Mersing, Kuantan, Kemaman, Dungun, Kuala Trengganu, Besut dan terus ka-Tumpat, Kelantan. Kapal penyusor yang di-punyai oleh Strait Steamship Company Limited sentiasa berulang alek antara pelabohan2 yang tersebut itu.

Lain dari itu perhubongan talipon juga sangat mudah di-antara semua bandar2 dalam Tanah Melayu dan Singapura. Dalam perkara2 yang amat mustahak dengan pertolongan polis, perhubongan dengan wayarles boleh di-hubongkan di-antara semua cherok dalam Tanah Melayu di-antara satu balai polis dengan balai polis yang lain.

Telegeram dan surat2 menerusi pos sangat baik dan chekap memperhubongkan antara satu2 kampong dengan bandar2 atau antara kampong dengan kampong merata2 Tanah Melayu.

Perlembagaan Negeri2.

Tiap2 buah negeri yang beraja atau tidak masing2 ada dengan Perlembagaan atau Undang2 Tuboh negeri2 itu sendiri dan kedudokan, keutamaan Raja2 Melayu dan Gobnor2-nya ada-lah mengikut Perlembagaan negeri2 itu sendiri.

Perlembagaan negeri2 itu-lah menentukan chorak dan chara negeri2 itu di-perentah dan menen-

tukan siapa2 yang akan naik takhta Kerajaan menerusi satu Badan yang di-bentok mengikut sharat2 dalam Perlembagaan negeri2 dan Kerajaan Pusat tidak ada mempunyai kuasa.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, Raja2 Melayu ada-lah mempunyai taraf yang tertinggi dalam negeri Baginda dan nama-nya terdahulu sa-kali daripada orang2 lain, manakala Gobnor itu pula mempunyai taraf tertinggi dalam negeri-nya dan nama-nya terdahulu dari nama2 orang lain dalam negeri-nya.

Mengikut Perkara 71 (I) Kerajaan Persekutuan hendak-lah menjamin hak sa-saorang Raja tiap2 negeri dan Kerajaan menjamin akan kuat-kuasa Perlembagaan negeri2 itu. Mengikut Perkara (2) pula menyatakan kedudokan Dato' Undang Empat Negeri Sembilan juga di-jamin oleh Perlembagaan termasok kedudokan Dato' Naning Melaka sa-bagai Penghulu, Ketua 'Adat di-Melaka.

Mengikut Perlembagaan negeri Perak, warith2 yang akan naik takhta Kerajaan Perak ada-lah bergilir2 antara tiga keluarga Raja2 Perak. Apakala mangkat Sultan, Raja Muda akan naik takhta (dari lain keluarga) dan Raja Di-Hilir akan naik menjadi Raja Muda, (dari lain keluarga juga) dan keluarga Sultan akan menjadi Raja Di-Hilir pula.

Majlis Dewan Negara Perak bertanggong-jawab melantek Raja negeri itu mengikut giliran tersebut. Mengikut Perlembagaan Negeri Sembilam pula Raja negeri itu di-pileh dan di-lantek oleh Dato' Undang Empat yang menjadi Ketua Suku2 di-Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau dari keluarga Yang Di-Pertuan Besar negeri itu.

Dalam tiap2 negeri, ada di-tubohkan Badan Tertentu mengikut Perlembagaan negeri itu yang di-lantek oleh Raja guna mengambil tanggong-jawab memileh dan melantek Raja negeri itu bila berlaku kemangkatan, dan badan2 ini di-Perak di-namakan Dewan Negara Perak, di-Selangor di-namakan Dewan

Di-Raja Selangor, di-Trengganu di-namakan Jama'ah Pangkuan Negeri, dan bagitu-lah di-lain2 negeri.

Pulau Pinang dan Melaka.

Oleh sebab kedua2 negeri ini bekas tanah jajahan British, dan tidak ada raja, maka kuasa memerentah negeri2 itu terletak di-dalam tangan Gobnor yang di-lantek oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sa-telah berunding dengan Ketua Menteri negeri itu.

Orang2 yang boleh di-lantek menjadi Gobnor itu hendak-lah warganegara Persekutuan mengikut perjalanan Undang2 (by operation of law). Gobnor itu boleh di-berhentikan oleh Yang Di-Pertuan Agong jika di-persetujukan oleh dua pertiga suara Majlis Undangan Negeri itu.

Ada-pun lama masa Gobnor itu memegang jawatan-nya ia-lah empat tahun dan ia boleh di-lantek sa-mula jika di-fikirkan patut oleh Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Dewan Undangan Negeri.

Susunan Dewan Undangan Negeri dalam tiap2 negeri itu tidak-lah sama saperti Parliman, tetapi ia mempunyai ahli2 yang di-pileh semua-nya termasok tiga orang kerana jawatan-nya (ex-officio members), ia-itu Setia Usaha Kerajaan, Penasihat Undang2 Negeri dan Pegawai Keewangan Negeri. Ketiga2 pegawai ini hadzir dalam Dewan itu sa-bagai penasihat dan mereka boleh mengambil bahagian dalam perbahathan, tetapi tidak boleh mengundi.

Chara Dewan Undangan Negeri itu menjalankan kerja-nya tidak-lah jauh beza-nya dengan Parliman dan achara2-nya ia-lah:—

Doa'.

Bersumpah bagi ahli baharu.

Kertas di-letakkan di-atas meja.

Jawapan2 pertanyaan bertulis.

Jawapan pertanyaan dengan mulut.

Chadangan2 (Motion).

Rang Undang2.

Uchapan penanggohan.

Tanggohan meshuarat.

Ahli2 Dewan Undangan Negeri itu mempunyai hak dan keutamaan yang hampir sama dengan Ahli Parliman, ia-itu elaun bulanan, talipon perchuma, pos perchuma, ubat di-Hospital perchuma, pas keretapi yang akan di-bayar oleh Kerajaan (dalam negeri) tambang perchuma, kerana kerja2 Dewan dan ada elaun harian, dan lain2 keutamaan.

Dewan Undangan negeri itu bersidang lazimnya tiga bulan sa-kali. Pengurusi Dewan Undangan Negeri ini di-gelarkan **Speaker.**

Segala perbinchangan dan fikiran2 yang di-keluarkan dalam Dewan itu tidak-lah boleh di-datangkan hujjah oleh mana2 Mahkamah, dan tidak boleh di-da'awa.

Kuasa Dewan Undangan Negeri.

Dewan Undangan Negeri itu berkuasa membuat Undang2 bagi semua sa-kali atau sa-bahagian daripadanya, ia-itu mengikut Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan. Segala Undang2 negeri yang bertentangan dengan Undang2 Persekutuan, hendak-lah di-pakai Undang2 Persekutuan.

Senarai Negeri.

Di-bawah ini di-perturunkan senarai perkara2 Dewan Negeri berhak membuat Undang2 bagi negerinya:—

1. Undang2 yang berkenaan dengan ugama Islam dan segala perkara yang berikut dengan hukum2 Shara'.

2. Tanah, termasok hak milek tanah, perhubongan tuan tanah dengan penyewa tanah, grant, surat2 kuasa tanah, tanah baharu, membaiki dan memelihara tanah, menghadkan sewa tanah.

Tanah simpanan Melayu, lesen chari tanah bijeh, pajak lombong dan surat2 akuan.

Mengambil balek tanah dengan paksa, tukar nama, sandaran, pajakan dan gadai tanah dan lain2.

3. Pertanian dan kehutanan, pinjaman2 wang pertanian. dan perkara2 yang berhubong dengan hutan.

4. Kerajaan Tempatan termasok Majlis2 Tempatan, Majlis Bandaran, Majlis2 Luar Bandar, Lembaga Tempatan, Lembaga Bandar, Lembaga Luar Bandar dan Pilehan Raya Kerajaan Tempatan.

Perniagaan yang merbahaya dan pengachau2 orang ramai, perumahan dan mengadakan rumah2 untok kediaman dan Lembaga2 Kemajuan.

5. Perkhidmatan2 yang merupai khidmat tempatan saperti bomba, rumah2 tumpangan, tanah kubor, tempat bakar mayat, pasar2, pekan2 sari, rumah2 tahanan binatang, lembu masok kebun orang, lesen panggong wayang, wayang gelap, dan taman hiboran.

6. Kerjaraya dan Ayer termasok peri, jambatan, sa-lain dari senarai Persekutuan, peratoran tentang berat kereta2 boleh lalu, laju kereta2, ayer minum, bekalan ayer, terusan2, kawalan tanah yang mengambus sungai2, hak2 tebing2 sungai.

7. Hasil dan perbelanjaan Kerajaan Negeri termasok wang persaraan Kerabat2 Di-Raja dan wang persaraan negeri, perkhidmatan2 yang tertentu kapada negeri sahaja, meminjam wang dengan chagaran wang Kumpulan Negeri, pinjaman2 bagi kegunaan negeri, Hutang Kerajaan Negeri, bayaran2 yang termasok dalam Senarai Negeri.

8. Hari kelepasan negeri.

9. Menentukan kesalahan2 apa yang termasok dalam senarai negeri.

10. Penyiasatan bagi kegunaan negeri, termasok penyiasatan dan kutipan angka2 yang berkenaan dengan apa2 jua yang termasok dalam senarai negeri.

11. Sagu hati berkenaan dengan apa2 pun yang ada dalam senarai negeri.

Senarai Kuasa Bersama.

1. Kebajikan masharakat, perkhidmatan masharakat yang termasok kapada Senarai I dan II; keselamatan perempuan2, kanak2 dan orang2 muda.

2. Biasiswa.

3. Menjaga binatang2 liar, burong2 hutan, tempat peliharaan binatang2 liar.

4. Menternak binatang, mengelakkan orang menyakiti binatang, perkhidmatan haiwan, tempat2 tahanan binatang.

5. Mengator ranchangan bandar dan negeri.

6. Orang2 bangsat dan penjaja yang berjalan dari satu tempat ka-satu tempat.

7. Kesihatan orang ramai, kebersehan, mengelakkan penyakit.

8. Parit dan tali ayer.

9. Memulehkan sa-mula tanah2 lombong dan tanah2 runtoh.

Kuasakerja.

Kuasakerja (Executive) bagi negeri2 itu masing2 ada-lah terletak di-dalam tangan **Raja** atau **Gobnor** dengan nasihat dari Majlis Kerja Kerajaan (Executive Council) Majis Kerja Kerajaan ini sama-lah saperti Kabinet bagi negeri itu dengan mempunyai tanggong-jawab bersama dan Majlis ini bertanggong-jawab

kapada Dewan Undangan Negeri.

Pengurusi Majlis Kerja Kerajaan ini ia-lah Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi negeri yang tidak ada Raja. Kedudokan Menteri Besar atau Ketua Menteri itu dalam Majlis Kerja sama-lah saperti Perdana Menteri dengan Kabinet-nya.

Majlis Keraja itu menjalankan tugas-nya tidak-lah ada portfolio2 atau Jabatan2 Kerajaan yang di-pertanggong-jawabkan kapada tiap2 ahli-nya bagaimana ahli2 Kabinet Kerajaan Malaysia, tetapi semua kerja di-jalankan dengan kuasa Menteri Besar atau Ketua Menteri itu. Menteri Besar atau Ketua Menteri itu boleh-lah membahagikan tanggong-jawab-nya itu di-antara ahli2 Majlis Kerja-nya itu.

Chara ini-lah kebanyakan negeri sedang jalankan, ia-itu di-namakan Chara Berjawatankuasa (Committee System), ia-itu ahli2 itu di-lantek menjadi Pengurusi dan tiap2 Pengurusi itu di-serahkan tanggong-jawab di-atas beberapa Jabatan Kerajaan saperti tanah, tanaman, Kerjaraya, Majlis Tempatan, Ugama, Pelajaran dan lain2.

Jumlah ahli2 Majlis Kerja Kerajaan itu tidak-lah lebeh dari 8 orang dan tidak kurang dari 4 orang tidak termasok ahli2 kerana jawatan-nya (ex-officio members).

Kuasa Kerajaan Negeri.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, Kerajaan2 Negeri dalam Tanah Melayu bertanggong-jawab dan berkuasa dalam perkara2:—

1. Tanah dan Galian.
2. Tanam2an.
3. Kehutanan.
4. Binatang2 dan burong2 hutan.
5. Ugama dan Mahkamah Shara'iah.
6. Jabatan haiwan.

7. Jabatan Kerjaraya dan Tali Ayer.

8. Bandaran dan Majlis2 Tempatan.

9. Majlis Luar Bandar.

10. Lesen2 dan lain2.

Tiap2 satu Jabatan Kerajaan Negeri itu bertanggong-jawab menguruskan satu2 perkara dan sa-tengah2 Jabatan Kerajaan Negeri itu berkhidmat kapada kedua2 Kerajaan Negeri dan Pusat.

Semua Pejabat2 Kerajaan Negeri itu di-arahkan dan di-ketuai oleh Setia Usaha Kerajaan dan arahan itu sa-lain dari mengikut peratoran2 biasa, ada-lah pula datang dari Majlis Kerja Kerajaan. Jabatan Setia Usaha Kerajaan itu lazim-nya terbahagi kapada beberapa bahagian saperti:-

i. Bahagian menjaga pegawai2.

ii. Bahagian menjaga keewangan.

iii. Tanah dan galian.

iv. Hal Ehwal China.

v. Majlis Tempatan.

vi. Protocol dan lain2.

Tiap2 negeri itu di-bahagikan kapada beberapa buah jajahan yang di-ketuai oleh sa-oaang Pegawai Jajahan dan tiap2 jajahan itu pula di-bahagikan kapada beberapa buah daerah atau mukim yang di-ketuai oleh sa-orang Penghulu atau Penggawa.

Pegawai Tadbir.

Ada-pun pegawai2 tetap yang menjalankan pentadbiran negeri2 dalam Tanah Melayu ada dua jenis ia-itu Pegawai Tadbir Tanah Melayu (Malayan Civil Service atau rengkas-nya MCS) dan Pegawai Tadbir Negeri (State Civil Service). Negeri Kedah, Kelantan, Trengganu dan Johor ada mempunyai Pegawai Tadbir Negeri-nya sendiri;

tetap negeri2 lain semua-nya memakai Pegawai Tadbir Tanah Melayu atau MCS itu.

Pegawai2 Tadbir dalam negeri2 yang mengenai Pejabat Jajahan biasa-nya di-ketuai oleh sa-orang Pegawai Tadbir Negeri itu atau Pegawai Tadbir Tanah Melayu; tetapi bagi pejabat2 lain yang mengenai teknikal saperti Jabatan2 Tanaman2, Hutan, Tali Ayer, Kerja raya, Haiwan, Lombong, Kesihatan, Ukor, Immigreshen, Pendaftaran, Pos, Talikom, Kenderaan, Kastam dan lain2 biasa-nya tidak di-ketuai oleh Pegawai Tadbir Negeri, melainkan di-ketuai oleh pegawai khas yang di-datangkan dari Kerajaan Pusat.

Keewangan Negeri.

Ada-pun hasil atau pendapatan yang di-kutip oleh Kerajaan Negeri itu datang-nya dari: —

1. Hasil yang di-kutip dalam negeri saperi hasil tanah, chukai barang2 hutan, pengeluaran dalam negeri, (excise) lombong, bayaran stem, mahkamah2 shara' lesen2, nikah cherai, hasil Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan, ayer, (bagaimana dalam Senarai Negeri).

2. Pemberian dari Kerajaan Pusat (Grant to State) mengikut bilangan pendudok2, ia-itu:—

50,000 orang pertama di-kira $15.00 sa-orang.

200,000 orang lepas itu di-kira $10.00 sa-orang.

Lain dari itu di-kira $4.00 sa-orang.

3. Pemberian untok jalanraya negeri di-kira $4,500.00 sa-batu.

4. Pembahagian dari chukai petrol (minyak benzen).

5. Pinjaman dari Kerajaan Pusat.

SINGAPURA

Keadaan-nya.

Ada-pun Singapura itu ia-lah sa-buah pulau di-hujong Semenanjong Tanah Melayu dan tercherai dari tanah besar oleh Selat Teberau yang lebar-nya lebeh ¾ batu pada tempat yang sempit-nya, tetapi telah di-sambongkan oleh sa-buah tambak bernama Tambak Johor yang telah di-buka dalam tahun 1923. Melalui Tambak Johor ini-lah jalan keretapi, jalan raya dan paip ayer dari Johor ka-Singapura.

Pulau Singapura itu panjang-nya dari barat ka-timor 27 batu dan lebar-nya dari utara ka-selatan 14 batu dengan mempunyai keluasan 225 batu persegi. Sunggoh pun Singapura itu sa-buah pulau yang kechil, tetapi ada beberapa buah sungai yang mengalir di-pulau itu menuju ka-selatan dan ka-utara, ia-itu Sungai Singapura, Sungai Kalang, Sungai Rochor, Sungai Keranji dan Sungai Seletar. Sungai Singapura dan Sungai Kalang itu-lah yang termashhor di-sana, dan kedua2-nya mengalir di-tengah2 Bandaraya Singapura.

Di-keliling Pulau Singapura itu ada beberapa buah pulau milek Kerajaan Singapura, ia-itu Pulau Berani, tempat relau memasak bijeh timah, Pulau Belakang Mati, tempat kubu Tentera British, Pulau Bukum, tempat simpanan minyak petrol kepunyaan Shell, Pulau Sibarok, tempat simpanan minyak petrol kepunyaan Esso, Pulau2 Selatan, Pulau Tokong dan Pulau Ubin, kedua2 ini dudok-nya di-Selat Teberau.

Pulau Singapura ia-lah pengkalan Tentera Laut, Darat dan Udara British bagi Tenggara Asia dan Timor Jauh. Naval Base di-Selat Teberau ia-lah pengkalan Tentera Laut British dan di-sini ada Dockyard yang besar kepunyaan kapal Angkatan Laut Di-Raja British dan di-sana ada memakai lebeh 8,500 orang pekerja.

Pengkalan Kapal Terbang 'awan yang terbesar di-Tenggara Asia ia-lah Pengkalan Kapal Terbang Paya

Lebar yang telah di-buka oleh Setia Usaha Tanah Jajahan Tuan Allan Lennox-Boyd pada 20 hb. August, 1955. Padang Kapal Terbang ini telah di-bentok dan di-bina chukup bagaimana kehendak2 Pertubohan Kapal Terbang Antara Bangsa yang panjang-nya 8,000 kaki dan boleh di-panjangkan lagi hingga 10,000 kaki. Tempat pelanchar-nya hanya satu sahaja. Dalam tahun 1956 di-Padang Kapal Terbang ini 105,515 penumpang dan 1,274 ton barang2 yang di-turunkan.

Sejarah Singapura.

Dalam kurun Masehi I kapal2 orang India dan China sentiasa berulang alek di-antara dua buah negeri itu dengan melalui Selat Melaka dan kadang2 Selat Sunda. Kapal2 yang melalui Selat Melaka itu terpaksa singgah di-beberapa tempat di-Pantai Barat Tanah Melayu dan Singapura.

Pada kurun Masehi yang VII mengikut riwayat China, bahawa Kerajaan Seri Wijaya telah bangkit dan di-dalam zaman empayar-nya Singapura ada-lah ter-ta'alok di-bawah Kerajaan Seri Wijaya itu. Apabila jatoh Kerajaan Seri Wijaya dalam kurun Masehi XIV, Singapura telah terta'alok pula ka-bawah Kerajaan Hindu Majapahit di-Jawa, ia-itu pada tahun 1365.

Di-awal kurun Masehi XV, ia-itu tahun 1400 Masehi Singapura telah di-langgar dan di-binasakan oleh angkatan Laut Siam dan Raja-nya Parameswara telah melarikan diri-nya ka-Melaka dan membuka negeri itu. Dari semenjak itu hilang-lah riwayat Singapura sa-lama lebeh 170 tahun dan kemudian dari itu Singapura telah termasok menjadi sa-bahagian Negeri Johor.

Kedatangan Orang2 Inggeris.

Pada awal kurun Masehi XIX Negeri Johor, Singapura dan Riau pi-perentah oleh sa-orang raja yang bertakhta Kerajaan di-Riau. Pada masa itu Raja Johor dan Riau ia-lah Sultan Sulaiman Shah adinda kapada Tengku Hussin. Sultan Sulaiman Shah itu telah

di-lantek menjadi Raja Riau oleh orang2 Belanda. Dalam tahun 1819 Tuan Stampford Raffles telah datang ka-Singapura kerana hendak membuka pusat perniagaan di-selatan Selat Melaka dan Tuan Raffles menjemput Tengku Hussin itu datang ka-Singapura kerana Tengku Hussin abang kapada Sultan Sulaiman Shah yang patut menjadi Raja. Tuan Raffles telah membuat upachara menabalkan Tengku Hussin menjadi Sultan Johor dan Singpura dengan bergelar Sultan Hussin Shah.

Kemudian Tuan Raffles memajak Pulau Singapura daripada Sultan Hussin Shah. Dari semenjak itu Bendera Inggeris telah berkebar di-Singapura dan tidak berapa tahun kemudian Singapura telah terserah langsong kapada Inggeris.

Dalan tahun 1867 negeri2 Singapura, Pulau Pinang dan Melaka telah di-serahkan oleh Kerajaan Inggeris di-India kapada Pejabat Setia Usaha Tanah Jajahan British di-London. Sa-belum dari itu pegawai2 British dan sa-orang Gobnor telah di-letakkan di-Singapura bagi mentadbirkan negeri2 Selat itu dan dalam tiap2 negeri Selat itu ada sa-orang pegawai British yang bergelar British Resident memerentah tiap2 negeri itu.

Apakala semua negeri2 di-Tanah Melayu ini bernaung di-bawah Kerajaan British, Singapura-lah telah menjadi pusat tumpuan pendudok2 negeri2 dari seluroh Tanah Melayu, dan Gobnor Negeri2 Selat yang di-Singapura itu-lah menjadi Pesurohjaya Tinggi bagi negeri2 Melayu.

Dalam bulan February 1942 Singapura telah di-langgar oleh Tentera Jepun dan British telah menyerahkan negeri itu kapada Jepun hingga bulan September, 1945, manakala British balek sa-mula ka-Singapura.

Pada 27 hb. March, 1946, negeri2 di-Tanah Melayu telah di-satukan ka-dalam Malayan Union termasok Pulau Pinang dan Melaka, tetapi Singapura terasing dari Malayan Union itu.

Pada 22 hb. September, 1951 Gobnor Sir Franklin Gimson bagi pehak Kerajaan British telah mengurniakan Royal Charter akan taraf Bandaraya bagi Bandar Singapura. Bandaraya Singapura telah di-perentahkan oleh sa-orang President dengan 27 orang ahli meshuarat termasok 18 orang yang di-pileh.

Mengikut Penyata Surohanjaya Perlembagaan Rendal yang di-mashhorkan pada 22 hb. February, 1954, Singapura telah di-beri taraf pemerentahan sendiri sa-bagai permulaan. Mengikut susunan perlembagaan itu Dewan Undangan Singapura mengandongi 25 orang ahli, ia-itu:-

9 orang pegawai.

9 orang ahli yang di-pileh.

4 orang bukan pegawai yang di-lantek.

3 orang wakil Dewan2 Perniagaan di-Singapura.

Sa-buah Kabinet yang mengandongi 9 orang telah di-adakan, ia-itu 6 orang terdiri dari ahli2 yang di-pileh termasok sa-orang bukan pegawai yang di-lantek, dan 3 orang pegawai kerana jawatan-nya, ia-itu Setia Usaha Agong Kerajaan, Peguam Agong dan Pegawai Keewangan Singapura. Portfolio2 telah di-adakan untok 6 orang Menteri dari ahli yang di-pileh itu, ia-itu:-

1. Kementerian Perniagaan dan Perusahaan.
2. Kementerian Kesihatan.
3. Kementerian Pelajaran.
4. Kementerian Boroh dan Kebajikan Masharakat.
5. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
6. Kementerian Perhubongan dan Kerjaraya.

Dan 3 kementerian lagi di-pegang oleh Pegawai2 kerana jawatan. Tuan C. C. Tan telah di-lantek menjadi Ketua Menteri dan Tuan Gobnor tetap menjadi Pengurusi Kabinet ini. Tiap2 satu kementerian itu

ada sa-orang Setia Usaha Tetap-nya dan pegawai2 lain yang menolong kerja Menteri2 itu.

Perkara Luar Negeri, Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri Singapura terserah dalam tangan Gobnor.

Kemudian perubahan yang lebeh maju lagi sa-tapak telah di-adakan, ia-itu bila Dewan Undangan negeri Singapura telah di-pinda lagi dari 25 orang menjadi 32 orang dan dari 9 ahli yang di-pileh menjadi 25, ia-itu:-

25 ahli di-pileh.

4 ahli di-lantek

3 ahli kerana jawatan-nya.

Dewan Undangan ini di-Pengurusikan oleh sa-orang Speaker yang di-lantek dan Kabinet-nya mengandongi 9 orang yang di-ketuai oleh sa-orang Ketua Menteri yang di-pileh.

Pada 28 hb. February, 1955, ia-lah sa-bagai hari penamaan chalun bagi pilehanraya dan 79 orang telah mendaftarkan nama mereka menjadi chalun2 itu yang terdiri dari 6 buah party dan 11 orang chalun bebas. Pada 2 hb. April, 1955, ia-lah hari membuang undi. Pengundi2 dalam pilehanraya itu ia-lah orang2 yang ber'umor 21 tahun dan ra'ayat Singapura atau ra'ayat British yang tinggal di-Singapura sa-lama 6 bulan.

Keputusan dalam pilehanraya itu Party Labour Front telah mendapat 10 orang, ia-itu party yang banyak sa-kali bilangan kerusi-nya yang di-dapati dan 2 orang dari Party Perikatan **UMNO-MCA** dan 1 orang dari Kesatuan Melayu Singapura. Kemudian dengan di-tambah 3 orang ahli kerana jawatan dan 2 orang ahli yang di-lantek yang menyokong Labour Front, maka genap-lah bilangan Labour Front membuat Kerajaan Champoran dengan Perikatan UMNO-MCA-KMS dan Tuan David Marshal telah di-pileh menjadi Ketua Menteri.

Pada 7 hb. April 1955 Kabinet Tuan David Marshal telah bersumpah di-depan Gobnor Sir John

Nicol dan Dewan Undangan Singapura telah di-buka pada 25 hb. April, 1955.

Dengan persetujuan Setia Usaha Tanah Jajahan British di-London, Tuan Allan Lennox-Boyd, satu rombongan Surohanjaya Singapura yang di-ketuai oleh Tuan David Marshal telah pergi ka-London dalam bulan April, 1956, dan perudingan2 telah di-adakan dengan wakil2 Kerajaan British yang di-ketuai oleh Tuan Allan Lennox-Boyd kerana menuntut taraf pemerentahan sendiri yang lebeh luas lagi. Sa-telah 24 hari persidangan itu di-adakan, kesudahan-nya persetujuan telah tidak di-dapati dan Surohanjaya Singapura telah kembali dengan tangan kosong.

Kemudian Tuan David Marshal telah meletakkan jawatan-nya dan di-gantikan oleh Tuan Lim Yew Hock sa-bagai Ketua Menteri. Dalam tahun 1957 sa-kali lagi wakil2 Kerajaan Singapura pergi ka-London di-ketuai oleh Tuan Lim Yew Hock dan perundingan telah di-adakan dengan wakil2 Kerajaan British. Akhir-nya persetujuan telah di-chapai, ia-itu satu perlembagaan baharu yang memberi kuasa penoh dalam negeri termasok perniagaan dan kebudayaan Singapura berkuasa berhubong dengan lain2 Kerajaan Luar. Perkara Luar, Pertahanan tetap dalam tangan British.

Perkara keselamatan dalam negeri terletak dalam tangan sa-buah Badan yang mengandongi 3 wakil Kerajaan British, 3 wakil Kerajaan Singapura dan 1 wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai suara pemutus. Yang Berhormat Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman Menteri Keselamatan Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu telah di-wakili dalam Badan itu.

Mengikut persetujuan di-London itu, Perlembagaan Singapura ini mengandongi sa-buah Dewan Perhimpunan Undangan yang mengandongi 51 orang ahli2 yang di-pileh dari 51 buah kawasan pilehanraya dan sa-buah Kabinet yang mengandongi 9 orang dengan di-pengurusikan oleh sa-orang Perdana Menteri

dan sa-orang Ketua Negara bergelar Paduka Yang Mulia Yang Di-Pertuan Negara.

Kemudian dari itu sa-buah Rang Undang2 menjadikan tiap2 orang yang lahir di-Singapura dengan sendiri-nya menjadi warganegara Singapura dan tiap2 ra'ayat Commonwealth yang tinggal dua tahun di-Singapura dan orang2 asing yang tinggal 8 tahun dengan permintaan boleh-lah menjadi warganegara dan Rang Undang2 itu telah di-luluskan tidak lama kemudian.

Dalam bulan September, 1958, pilehanraya 'umum telah di-adakan mengikut Perlembagaan baharu itu dan dalam pilehanraya itu Party Tindakan Ra'ayat atau PAP telah mendapat kemenangan yang gilang gemilang. Kerajaan PAP telah di-tubohkan dengan Tuan Lee Kuan Yew sa-orang Lawyer yang terkemuka di-pileh menjadi Perdana Menteri.

Kerajaan Singapura telah memileh Yang Mulia Inche Yusoff bin Ishak bekas Pengurus Utusan Melayu menjadi Yang Di-Pertuan Negara Singapura yang pertama.

Wakil Kerajaan British di-Tenggara Asia atau Commissioner General ia-lah menjadi wakil Perdana Menteri British dan Pesurohjaya British bagi Singapura dan ia mempunyai pangkat tuboh-nya sa-bagai Duta Besar. Lain2 kewajipan-nya ia-lah memaju dan menyamakan dasar2 kerjasama antara negeri2 jajahan ta'alok British di-Tenggara Asia dan tindakan-nya dalam hal ehwal luar negeri dengan Duta2 British di-Tenggara Asia dan menasihatkan Kerajaan British dalam perkara politik, pertahanan dan so'al2 ekonomi yang mengenai negeri2 di-Tenggara Asia.

Mengikut Undang2 Kerajaan Tempatan 1957, Kerajaan Tempatan Singapura di-jalankan oleh Majlis Bandaraya Singapura yang mengandongi 32 orang ahli yang di-pileh dan ada 3 buah Majlis Luar Bandar yang mengandongi 12 orang ahli yang di-pileh dan 3 orang ahli yang di-lantek dengan sa-orang

Pegawai Kerajaan menjadi pengurusi-nya tiap2 satu Majlis Luar Bandar itu.

Pilehanraya yang pertama Majlis Bandaraya ini telah di-jalankan dalam bulan December, 1957, dan pilehanraya Majlis2 Luar Bandar telah di-adakan dalam bulan April, 1958. Sekarang Majlis Bandaraya itu telah di-mansokhkan oleh Kerajaan Petir Singapura.

Apabila Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Petra Al-Haj Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan chadangan Gagasan Malaysia, Perdana Menteri dan Kerajaan Singapura telah menyambut-nya dengan sokongan yang bersunggoh2 kerana dasar Kerajaan Petir Singapura dalam perjuangan-nya ia-lah untok menchapai kemerdekaan Singapura menerusi perchantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-telah beberapa kali perbinchangan di-adakan antara Perdana Menteri Singapura dengan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan di-antara wakil kedua2 Kerajaan itu, akhir-nya perkara perchantuman itu telah di-bahathkan dalam Dewan Undangan Singapura. Sa-telah berbahath sa-lama 13 hari penoh, maka pada 5 hb. December, 1961, persetujuan telah di-chapai dan di-luluskan Singapura berchantum dengan Persekutuan Tanah Melayu mewujudkan Malaysia.

Pada 31 hb. August, 1963, Singapura telah memashhorkan kemerdekaan-nya daripada penjajah British dan pada 16 hb. September, 1963, Singapura dengan resmi-nya telah di-masokkan menjadi sa-buah negara bahagian Malaysia dengan mempunyai hak dan kuasa memerentah sendiri dalam negeri.

Mengikut Perlembagaan Singapura (dalam Malaysia) bahawa Singapura di-perentahkan oleh Ketua Negara yang bergelar Yang Di-Pertuan Negara Singapura dengan di-bantu oleh sa-buah Kabinet yang di-pimpin oleh Perdana Menteri. Dewan Undangan-nya mengandongi 51 ahli yang di-pileh semua-nya dan di-pengurusikan oleh sa-orang Speaker yang di-lantek.

Daripada ahli Dewan itu di-pileh pula 15 orang untok menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau Parliman Malaysia.

Singapura mempunyai warganegara-nya sendiri yang bernama warganegara Singapura. Warganegara Singapura ini mengandongi:-

a. Warganegara dengan jalan lahir di-Singapura.

b. Warganegara dengan jalan keturunan saperti anak sa-orang warganegara yang lahir di-luar negeri.

c. Warganegara dengan jalan pendaftaran.

d. Warganegara dengan jalan mengubah rupa bangsa.

Sa-buah badan yang bernama **Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam** telah di-adakan dan badan ini bebas dari mana2 pehak bagaimana Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam di-Tanah Melayu.

Hak2 Singapura Mengikut Perlembagaan.

1. Pelajaran.

2. Perborohan dan Kebajikan Masharakat.

3. Perubatan dan Kesihatan.

4. Penchen2, elaun2 dan sagu2 hati.

5. Faktori2, boiler2, machenary2, perusahaan berbahaya, benda2 berbahaya.

6. Letrik, gas dan kerja2 gas.

7. Perkahwinan dan percheraian, penjaga kanak2, bantuan2, anak2 angkat, undang2 keluarga, derma, sedekah dan lain2.

8. Pengeluar dan pembahagi barang2, menetapkan harga, impot, ekspot, insuran2, lelong, bank2.

9. Meminjam dan di-beri pinjam.

10. Perkapalan dan yang berhubong dengan kapal.

11. Pekerjaan pakar, yang lain dari senarai Persekutuan.

12. Persekutuan2 dan kesatuan2.

13. Wakaf dan harta2 wakaf, dan yang berhubong dengan wakaf.

14. Surat2 khabar, tempat2 chap, pengeluar2 dan penerbit2.

15. Banchi2.

16. Panggong2 wayang, film2, tempat2 hiburan.

17. Pilehanraya Dewan Perhimpunan Undangan Negeri sa-belum akhir tahun 1968.

Pendudok2.

Singapura ia-lah negeri yang paling padat sa-kali pendudok2-nya dalam Semenanjong ini. Mengikut banchi tahun 1957 pendudok2 semua berjumlah 1,700,000 orang di-antara-nya kira2 satu juta orang China, 238,000 Melayu dari semua keturunan, dan lebeh 142,000 orang Indian, dan 41,000 lain2 bangsa.

Dalam Singapura kanak2 di-lahirkan sa-orang pada tiap2 9 minit. Dalam tahun 1939 kanak2 di-Singapura 21 orang mati dalam tiap2 1,000, manakala dalam tahun 1956 hanya 8.1 orang.

Dasar Pelajaran.

Dasar Pelajaran di-Singapura ia-lah tiap2 kaum mendapat sama hak dan peluang. Tiap2 bahasa mendapat tempat di-masing2 sekolah, manakala bahasa Melayu di-jadikan bahasa Kebangsaan dan tiap2 kanak2 berhak mendapat pelajaran perchuma kapada siapa yang suka tanpa paksaan. Sekolah2 China dan Tamil mendapat bantuan Kerajaan sama dengan bantuan ka-Sekolah2 Inggeris, manakala Sekolah2 Melayu mendapat bantuan penoh saperti di-Tanah Melayu.

Dalam Dewan Perhimpunan Singapura semua bahasa Inggeris, Melayu, China dan Tamil boleh di-gunakan.

Pelabohan Singapura.

Singapura ia-lah sa-buah bandar pelabohan yang terbesar sa-kali di-Tenggara Asia dan yang kedua dalam British Commonwealth. Laut di-keliling Singapura ayer-nya dalam dan tenang di-sebabkan ia hampir di-kelilingi oleh pulau2 tidak terdedah kapada angin dari mana pehak yang menyebabkan laut-nya sentiasa tenang. Segala kapal2 yang besar2 hingga 52,000 ton boleh berlaboh rapat ka-tambatan kapal di-Kepple Harbour. Segala kapal2 yang berulang alek antara Eropah dengan Timor Jauh ada-lah melalui dan singgah di-Singapura.

"Pelabohan Singapura ia-lah sa-buah bandar pelabohan bebas dan terbuka kapada semua kapal2 besar dan kechil dari tiap2 bangsa di-dalam dunia bebas dari chukai, sama dan tidak berbeza bagi semua".

Sir Stamford Raffles.

Pelabohan Singapura ada dua, Kepple Harbour di-Tanjong Pagar dan Johnson Pier. Pelabohan Kepple Harbour ini luas-nya 917 ekar dengan 2½ batu panjang-nya dan 40 ekar luas medan stor (godowns) dengan mempunyai lebeh 10,000 pekerja. Tambatan kapal Kepple Harbour ini boleh di-rapat oleh kapal2 yang sa-dalam 31 kaki 6 inchi yang berat-nya 52,500 gross ton.

Dalam tahun 1956 jumlah kapal2 yang berlaboh di-pelabohan Singapura berjumlah 39,029 buah yang berat-nya 59,901,786 ton dan kapal2 yang di-lesen dan di-rejistarkan di-Singapura berjumlah 3,115 buah termasok yang besar-nya 10,422 gross ton.

Tambatan kapal di-Kepple Harbour ini dalam tahun 1956 ada sa-banyak 4,006 buah kapal yang bertambah dan berat-nya 11,541,944 ton. Kapal2

yang berlaboh jauh ka-tengah laut pula bayaran pelabohan-nya yang di-kenakan-nya lebeh murah dan kapal2 ini mengangkat naik dan turun barang ia-lah dengan menggunakan sampan2 bermotor dan tongkang2 yang beribu2 buah banyak-nya di-sana. Barang2 yang di-naik turunkan di-pelabohan Singapura ia-lah 5,661,904 ton dalam tahun 1956.

Di-sapanjang tambatan kapal di-Kepple Harbour itu ada beberapa buah dockyards yang besar2 tempat membaiki kapal2 saperti Empire Dock dan King Dock. Dock2 ini bila kapal masok, lalu di-keringkan ayer-nya dan kapal itu terletak di-atas darat dan senang di-baiki di-bahagian bawah kapal itu.

Pelabohan Johnson Pier itu dudok-nya dekat kuala Sungai Singapura. Jauh ka-tengah dari tepi daratan di-buat sa-buah tambak yang melindongkan ombak dari sampai ka-tepi dan bila kapal2 berlaboh di-sabelah dalam tambak itu (Mole) tidak-lah kapal2 itu kena gelombang.

Singapura Harbour Board.

Kawasan pelabohan Kepple Harbour itu segala pekerjaan-nya di-uruskan oleh sa-buah badan bernama Singapura Harbour Board yang telah di-tubohkan dalam tahun 1923 yang lalu dan semua ahli2-nya di-lantek oleh Kerajaan yang di-pengurusikan oleh sa-orang pegawai yang juga menjadi General Manager-nya. Singapura Harbour Board (SHB) ini ada mempunyai polis sendiri yang bilangan-nya lebeh 330 orang yang bertanggong-jawab atas keselamatan dalam kawasan-nya itu, dan ia dapat bekerjasama dengan Polis Singapura. Ia mempunyai Pasokan Pemadam api (Fire Brigade) sendiri. Perbelanjaan menjalankan tanggong-jawab SHB itu dalam tahun 1956 berjumlah $161 juta.

Master Attendent.

Berkenaan pelabohan di-perayeran Singapura di-kelolakan oleh Master Attendent bagi pehak Kerajaan Singapura dan ia-lah Ketua Jabatan Marine Singapura.

Ia bertanggong-jawab berkenaan pertolongan pelayaran dalam pelabohan Singapura dan merapati kapal2 dan mengawal steshen2 signal, mendaftarkan kapal2, mengambil dan memberhentikan pekerja2 laut, memereksa pegawai2 perkapalan (Kaptain) dan pegawai2 bawah yang lain.

Perusahaan Di-Singapura.

Bandaraya Singapura bukan-lah hanya termashhor menjadi Bandar Pelabohan sahaja, tetapi Singapura ia-lah sa-buah Bandar Perusahaan. Pendudok2-nya hidup dengan perusahaan dan perniagaan dan boleh di-katakan tidak ada berchochok tanam di-sana kerana bumi-nya amat kechil berbanding dengan keramaian pendudok2-nya.

Singapura ia-lah tempat yang baik untok mendirikan dan membesarkan perusahaan sebab jalan2 raya, api letrik, aver mudah dan chukup untok kegunaan perusahaan dan Singapura-lah tempat tumpuan datang barang2 mentah dari Persekutuan dan dari negeri di-sakeliling Tenggara Asia. Jalan2 raya yang berselirat di-seluroh Singapura amat menyenangkan segala perusahaan menjalankan kerja-nya, dan mudah pula hendak di-hantar keluar negeri dengan keretapi, dengan kapal2 laut dan dengan kapal terbang.

Pelabohan Singapura ia-lah menjadi pelabohan enterport, ia-itu pelabohan yang memasokkan barang2 dari lain negeri dan kemudian di-hantar balek keluar negeri2 lain saperti getah dan timah dari Indonesia. Pendudok2-nya yang muda rajin serta ramai dan bertambah biak dengan chepat itu bukan sahaja akan menjadi pasar yang baik bagi barang Singapura, tetapi menyenangkan mendapat boroh2 untok segala perusahaan yang sedang bertambah2 itu.

Kerajaan Singapura dalam tahun 1956 telah menjalankan kempen "Beli-lah Barang2 Singapura" oleh Kementerian Perniagaan dan Perusahaan dengan kerjasama pengeluar barang2 itu untok melahirkan perasaan orang ramai di-sini supaya membeli barang2

buatan sendiri. Dengan tertuboh-nya Singapura Polytechnic itu akan memberi jaminan kapada pengeluaran barang2 dari pakar2 teknik.

Perusahaan sederhana sedang bertambah2 mustahak dalam jiwa perekonomian di-Singapura dan banyak yang telah di-dirikan semenjak tahun 1945 sa-lepas tammat perang Jepun. Di-sana terdiri dari perusahaan engineering yang besar2, membuat kapal2 dan membaiki kapal2, kilang2 getah, kilang2 memintal benang hingga kapada perusahaan tangan yang indah2 dan seni2 perbuatan-nya.

Kilang2 baharu saperti kilang biskut, kilang membuat gelas dan botol, beteri kering, membuat tin2 bekas barang2 dan lain2 bertumboh dengan maju-nya. Kilang membuat kertas ia-lah suatu perusahaan yang besar di-Tanggara Asia untok mengeluarkan chara teknik baharu, saperti kertas kegunaan jamban, sapu tangan, dan banyak dari kertas2 ini di-hantar ka-Indonesia, Burma, Sarawak dan Hong Kong.

Pengeluaran kasut getah lebeh kurang 4,024.000 pasang dalam tahun 1956, dan juga pengeluaran beer tempatan sedang bertambah2. Dua buah kilang minuman beer dapat mengeluarkan hampir 10 juta gallon sa-tahun. Berjuta tin polish kasut di-keluarkan di-Singapura untok kegunaan dalam dan luar negeri. Kilang membuat pencil, chat2, ayer wangi, bedak2 dan rokok2 buatan tempatan banyak di-keluarkan bagi kegunaan dalam negeri.

Pejabat sementara bagi Singapura Industrial Promotion Board telah di-tubohkan oleh Kerajaan Singapura untok menawarkan bantuan wang dan lain2 pertolongan bagi mendirikan perusahaan baharu dan memajukan yang sedia ada dan pejabat ini di-bawah Kementerian Perniagaan dan Perusahaan.



Paduka Yang Mulia Yang Di-Pertuan Negara Singapura Enche Yusuf bin Ishak

Tuan Yang Terutama Gobnor Pulau Pinang Raja Tun Uda Al-Haj bin Raja Muhammad

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak bin Hussin

Tuan Yang Terutama Gobnor Sarawak Datu Abang Haji Openg bin Abang Sapiee

Tuan Yang Terutama Gobnor Melaka Tun Haji Abdul Malek bin Yusuf

NEGERI SARAWAK

Keadaan Negeri.

Negeri Sarawak itu dudok-nya di-utara Pulau Kalimantan, membujor dari timor laut ka-barat daya yang panjang-nya 500 batu dan lebar-nya 150 batu dan luas-nya 48,250 batu persegi, ia-itu kechil sadikit dari Tanah Melayu.

Di-sabelah timor dan selatan negeri itu bersampadan dengan Kalimantan Indonesia dan utara-nya bersempadan dengan Sabah dan Brunei, manakala di-barat-nya bersempadan dengan Laut China Selatan.

Keadaan tanah pantai negeri Sarawak itu berpasir puteh dan makin ka-darat tanah-nya hutan berpaya2. Lepas kawasan tanah paya itu, tanah-nya beransor tinggi dan berbukit2 rendah yang di-tumbohi oleh hutan yang berpokok tinggi2 dan kawasan demikianlah yang menjadi kawasan tanaman dalam negeri itu.

Makin ka-darat lagi tanah-nya hampir semua-nya bergunong2 dan tidak ada di-diami oleh manusia, manakala di-barat daya negeri itu, ia-itu dalam Bahagian I tanah-nya bergunong2 dan gunong2 itu rapat hingga ka-pantai laut.

Tanah Tinggi dalam Sarawak itu terletak di-hulu Sungai Terusan dan Sungai Baram yang tinggi-nya 3,000 kaki, manakala kemunchak-nya tinggi 5,000 kaki.

Gunong yang paling tinggi dalam Sarawak itu ia-lah Gunong Murud yang tinggi-nya 8,000 kaki. Dalam negeri itu ada dua kawasan daratan tinggi, ia-itu Daratan Linau-Balui dan Usun Apau dalam Bahagian III dan IV. Gunong2 yang tinggi-nya lebeh 5,000 kaki ia-lah Gunong Mulu, Gunong Kalukang dan Gunong Batu Lawi dalam Bahagian IV dan V Gunong Penrissan, Gunong Pueh, Gunong Matang dan Gunong Santubong dalam Bahagian I.

Negeri Sarawak itu penoh dengan Sungai2 yang berselirat yang besar2 dan panjang saperti urat darah kapada negeri itu. Semua sungai2 itu terbit dari gunong2 di-timor negeri itu kemudian mengalir hala ka-barat masok ka-Laut China. Dalam aliran sungai itu terutama dalam Musim Tengkujoh. ia banyak membawa pasir dan lumpor dari gunong2 di-timor negeri itu dan menjadikan tanah delta atau tanah tiga segi di-kuala2-nya. Tanah2 delta ini juga penoh dengan hutan paya yang besar2.

Makin ka-barat sungai2 ini aliran-nya makin perlahan2 bila tiba di-tanah2 rendah, dan apakala tiba hampir dengan kuala-nya sungai2 ini tidak-lah deras lagi harus-nya dan di-kawasan ini sentiasa menerima ayer pasang surut yang besar dan menyebabkan ayer masin masok ka-sungai2 dan di-sini banyak-lah tumboh hutan pokok2 nipah.

Dalam bulan October hingga bulan January, sungai2 dalam Sarawak itu selalu bah, yang mana lumpor2 dan pasir di-hanyutkan ka-hilir.

Oleh sebab tanah rendah dan hujan lebat dalam Sarawak itu, yang mana ada tempat2 hujan-nya lebeh 158 inchi, maka hutan rimba-nya sangat subor dan tebal.

Sungai2 yang besar-nya ia-lah Sungai Rejang boleh di-mudeki oleh kapal kechil hingga ka-kapit sa-jauh 120 batu dari kuala.

Kapal2 penyusor pula boleh mudek hingga ka-Bandar Sibu ibu bahagian III.

Sungai yang kedua besar-nya ia-lah Sungai Baram dalam Bahagian IV. Lain2 sungai yang besar2 ia-lah Sungai Sarawak, Sungai Sadong, Sungai Lupar, Sungai Kemena, Sungai Limbang, Sungai Seribas, Sungai Tibas dan Sungai Terusan.

Sungai dalam Sarawak itu boleh di-mudeki oleh kapal2 kechil jauh ka-hulu, bila tidak dapat lagi

di-mudeki oleh kapal2 kechil itu, boleh di-mudeki lagi dengan perahu2 bermotor sangkut dan bergalah hingga sampai ka-tempat tidak boleh lagi di-mudeki.

Oleh sebab sungai2 itu menjadi jalan perhubongan yang utama dalam Sarawak, maka hampir semua kampong2 dan pekan2 dalam negeri itu terletak di-tepi2 sungai. Rumah2 panjang orang Dayak itu biasa-nya mengadap ka-sungai2 itu-lah.

Tanah negeri Sarawak ini rendah dan berpaya2 dan kurang pula subor-nya. Dengan sebab itu hanya 2,669 batu persegi sahaja tanah negeri itu yang di-gunakan sa-penoh-nya untok berchuchok tanam dan 8,724 batu persegi yang sedang di-buka untok berchuchok tanam, manakala 36,827 batu persegi masch di-penohi oleh hutan rimba.

Pentadbiran.

Negeri Sarawak itu pemerentahan-nya di-bahagikan kapada 5 kawasan pentadbiran atau **Bahagian** dan dalam bahasa Inggeris-nya di-sebut **Division**. Bahagian itu sama-lah saperti negeri dalam Tanah Melayu.

Bahagian Pertama pusat pentadbiran-nya di-Kuching.

Bahagian Kedua pusat pentadbiran-nya di-Simanggang.

Bahagian Ketiga pusat pentadbiran-nya di-Sibu.

Bahagian Keempat pusat pentadbiran-nya di-Miri.

Bahagian Kelima pusat pentadbiran-nya di-Limbang.

Tiap2 Bahagian itu di-perentahkan oleh sa-orang pegawai bergelar Resident, dan tiap2 Bahagian itu di-pechah2kan pula kapada beberapa jajahan yang di-ketuai oleh sa-orang Pegawai Jajahan, manakala tiap2 jajahan itu pula di-pechahkan kapada beberapa

jajahan kechil (sub-district) yang di-ketuai oleh sa-orang pegawai anak negeri yang bergelar Sarawak Administrative Officer. Jumlah jajahan dalam kelima2 Bahagian itu ia-lah 24 buah.

Bandar Kuching ia-lah ibu-negeri Sarawak dan ia juga sa-buah bandar pelabohan. Dudok-nya bandar Kuching itu di-tepi Sungai Sarawak di-Bahagian Pertama. Kapal2 penyusor yang berulang alek antara Singapura dengan Sarawak boleh masok berlaboh ka-Bandar Kuching itu walau pun ia jauh dari kuala-nya.

Dari Singapura boleh belayar dengan kapal api ka-Kuching yang jauh-nya 450 batu. Dalam Sarawak, Bahagian pertama ini-lah kawasan yang maju sa-kali dan ramai pendudok2-nya. Dari Bandar Kuching ada satu jalan raya yang panjang sa-kali dalam Sawarak menuju ka-Simanggang yang menjadi pusat pentadbiran Bahagian Kedua.

Sibu ia-lah ibu Bahagian Ketiga, dudok-nya di-tepi Sungai Rejang dan jauh-nya dari Kuching mengikut kapal api ia-lah 140 batu. Sibu ini-lah bandar yang kedua besar-nya dalam Sarawak.

Miri ia-lah pusat pentadbiran Bahagian Keempat, dudok-nya dekat pantai dan tidak berapa jauh dari sempadan negeri Brunei. Jauh perjalanan kapal dari Kuching ka-Miri ini ia-lah 290 batu. Dari Miri ini ada satu jalan raya yang menyambong Miri dengan Bandar Brunei. Miri ia-lah bandar lombong minyak bagi negeri Sarawak dan di-sini ada satu kilang penapis minyak. Kilang ini menapis minyak dari Miri dan dan Kuala Belait, Brunei.

Hasil Mahsul.

Ekonomi negeri Sarawak ada-lah bergantong kapada tanaman2, hutan dan perikanan walau pun ia ada mempunyai kekayaan galian minyak dan boksait. Getah, lada hitam dan sago ada-lah hasil yang utama sa-kali di-ekspot dari negeri itu, manakala kayu dan getah jelutong menjadi hasil hutan yang banyak

di-ekspot. Dalam tahun 1961 minyak petrol dan minyak kotor ia-lah hasil yang paling banyak sa-kali dari lain2 hasil ekspot negeri itu. Di-bawah ini di-nyatakan bagaimana jumlah tiap2 jenis hasil ekspot-nya:

Minyak petrol	$114,675,431.00
Minyak kotor	$107,180,879.00
Getah	$83,256,933.00
Kayu2an	$41,579,302.00
Lada hitam	$28,645 535.00
Boksait	$5,545,854 00
Sago	$3,298,398 00
Jelutong	$1,750,866.00

Negeri Sarawak sekarang maseh penoh dengan hutan rimba yang tebal, dan jika hutan rimba ini di-buka dan di-tanam dengan getah dan lain2 tanaman, tentu-lah Sarawak akan menjadi sa-buah negeri yang kaya di-suatu masa nanti sa-bagaimana Tanah Melayu juga. Dengan sebab itu perusahaan menanam getah sedang di-galakkan oleh Kerajaan Sarawak kapada anak negeri supaya membanyakkan tanaman getah dalam negeri itu.

Dalam tahun 1961 Perbadanan Keewangan Kemajuan Sarawak telah memberi pinjaman sa-banyak $55,608.00 kapada penanam2 getah. Dengan jalan ini di-harap pada satu masa kelak Sarawak akan menjadi salah sa-buah negeri yang banyak mengekspot getah itu dalam Malaysia.

Pada masa ini Sarawak mempunyai 300,000 ekar kebun getah dan dari jumlah itu 80% ada-lah terdiri dari pokok2 getah yang telah tua dan tidak banyak mengeluarkan susu lagi. Di-Sarawak chuma ada 5 buah kebun getah besar yang berjumlah lebeh 1,000 ekar tiap2 sa-buah dan jumlah semua-nya 7,053 ekar.

Undang2 Ranchangan Menanam Getah telah di-adakan dalam tahun 1956 untok menggalakkan menanam getah baharu dan menanam sa-mula kebun2 getah yang telah tua saperti mana di-Tanah Melayu.

Dalam tahun 1961 Badan Pentadbiran Menanam Getah telah meluluskan sa-banyak 79,736 ekar bagi di-tanam getah baharu dan tanam sa-mula yang di-beri bantuan chara subsidy yang berjumlah $234,755.00 dan $108,079.00 berikut.

Sa-lain dari menerima bantuan wang dan baja, peladang2 getah menerima 17,650 gallon rachun lalang.

Padi: Beras ia-lah makanan yang utama bagi pendudok2 negeri Sarawak, dengan sebab itu padi dan beras haram di-keluarkan dari negeri itu. Dalam tahun 1961 Sarawak menghasilkan beras sa-banyak 57,199 ton yang di-dapati dari 90,945 ekar tanah padi sawah dan 170,972 ekar padi bukit (huma). Sarawak terpaksa mengimpot beras sa-banyak 59,293 ton dalam tahun 1961.

Lada Hitam: Lada hitam ia-lah hasil tanaman yang kedua besar-nya dalam Sarawak. Hasil lada hitam ini sedang bertambah dalam tahum 1961 dari tahun2 lalu di-sebabkan penanaman tahun 1958 dan awal tahun 1959. Harga lada hitam itu ia-lah $105.00 dan lada putch (lada hitam muda) $144.00 sa-pikul. Jumlah pengeluaran lada hitam Sarawak dalam tahun 1960 ia-lah 10,950 ton, manakala pengeluaran dunia sa-banyak 80,150 ton.

Sago: Sago di-dapati dari batang pohon sago yang daun-nya boleh di-buat atap yang terbaik. Kawasan yang banyak ladang sago dan perusahaan membuat sago itu ia-lah dalam Division II dan III. Dalam kedua2 Division ini ada 150,000 ekar ladang sago itu. Dalam tahun 1961 Sarawak telah meng-ekspot sago sa-banyak 24,409 ton yang berharga $3,298,398.00.

Kelapa: Jumlah kebun kelapa dalam Sarawak ia-lah di-anggarkan 50,000 ekar dan 34,500 ekar dari kebun kelapa itu di-dapati dalam Division Pertama. Kebun kelapa dalam Sarawak ia-lah terdiri dari kebun2 kechil dan tidak pula teratur. Ranchangan menanam kelapa sa-banyak 20,000 ekar telah pun di-jalankan

mengikut ranchangan 5 tahun yang di-mulakan dari tahun 1959 hingga 1963 yang lalu.

Galian.

Galian yang di-dapati dalam Sarawak ia-lah minyak petrol, boksait, emas, phosphate, batu bata dan kapor, tetapi minyak dan boksait itu-lah yang banyak sa-kali.

Lombong minyak petrol itu terletak di-Miri dalam Division IV. Perusahaan melombong minyak itu di-jalankan oleh Shell Oilfield Limited dan 10,850 batu persegi daratan dan 55,000 batu persegi kawasan laut Sarawak ada-lah dalam kuasa pajakan kompeni tersebut untok menggalikan-nya.

Di-Lambang, ia-itu ibu Division V terdiri sa-buah kilang penapis minyak kompeni ini. Minyak keluaran Miri dan minyak kepunyaan Brunei Shell Petrolium Company di-hantar ka-Limbang untok di-tapis dan di-ekspot.

Hampir semua minyak yang di-ekspot dari Sarawak itu ia-lah minyak yang datang dari Brunei. Lebeh kurang $925,190.00 ia-lah chukai minyak yang di-dapati oleh Kerajaan Sarawak dari pengeluaran minyak negeri Sarawak itu. Jumlah minyak keluaran Sarawak ia-lah 59,489 ton.

Boksait: Boksait ini telah di-lombong oleh sa-buah kompeni bernama Sematan Boksait Limited di-barat laut Division I. Sharikat ini menggunakan alat2 yang baharu untok menggali, dan menaikkan ka-kapal bijeh boksait ini.

Boksait ia-lah bijeh alluminium yang banyak sa-kali di-dapati dalam Sarawak dan dalam tahun 1961 di-ekspot sa-banyak 256,422 ton.

Emas: Telah di-lombong orang di-sembilan buah lombong di-Sarawak dalam tahun 1961 dan telah mengeluarkan sa-banyak 4,132.4 ounces dalam Jajahan Bau. 1,622 ekar lagi telah di-keluarkan mining lease untok di-chari emas itu.

Lain2 galian yang di-dapati ada dalam Sarawak itu yang maseh tersimpan ia-lah arang batu, perak, raksa, tembaga, besi, nickle, bijch cobalt dan lain2 termasok tanah liat. Arang batu di-jangka akan dapat di-keluarkan 8½ juta ton di-Silantek Coalfield yang akan di-usahakan oleh Nippon Coal Mining Company Limited.

Binatang2 Liar.

Binatang2 liar yang boleh di-dapati dalam Sarawak ia-lah lembu hutan, rusa, kijang, pelandok, babi, seladang, beruang, kuching hutan, harimau bintang, orang-utan atau simia, berok, kera, kera hidong panjang, tupai, burong gagak, helang, buaya, penyu, ikan paus, ular sawa dan tenok (tapir).

Binatang yang tidak ada dalam Sarawak ia-lah gajah, harimau, dan badak.

Jalan Perhubongan.

Jalanraya: Oleh sebab keadaan tanah negeri Sarawak itu rendah, berpaya2 dan banyak pula sunngai2 yang melintangi negeri itu tambahan pula jauh dari bukit yang mengeluarkan batu besi, maka jalan2 raya amat-lah sukar hendak di-perbuat dan kalau di-perbuat akan memakan belanja yang sangat mahal.

Dengan sebab itu jalan2 raya belum-lah dapat di-bina dengan sa-penoh-nya bagi menyambongkan bandar2 ibu Bahagian. Dari itu antara Kuching dengan Simanggan, Sibu, Miri dan Limbang maseh belum ada jalanraya yang menghubongkan kelima2 bandar itu bagaimana ibu2 negeri dalam Tanah Melayu yang bersambong dengan Ibu-kota Kuala Lumpur.

Jalanraya yang baik jika di-bina dalam negeri Sarawak akan memakan belanja sa-banyak $250,000.00 tiap2 sa-batu. Jalanraya yang baik hanya di-kawasan2 bandar sahaja saperti Kuching, Sibu, Miri dan Limbang. Dari Kuching ada sa-batang jalan raya yang panjang menuju ka-Bandar Seria dan terus ka-Division II

dan tidak berapa jauh lagi akan bersambong dengan Bandar Simanggang, ibu Division II. Pendek-nya dalam Division I sabaja-lah yang panjang jalanraya-nya.

Di-antara Bandar Serikai dan Bandar Binatang di-hilir Sungai Rejang dalam Bahagian III sedang di-bina jalanraya bagi menyambong kedua2 bandar itu dan dari pekan Lawas ka-pekan Terusan dalam Bahagian V. Dari Miri ada jalanraya yang menyambongkan bandar itu dengan Bandar Brunei.

Jalan Udara: Negeri Sarawak itu dapat di-hubongkan dengan Tanah Melayu ia-lah melalui jalan udara dan jalan laut. Jalan Laut dari Singapura ka-Kuching ia-lah sa-jauh 450 batu. Dari Kuching ka-Sibu dengan jalan laut 140 batu dan ka-Miri 290 batu.

Segala bandar2 dalam Sarawak dapat di-hubongkan dengan jalan kapalterbang. Malaysian Airways Limited mengadakan penerbangan antara Singapura dengan Kuching dan Sibu pada tiap2 hari dan dari Sibu terus ka-Brunei dan Sabah. Borneo Airways Limited yang berpengkalan di-Pulau Labuan pula mengadakan penerbangan dalam Sarawak di-antara 7 buah padang terbang di-pantai2 dan di-tengah2 daratan dan mengadakan perhubongan rapat dengan Malaysian Airways Limited. Sekarang Borneo Airways Limited telah di-satukan dengan Malaysian Airways Limited. Pada masa sekarang antara bandar Kuching dengan Simanggang, Sibu, Mukah, Bintulu, Belaga, Miri, Marudi, Lio, Match, Tebang, Long Akah, Ba Kelalano, Long Semado, dan Lawas dapat di-hubongkan dengan kapal terbang sebab di-bandar dan pekan2 yang tersebut itu ada padang kapal terbang.

Brunei Shell Petrolium Company Limited di-Brunei ada mempunyai pasokan kapalterbang-nya sendiri yang di-gunakan untok perhubongan dan kapal terbang-nya ini di-gunakan sama oleh Sarawak Oilfield Limited, dan menggunakan padang terbang tersendiri **(private)** di-Lutong dekat Miri. Helikoptor juga

di-gunakan untok mengembara ka-tempat2 minyak di-darat dan jauh ka--laut di-mana ada telaga2 minyak dan tempat2 menchari telaga minyak.

Badan Penyiar Kristian (Borneo Evangelical Mission) yang berpengkalan di-Lawas ada mempunyai dua buah kapal terbang kechil untok memberi bantuan makanan dan lain2 kapada penyiar2 Kristian yang menjalankan khidmat-nya jauh ka-tengah2 hutan rimba Sarawak itu dan dengan kapalterbang-nya ini banyak membawa anak2 negeri yang sakit ka-hospital bagi menyelamatkan nyawa-nya. Kapalterbang tentera tidak ada pengkalan-nya di-Sarawak.

Sarawak ia-lah sa-buah negeri yang penoh berselirat dengan sungai2 yang panjang dan besar dan di-tepi2 sungai itu-lah pula dudok-nya bandar2, pekan2 dan kampong2 bumi putera negeri Sarawak itu. Dengan sebab itu jalan sungai ada-lah menjadi jalanraya yang paling utama dalam negeri Sarawak itu.

Motor2 boat ada-lah di-gunakan bagi memudeki dan menghilir sungai2. Tempat2 yang tidak boleh di-mudeki oleh motor2 boat, di-gunakan pula motor sangkut atau perahu2 yang bermotor dan kemudian dengan perahu pula bergalah ka-hulu hingga sampai ka-hulu2 sungai yang tidak dapat di-mudeki lagi.

Kayu2 yang di-ekspot dari Sarawak itu di-naikkan ka-kapal di-Tanjong Mani di-tepi Sungai Rejang, dan di-Sejingkat di-tepi Sungai Kuching.

Pedudok.

Ada-pun pendudok2 negeri Sarawak itu mengikut banchi tahun 1960 berjumlah 744,529 orang di-dalam 5 Bahagian Pentadbiran. Tetapi mengikut anggaran pendudok2 dalam bulan June 1961 berjumlah 760,099 orang yang terbahagi kapada beberapa kaum bagaimana di-bawah ini:—

Dayak Laut (Iban)	239,469	31.5%.
China	236,473	31.1%.
Melayu	132,903	17.5%.

Dayak Darat	59,267	7.8%.
Melanau	45,155	5.9%.
Lain2 bumi putera	38,562	5.1%.
Lain2 bukan bumi putera	6,691	.9%.
Eropah	1,679	.2%.

Pendudok2 Sarawak bertambah 36.3% di-antara tahun 1947 dengan 1960 dan jumlah pendudok2 dalam tiap2 batu persegi ia-lah 15 orang. Bandar Kuching ibu-negeri Sarawak berpendudok sa-banyak 6,000 orang dalam satu batu persegi bagi Jajahan Kepit dan Baram.

Orang2 Melayu di-Sarawak sama saperti di-Malaya berugama Islam dan mereka berkampong halaman di-pantai2 dan di-tepi2 bandar Kuching dan Sibu. Lebeh sa-perdua dari orang2 Melayu tinggal dalam Bahagian Pertama dan lebeh sa-perdua dari pendudok2 dalam Bahagian Kelima ia-lah orang2 Melayu, manakala dalam Bahagian Ketiga hanya ada 5% sahaja orang Melayu.

Orang2 Melayu itu kerja-nya menangkap ikan, bersawah padi dan berkebun macham2. Pada masa dahulu orang2 Melayu-lah yang menyokong kuat Raja Brooke itu dan orang2 Melayu telah di-ambil bekerja menjadi Polis, kelasi2, kaki-tangan kerajaan dan Pegawai Tadbir Rendah atau Junior Administrative Service.

Orang2 Melayu Sarawak telah menjadi 'adat mereka tidak berkahwin lebeh dari satu bagaimana lain2 kaum bumi putera di-sana.

Orang2 Dayak Iban (Dayak Laut) ia-lah kaum yang ramai sa-kali dalam Sarawak. Mereka di-panggil Dayak Laut kerana pada masa Raja Brooke I dahulu datang ka-Sarawak, Dayak Iban ini-lah yang banyak menggunakan perahu2 di-sungai2 dan di-laut2 Sarawak dan menjadi perompak2 serta memotong kepala orang. Oleh kerana ini mereka terkenal dengan nama Dayak Laut.

Orang2 Iban ini maseh banyak tinggal di-rumah2 panjang yang mengandongi hingga 50 keluarga, tetapi

lazim-nya hanya antara 12 hingga 15 keluarga. Di-tengah2 rumah itu di-buat bilek2 dan tiap2 bilek itu di-diami oleh satu keluarga. Di-luar bilek itu di-namakan ruai yang di-gunakan beramai2, manakala di-tepi luar sa-panjang rumah itu ada beranda di-panggil tanju.

Tiap2 rumah panjang itu ada sa-orang ketua rumah dan di-dalam beberapa buah rumah ada pula sa-orang Penghulu yang di-pileh. Orang2 Iban itu sangat kuat berpengang kapada 'adat dan satu dari 'adat-nya ia-lah beristeri satu, telinga-nya bertindek dan di-telinga itu di-pakai subang yang berat2 hingga menjadikan lubang telinga itu lanjut dan panjang dan yang perempuan-nya maseh tidak memakai baju bagi menutup buah dada-nya, pehak laki2-nya pula badan-nya di-lukis dengan gambar yang menjadi saperti pakaian badan-nya. Orang Dayak Iban ini kebanyakan-nya tidak berugama tertentu atau dalam bahasa Inggeris-nya Pagan.

Pekerjaan mereka ia-lah menanam padi bukit atau padi huma bagaimana orang Darat di-Tanah Melayu.

Orang2 Dayak Iban ini sekarang telah ada banyak yang berpelajaran dan semenjak Sarawak bersatu dalam Malaysia orang Dayak Iban ini telah ada menjadi Menteri Kerajaan Malaysia ia-itu Dato' Temenggong Jugah anak Barieng dan Ketua Menteri Sarawak Tuan Stephen Kalong Ningkan.

Dayak Darat: Orang Dayak Darat pula tinggal di-pergunongan dan di-tanah2 tinggi dan yang banyak-nya tinggal dalam Bahagian Pertama. Dayak Darat ini asal-nya sa-rumpun jua dengan Dayak Iban; tetapi mereka lebeh lembut dan keadaan hidup-nya sa-chara lama dan tidak suka berpindah2. Kerana 'adat ini menjadikan tanah padi huma mereka usang, tidak berbaja dan tidak-lah mengeluarkan hasil yang chukup. Sebab ini orang Dayak Darat itu hidup miskin dan susah.

Mereka tinggal di-rumah2 panjang juga, tetapi lebch kechil dan tidak ada beranda dan ada pula rumah khas untok tetamu datang menumpang berhenti. Sunggoh pun Dayak Darat ini tidak ramai bilangannya, tetapi loghat chakap-nya banyak dan berlain2an. Mereka hidup sa-chara bermuafakat dan bergotong-royong. Tiap2 kumpulan Dayak Darat itu di-ketuai oleh sa-orang ketua bergelar Orang Kaya.

Melanau: Orang Melanau ia-lah satu kaum yang bersemenda dengan orang Melayu dan mereka berugama Islam. Mereka tinggal dalam Bahagian Ketiga dan Keempat di-kawasan pantai2. Orang Melayu ini satu asal dengan orang Kayan di-pendalaman negeri Kalimantan Indonesia dan Orang Kayan ini ada yang berugama Islam dan juga yang tidak berugama (pagan).

Orang2 Melanau ini bekerja menanam dan membuat sago. Luas ladang sago ini ia-lah 150,000 ekar. Sago ada-lah makanan utama kapada mereka. Orang2 Melanau termashhor menjadi orang2 kapal dan menangkap ikan dan membuat perahu dan motor boat.

Kedayan: Orang Kedayan ini berugama Islam dan ia sama keturunan dengan orang Jawa, dan orang Kedayan ini tinggal dalam Bahagian Keempat dan Kelima.

Kayan dan Kenyah: Dayak Kayan dan Dayak Kenyah itu tinggal di-Ulu Balui dan Rejang, Baram dan Kemena, asal mereka ini dari Batang Kayan dalam Kalimantan Indonesia.

Lain2 puak kechil ia-lah orang2 Sebop, Berawan, di-Baram dan Kejaman, Skapan dalam Ulu Rejang.

Orang Kayan itu masa dahulu ada-lah menjadi musoh besar kapada orang Dayak Iban, ia-itu bila orang2 Iban mula2 datang menyeberang dari Kalimantan Indonesia ka-Sarawak ia-itu ka-Bahagian Kedua dan Ketiga dalam pertengahan kurun Masehi kesembilan belas kerana masa itu kuasa orang2 Kayan itu dari Rejang hingga ka-Limbang.

Orang2 Kayan itu tinggal di-rumah panjang juga dan chara hidup-nya ia-lah chara autokerasi. Pintu rumah ketua-nya besar terletak di-tengah2 rumah itu. Mereka ini pandai ukir mengukir dan melukis dan pemuda pemudi-nya pandai menyanyi dan menari serta 'akal-nya tajam dalam pelajaran. Dalam Bahagian Keempat di-kenal mereka ini dengan nama orang Ulu.

Orang China: Orang2 China pada masa ini berjumlah 31.1% dari semua pendudok2 Sarawak dan 60 peratus dari mereka tinggal dalam kawasan bandar2 terutama Kuching, Sibu dan Miri.

Orang2 China ini sa-bahagian besar-nya telah masok ka-Sarawak dalam masa 60 tahun yang lalu dan dari keturunan2 mereka itu-lah China2 yang ada hari ini.

Orang2 China itu bagaimana di-Tanah Melayu dan Singapura juga, mereka memegang teraju ekonomi dalam negeri Sarawak itu. Sa-lain dari itu orang2 China ini banyak yang menjadi kerani di-pejabat2 Kerajaan Sarawak itu.

Samenjak Merdeka, orang2 China ini mendapat hak yang sama dalam politik negeri itu dan ada beberapa orang dari mereka telah menjadi Ahli Parliman Malaysia.

Lain2 bumi putera yang mendiami Sarawak itu ia-lah Dayak Punan, Dayak Penan, orang2 Murut dan orang2 Kelabit. Dayak Punan dan Penan itu diam di-tepi Sungai Balui dan Belaga dalam bahagian Ketiga dan di-Sungai2 Tinjar, Baram dan Sungai Tutoh dalam bahagian Keempat. Dalam Baram sahaja ada lebeh 4,000 orang Dayak Punan ini.

Orang2 Bisaya ada kira2 2,000 orang lebeh dalam Sarawak. Mereka tinggal di-hulu Sungai Limbang dan juga di-Sungai Lawas dan Terusan. Mereka tidak berugama melainkan Pagan.

Pelajaran.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, hal ehwal pelajaran dalam Negeri Sarawak ada-lah dalam kuasa

Kerajaan Sarawak sendiri baik sekolah rendah atau menengah. Bahasa Inggeris ada-lah menjadi bahasa resmi yang utama. Bahasa Melayu walau pun di-terima oleh Kerajaan Sarawak sa-bagai bahasa Kebangsaan Malaysia; tetapi bahasa kebangsaan itu belum-lah di-wajibkan di-ajar di-sekolah2 Kerajaan dan yang mendapat bantuan Kerajaan bagaimana di-Tanah Melayu.

Sekolah2 dalam Negeri Sarawak itu terbahagi kapada beberapa jenis atau chara pentadbiran-nya ia-itu:-

1. Sekolah2 yang di-tadbirkan oleh Kerajaan Tempatan, ia-itu sekolah2 yang menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar dan sekolah2 Melayu dan anak negeri.

2. Sekolah2 yang di-tadbirkan oleh Lembaga Pelajaran China, ia-itu sekolah2 yang menggunakan bahasa China sa-bagai bahasa pengantar-nya.

3. Sekolah2 yang di-tadbirkan oleh Badan Penyiar Ugama Keristian, ia-itu sekolah2 yang menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar-nya.

4. Sekolah2 yang di-tadbir oleh Gereja2 Keristian di-bandar2.

Kerajaan Negeri tidak-lah sa-chara langsong mentadbirkan pelajaran itu baik sekolah rendah atau sekolah menengah; melainkan terpulang kapada Kerajaan Tempatan.

Dalam tahun 1956 Kerajaan Sarawak telah mengambil langkah bagi menyatukan sekolah2 yang berbagai2 haluan itu supaya dapat di-bentok menjadi satu chara yang sa-suai yang akan bersifat Kebangsaan. Bahawa semua sekolah2 di-beri bantuan yang sama oleh Kerajaan yang mana menjadikan perbelanjaan sekolah2 itu di-dapati puncha wang-nya dari bantuan Kerajaan dan dari bayaran sekolah, kemudian gaji guru2 juga di-samakan di-sekolah2 yang mendapat bantuan

Kerajaan dan guru2 itu di-adakan Provident Fund bagaimana E.P.F. di-Malaya.

Dalam tahun 1957 di-adakan satu chorak pelajaran yang berupa Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah2 menengah Kerajaan yang penuntut-nya terdiri dari berbagai2 kaum sa-bagai mana dasar pelajaran di-Tanah Melayu sa-belum pileban raya umum yang pertama dalam tahun 1955 dahulu ia-itu di-masa Tuan Thuraisingam menjadi Ahli Pelajaran. Hari chuti di-semua sekolah2 di-samakan serta sukatan pelajaran di-samakan di-sekolah2 yang menggunakan bahasa Inggeris dan China sa-bagai bahasa pengantar.

Dalam tahun 1961 Kerajaan Sarawak telah mengadakan satu Undang2 Pelajaran Menengah Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah2 Kerajaan dan tiga orang guru yang terlatch dari New Zealand di-bawah Ranchangan Colombo telah di-hantar ka-Sarawak untok memberi nasihat dalam perkara sekolah2 Menengah Kerajaan itu, kemudian dua kumpulan Guru2 Besar telah di-hantar pula oleh Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo untok mengambil tanggong-jawab di-sekolah2 di-kawasan2 luar bandar dan menasihat Majlis2 Jajahan dalam perkara pelajaran.

Di-penghujong tahun 1961 di-dapati jumlah kanak2 anak jati Sarawak yang ada dalam sekolah2 ada-lah sa-ramai 45,820 orang ia-itu bersamaan dengan 33.9 peratus dari jumlah kanak2 dalam umor bersekolah; berbanding dengan kanak2 China berjumlah 62,233 orang dalam sekolah2 ia-itu bersamaan dengan 78.2 peratus dari jumlah bilangan kanak2 China yang di-dalam umor sekolah. Kanak2 anak jati yang masok ka-Sekolah Menengah ia-lah 560 orang dan tahun itu juga 268 penuntut2 Sekolah Menengah Rendah telah mendapat sijil.

Oleh sebab Sarawak tidak ada University, maka penuntut2 Sarawak berjumlah 132 orang sedang belajar

Pakaian Bumiputera Asli Sarawak

di-seberang laut di-bawah Ranchangan Colombo, ia-itu di-Tanah Melayu, Singapura, Australia, New Zealand, Canada dan Britain. Pelajaran sekolah dewasa juga di-adakan dalam negeri Sarawak terutama di-kawasan Bandar Kuching dan Sibu dan di-lain2 bandar di-bawah Majlis Pelajaran Dewasa Sarawak.

Sejarah Sarawak.

Negeri Sarawak, Brunei dan Sabah ia-lah asal-nya sa-buah negeri yang terletak di-bawah kekuasaan dan kedaulatan Sultan Brunei.

Sejarah asal negeri itu tidak-lah di-ketahui tetapi mengikut tanda2 dari mata-benda, keranda dan tengkorak yang di-jumpai dalam Gua Niah di-dalam Bahagian IV ada-lah menunjokkan bahagian Sarawak itu telah ada di-dudoki oleh manusia lebeh dari 50,000 tahun dahulu sa-belum Masehi.

Dalam kurun Masehi yang 12 dan 13 ada tanda2 yang menunjokkan orang2 dari Asia datang ka-Brunei kerana menjalankan perniagaan sa-chara bertukar2 barang (bartar), ia-itu di-zaman Raja2 China keturunan Sung dan zaman Raja Siam keturunan Sawankhalok dan hingga membawa kapada kurun Masehi yang 14.

Ugama Islam telah datang ka-Brunei dan kembang-nya ugama itu di-awal kurun Masehi yang ke 15. Pusat perniagaan pada zaman itu ia-lah di-Telok Brunei dan kerajaan Islam yang besar kuasa-nya di-zaman itu ia-lah Sultan Brunei dan mempunyai pengaroh di-seluroh Kalimatan.

Dalam tahun 1521 pengembaraan mengelilingi dunia yang pertama telah di-lakukan oleh Magellan. Bila angkatan kapal Magellan itu tiba di-Manila ia telah di-serang oleh lanun2 di-sana dan ia telah mati. Kemudian Pegafetta, pengganti Magellan itu telah meneruskan pelayaran itu dan tiba di-Bandar Brunei. Pegafetta telah mencheritakan dalam buku peringatan-nya menyatakan bahawa Bandar Brunei itu di-dirikan di-atas sungai yang memakai tiang2 dan

raja-nya kaya dan tatkala menyambut palawat2 baginda Sultan Brunei selalu memberi hadiah2 yang di-bawa di-atas gajah2.

Ada-pun kebesaran Kerajaan Brunei dahulu kala itu hingga kapada kurun Masehi yang ke 16. Kemudian dari itu pengaroh-nya telah beransor2 lemah dan jatoh. Dalam kurun Masehi yang ke 17 Sultan Brunei telah menyerahkan sa-bahagian kawasan negeri-nya yang sekarang di-namakan Sabah itu kapada Sultan Sulu sa-bagai membalas terima kaseh atas pertolongan Sultan Sulu yang menjadi menantu Sultan Brunei mengalahkan musoh-nya. Tetapi dengan penyerahan Negeri Sabah itu tidak-lah juga menghilangkan kesulitan dan kekachauan dalam Negeri Brunei itu.

Laut2 dan kuala2 sungai dalam Sarawak yang menjadi jajahan ta'alok Brunei pada masa itu penoh dengan sarang perompak dan lanun, manakala daratan-nya pula di-ganggu oleh orang2 Dayak yang menjalankan 'adat memotong kepala manusia. Dari kedua2 sebab itu negeri Brunei sentiasa dalam kekachauan dan tidak ada keamanan.

Dalam tahun 1839 sa-orang 'ashkar laut British bernama James Brooke telah datang ka-Kuching ibu-negeri Sarawak sekarang. Pada masa lawatan James Brooke itu Jajahan Sarawak di-perentahkan oleh sa-orang Pesurohjaya Agong Kerajaan Brunei bernama **Makota** dan pemberontakan sedang berlaku menentang pemerentahan Makota itu oleh orang2 Melayu dan Dayak Darat yang di-kepalai oleh Datu Petinggi 'Ali.

Baginda Sultan Brunei telah menghantarkan bapa saudara-nya Raja Muda Hashim, sa-bagai wakil baginda untok mengembalikan keamanan dan ketenteraman di-Kuching itu, tetapi Raja Muda Hashim itu tidak juga berjaya hendak mengembalikan keamanan di-sana.

Tidak berapa lama kemudian, James Brooke telah meninggalkan Kuching dan dalam tahun 1840 ia datang sa-kali lagi ka-Kuching berjumpa dengan Raja

Muda Hashim dan memberi pendapat-nya bagaimana hendak mengamankan kembali Sarawak itu. Raja Muda Hashim telah bersetuju dengan pendapat James Brooke dan meminta James Brooke menjalankan usaha-nya untok mengamankan Jajahan Sarawak itu.

Dengan usaha dan kepintaran James Brooke itu, Jajahan Sarawak telah kembali aman sa-mula.

Oleh sebab Brunei kembali aman, maka pada fikiran Sultan Brunei, James Brooke telah membuat jasa besar dan akhir-nya Sultan Brunei telah menyerahkan pemerentahan Sarawak kapada James Brooke, ia-itu sempadan-nya dari Tanjong Dato' membawa ka-Sungai Samarahan, ia-itu dalam tahun 1840 dan dalam tahun itu juga James Brooke telah naik menjadi Raja Sarawak bergelar Rajah Brooke I.

Oleh sebab negeri pemerentahan Brunei itu luas, maka tidak-lah juga aman kawasan di-antara Brunei dengan kawasan pemerentahan Raja Brooke itu. Akhir-nya dalam tahun 1861 Brunei telah terpaksa menyerahkan pula tanah dari Sungai Sadong hingga ka-Tanjong Kidurong kapada Raja Brooke yang menjadi bertambah2 luas lagi.

Raja Brooke itu dengan bantuan tentera laut British, negeri Sarawak beransor2 aman dan akhir-nya hapus langsong perompak2 itu dan 'adat memotong kepala oleh orang2 Dayak itu pun juga beransor2 hilang.

Dalam tahun 1864 Kerajaan British telah melantek sa-orang Consul-nya di-Sarawak. Bila mangkat Raja Brooke I, ia telah di-gantikan oleh putera-nya bernama Sir Charles Brooke dan bergelar Raja Brooke II. Dalam pemerentahan Raja Brooke II ini-lah negeri Sarawak itu telah aman sentosa. Baginda Raja Brooke II ini telah memerentah 50 tahun lama-nya. Dalam tahun 1882 sempadan Sarawak telah sampai kapada Sungai Baram dan dalam tahun 1885 tanah lembah Sungai Trusan telah di-serahkan lagi oleh Sultan Brunei kapada Sarawak, manakala tahun

1890 Jajahan Limbang pula telah di-satukan dalam Sarawak dengan kehendak pendudok2-nya.

Negeri Sarawak itu telah masok bernaung di-bawah Kerajaan British dalam tahun 1888. Kemudian dalam tahun 1905 tanah kawasan Sungai Lawas yang termasok di-bawah pemerentahan Kompeni British North Borneo telah di-beli oleh Kerajaan Sarawak dengan persetujuan Kerajaan British.

Dalam tahun 1917 Raja Brooke II telah mangkat dan di-gantikan oleh putera-nya Sir Charles Vyner Brooke dan bergelar Raja Brooke III.

Dalam masa pemerentahan Raja Brooke III ini keadaan negeri Sarawak telah bertambah2 maju kahadapan, 'adat Dayak potong kepala telah beransor2 turun hingga kapada had yang memuaskan, manakala hasil negeri telah bertambah, kesihatan dan pelajaran ra'ayat telah di-bentok kapada kemajuan dan wang simpanan Kerajaan banyak tersimpan dalam khazanah negara.

Dalam tahun 1941 Raja Brooke III telah membentok satu Perlembagaan baharu, yang mana dalam Perlembagaan itu kuasa mutelak "absolute" yang ada pada-nya telah di-kurangkan sa-bagai langkah pertama menuju ka-jalan pemerantahan sendiri yang demokratik.

Sa-belum Raja Brooke III dapat menjalankan kuat-kuasa Perlembagaan baharu itu, dalam tahun 1941 Jepun telah melanggar Sarawak dan telah mendudoki seluroh Pulau Kalimantan.

Dalam tahun 1944 keadaan Sarawak telah sampai ka-punchak sengsara ra'ayat-nya kerana kelaparan telah bermaharajalela di-sana sini. Dalam awal tahun 1945 tentera payong terjun British dan Australia telah mendarat di-tanah tinggi Kelabit dan kemudian tentera Sekutu telah mendarat di-Labuan dan akhir-nya Jepun telah menyerah diri tanpa bersharat dalam bulan Augus, 1945, kemudian tentera Australia telah datang membebaskan Bandar Kuching pada 11 September, 1945.

Perlembagaan.

Dalam tahun 1941 Raja Brooke telah memperkenankan pembentokan sa-buah perlembagaan negeri Sarawak dan apakala perlembagaan itu siap, peperangan Jepun pun berlaku, maka tidak-lah sempat perlembagaan itu di-jalankan.

Apabila Negeri Sarawak telah di-ambil balek oleh Pehak Sekutu, dan di-jadikan jajahan ta'alok British dalam tahun 1946, maka Perlembagaan itu pun di-jalankan ia-itu:-

Dewan Negeri Mengandongi:

14 Ahli Resmi di-lantek dari Pegawai2 Tadbir.
11 Ahli tidak resmi mewakili pendudok2 dan kepentingan2 'umum.
3 Orang ahli tetap sa-'umor hidup atau Standing Members.

Ahli tetap atau ahli sa-'umor hidup itu ia-lah dari anak jati Sarawak yang menjadi Ahli Council Negeri sa-belum undang2 Perlembagaan baharu 1956 di-adakan.

Dalam Perlembagaan ini Superime Council mengandongi tidak kurang dari 5 orang ahli dan jumlah terbanyak hendak-lah daripada Pengawai2 Tadbir yang ada dalam Council Negeri itu dan Tuan Chief Secretary menjadi pengurusi-nya.

Tahun 1947 satu ranchangan telah di-susun ia-itu untok mengadakan pilehanraya Majlis2 Tempatan dan kekuasaan memerentah di-jalankan menerusi Pehak Berkuasa Majlis Tempatan. Kemudian dalam tahun 1948 Undang2 Majlis Tempatan dan pilehanraya Majlis Tempatan itu pun di-jalankan.

Dalam tahun 1956 sa-kali lagi pindaan Perlembagaan telah di-adakan dan pindaan itu telah berjalan kuatkuasa-nya pada 1 haribulan April 1957. Mengikut susunan perlembagaan ini Dewan Undangan Negeri mengandongi 45 orang ahli, ia-itu:-

24 Ahli yang di-pileh.
14 Pegawai2 yang di-lantek.
4 Ahli di-lantek tidak resmi.
3 Ahli kerana jawatan-nya (Ex-Officio).

Dan Majlis Kerja Kerajaan atau Superime Council-nya mengandongi 5 ahli yang di-pileh (dari ahli Dewan Negeri), 2 ahli di-lantek, 3 ahli kerana jawatan-nya ia-itu Chief Secretary, Attorney General dan Financil Secretary, manakala Tuan Gobnor menjadi pengurusi-nya.

Dalam tahun 1959 sa-banyak 744,529 orang pendudok Sarawak telah di-masokkan di-bawah Pehak Berkuasa Tempatan Dalam tahun itu juga ia-itu bulan November dan December, Pilehanraya Majlis2 Tempatan telah di-adakan di-seluroh negeri kerana memileh 350 orang wakil2 dan dalam bulan January, 1960, semua ahli2 terpileh telah menjalankan tugas-nya.

Sharat2 menjadi pengundi ia-lah 'umor 21 tahun ka-atas, ra'ayat British dan telah tinggal tetap 7 tahun dari 10 tahun dalam Sarawak.

Tahun 1962 sa-kali lagi pindaan perlembagaan telah di-adakan bagi memajukan satu langkah lagi ka-hadapan pemerentahan Sarawak menuju kapada taraf pemerentahan sendiri dalam negeri, dan susunan itu menjadikan Dewan Negeri dan Majlis Kerja Kerajaan berubah menjadi:-

1 Speaker.
36 Ahli yang di-pileh.
3 Ahli di-lantek.
3 Ahli kerana jawatan-nya.
1 Ahli tetap.

Manakala Majlis Kerja Kerajaan mengandongi:-

1 Gobnor sa-bagai Pengurusi.
1 Ketua Menteri.
5 Di-lantek dengan nasihat Ketua Menteri.
3 Ahli kerana jawatan-nya.

Dalam perubahan ini Tuan Gobnor telah di-beri kuasa melantek 3 Menteri berjawatan dan 2 Menteri tidak berjawatan dari ahli2 yang di-pileh.

Pada 23 hb. August, 1963, Gobnor Sarawak telah memashhorkan bahawa Sarawak telah di-beri taraf pemerentahan sendiri (De Facto) dan Ketua Menteri di-lantek menjadi Ketua Kerajaan. Pada 31 hb. August, 1963, Sarawak telah memashhorkan Merdeka.

Ada-pun pilehanraya ka-Dewan Negeri Sarawak itu ada-lah pilehanraya sa-chara tidak langsong, ia-itu:-

Dalam 5 Division Negeri Sarawak ada mempunyai 24 buah Jajahan.

Pengundi2 telah memileh wakil2 ka-Majlis Daerah, yang berjumlah 429 orang semua-nya, ia-itu mengikut banyak pendudok satu2 Daerah itu. Kemudian tiap2 Majlis Daerah itu bersidang dan memileh di-antara mereka sa-banyak 108 orang wakil ka-Majlis Penasihat Division2. Majlis Penasihat Division2 itu bersidang pula masing2 kerana memileh 36 orang wakil ka-Dewan Negeri, ia-itu:-

Division	I	10	orang
Division	II	6	orang
Division	III	11	orang
Division	IV	6	orang
Division	V	3	orang

Dari 36 orang ahli Dewan Negeri itu di-pileh pula di-antara mereka 24 orang Ahli Parliman yang mewakili Sarawak dalam Parliman Malaysia.

Gobnor I Negeri Sarawak ia-lah Yang Terutama Dato' Abang Haji Openg dan Ketua Menteri Sarawak I ia-lah Tuan Stephen Kalong Ningkan, berasal orang Iban.

SABAH
(NORTH BORNEO)

Negeri Sabah dudok-nya di-utara Pulau Kalimantan. Sempadan-nya di-sabelah selatan dengan Sarawak dan Kalimantan Indonesia, manakala di-sabelah barat-nya bersempadan dengan Laut China, utara-nya dengan Laut Sulu dan timor-nya dengan Laut Celebes.

Luas-nya Negeri Sabah itu 29,388 batu persegi, ia-itu 2 kali lebeh besar dari negeri Pahang. Keadaan muka bumi-nya bergunong2 dan kemunchak-nya yang tertinggi sa-kali ia-lah Gunong Kinabalu yang tinggi-nya 13,455 kaki.

Dari Gunong Kinabalu ini membujor satu banjaran gunong yang menjadi tulang belakang negeri itu hala ka-barat daya yang bernama Gunong Crocker. Dan dari Gunong Kinabalu banjaran Gunong Crocker ini bertali hala ka-timor laut yang menjadi sempadan antara Residency Pantai Barat dengan Residency Sandakan. Banjaran Gunong Crocker ini sa-olah2 saperti dinding mengasingkan barat dan timor negeri itu.

Muka bumi dalam Residency Pantai Barat dan Residency Pendalaman tanah-nya tinggi bergunong2, bagitu juga Residency Tawau, tetapi Residency Sandakan tanah-nya rendah dan rata.

Pantai negeri Sabah itu panjang-nya antara 800 dengan 988 batu dan keadaan-nya banyak bertelok2 yang jauh masok ka-dalam daratan dan ayer-nya dalam yang menjadikan banyak tempat yang elok di-jadikan bandar pelabohan saperti Jesselton, Kudat, Sandakan dan Tawau.

Dalam jajahan ta'alok negeri Sabah itu banyak mengandongi pulau2, ia-itu Pulau Labuan, Pulau Banggi, Pulau Sebatik, Pulau Balembangan, Pulau Jembongan dan lain2. Pulau Labuan itu ia-lah sa-bagai pengkalan

tentera laut dan udara.

Oleh Sebab tanah negeri itu bergunong2, banyak-lah mengalir sungai2 yang terbit dari gunong2 itu. Sungai2 dalam negeri itu boleh di-bahagi kapada dua bahagian. Sungai2 yang terbit dari Banjaran Gunong Crocker yang mengalir ka-barat, kebanyakan-nya tidak-lah besar dan panjang, manakala aliran-nya pula deras menuju ka-laut. Sebab itu sungai2 di-pantai barat tidak dapat di-mudeki oleh kapal2 bermotor jauh ka-hulu. Sungai yang mengalir ka-timor dan timor laut negeri itu pula besar2 dan panjang2 dan jauh boleh di-mudeki oleh kapal2, kadang2 hingga 350 batu ka-hulu saperti Sungai Kinabatangan. Lain2 sungai yang besar ia-lah Sungai Lubok, Sungai Sungut dan Sungai Segama.

Kuala2 sungai yang mengalir ka-Laut Sulu dan Laut Celebes itu mempunyai tanah delta yang terjadi bila sungai2 itu bah dalam musim tengkojoh, banyak membawa pasir dan lumpur ka-kuala bagaimana sungai2 dalam Sarawak juga.

Pentadbiran:

Negeri Sabah itu ia-lah sa-bahagian dari Malaysia, ia di-perentah oleh sa-orang Kepala Negara yang bergelar Yang Di-Pertua Negara Sabah, dan sa-buah Juma'ah Menteri.

Negeri itu di-bahagikan kapada 4 kawasan pentadbiran ia-itu:-

1. Residency Pantai Barat.
2. Residency Pendalaman.
3. Residency Sandakan.
4. Residency Tawau.

Tiap2 satu Residency itu di-pechah2kan pula kapada beberapa jajahan yang di-ketuai oleh sa-orang Pegawai Jajahan dan tiap2 jajahan itu pula di-bahagi2-kan kapada beberapa daerah yang di-ketuai oleh sa-orang Penghulu atau Ketua anak negeri.

1. Residency Pantai Barat, ibu-pejabat pentadbiran-nya bernama Jesselton dan bandar ini juga menjadi ibu-negeri Sabah itu, tempat dudok Yang Di-Pertua Negara, Dewan Undangan Negeri Sabah dan juga ia menjadi bandar pelabohan yang baik di-Pantai Barat.

Residency Pantai Barat ini keadaan tanah-nya subor dan sangat baik bagi tempat berchuchok tanam dan sawah padi yang luas dalam Sabah itu di-sini-lah letak-nya. Jalan keretapi Kerajaan Sabah itu membujor dari bandar Pandasa di-utara menuju ka-Jesselton dan terus ka-Beaufort dan ka-bandar Weston di-selatan .

Pendudok2 yang ramai sa-kali dalam Negeri Sabah itu ia-lah dalam Residency Pantai Barat ini.

2. Residency Pendalaman (Interior Residency) dudok-nya di-Selatan Residency Pantai Barat itu dan ibu-pejabat tadbir-nya bernama Beaufort. Dari Beaufort ini ada jalan keretapi menuju ka-tenggara dan masok ka-tengah2 Residency Pendalaman itu.

3. Residency Sandakan ibu-pejabat tadbir-nya bernama Sandakan. Di-Sandakan ini tempat tinggal Resident-nya dan juga ia menjadi bandar pelabohan yang banyak mengekspot kayu, getah dan kelapa kering.

4. Residency Tawau ibu-pejabat tadbir-nya dan tempat tinggal Resident ia-lah Bandar Tawau dan ia juga menjadi bandar pelabohan di-Pantai Timor Sabah dan menjadi pengkalan yang utama mengekspot kayu, getah dan kelapa.

Dalam Residency Tawau ini ada lebeh 20,000 orang Indonesia yang bekerja di-kilang2 dan tempat mengeluarkan kayu. Lain2 bandar yang utama dalam Sabah itu ia-lah Papar, Kudat dan Victoria. Bandar Victoria ia-lah pelabohan bagi Pulau Labuan.

Perhubongan: Pantai Barat Sabah, ia-itu Residency Pantai Barat, ia-lah kawasan yang lebeh maju dalam

Negeri Sabah, jalan2 perhubongan-nya lebeh mudah. Lain2 kawasan yang lebeh mudah jalan2 perhubongan-nya ia-lah Residency Pendalaman.

Keretapi North Borneo itu ada-lah menyambongkan utara dan selatan Pantai Barat, ia-itu dari Bandar Pandasa ka-Jesselton dan terus ka-pelabohan Weston melalui bandar Beaufort ibu Residency Pendalaman. Dari Beaufort jalan keretapi itu bersambong ka-timor ka-bandar Tenom dan dari situ berchabang ka-utara melalui Bingkor dan terus ka-Tambunan dan dari Tenom itu satu chabang menuju ka-Kemabong di-selatan.

Panjang-nya jalan keretapi itu 116 batu dan keretapi itu terdiri dari engine diesel, engine wap dan railcar.

Jalan2raya banyak di-Residency Pantai Barat yang menyambongkan dengan bandar2 dalam kawasan Pantai Barat dan bersambong dengan bandar2 dalam Residency Pendalaman. Bandar Tawau ada jalanraya menyambongkan bandar itu dengan bandar Marutai, Quoin Hill dan bandar Indarasabak. Tidak ada jalan-raya yang menyambongkan antara Pantai Barat dengan Sandakan atau Sandakan dengan Tawau.

Segala bandar2 yang besar dan pelabohan dalam negeri Sabah itu dapat di-sambongkan semua-nya dengan jalan udara saperti Victoria, Beaufort, Jesselton, Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau. Lapangan terbang di-Jesselton dan Labuan ia-lah dua buah pengkalan terbang yang utama, yang boleh di-gunakan oleh kapal2-terbang yang besar, manakala lapangan terbang di-Labuan itu boleh di-gunakan oleh kapalterbang Jet Antara Bangsa.

Kapalterbang Malaysian ada-lah berulang alek antara Singapura dengan Sabah itu dan kapal terbang Cathay Pacific menjalankan penerbangan antara Jesselton dengan Manila dan Hong Kong.

Kapal2api Strait Steamship Company belayar tiap2 minggu dari Singapura ka-Sarawak dan terus

ka-Sabah, dan kapal api Norwegian Asia pula belayar dengan tetap antara Sabah dengan Hong Kong.

Perhubongan radio-talipon telah di-adakan bagi menyombongkan antara Jesselton dengan Singapura, Malaya, Hong Kong, Eropah, Australia dan Canada.

Hasil Mahsul.

Negeri Sabah yang bergunong-ganang amat sedikit tanah-nya yang telah terbuka, manakala sa-bahagian besar-nya maseh penoh dengan hutan rimba.

Tetapi di-sebabkan oleh kesuboran tanah negeri itu dan kebijaksanaan pentadbiran-nya, dalam tempoh 60 tahun sahaja negeri itu telah di-buka dan di-majukan, maka hasil tanaman2 pengeluaran negeri itu telah bertambah2 dengan chepat-nya.

Getah: ia-lah tanaman yang luas sa-kali dalam Sabah dan ia-lah menjadi hasil negara yang banyak sa-kali, dan luas-nya kebun getah itu ia-lah 188,000 ekar semua-nya. Dengan pertolongan daripada Rubber Fund Board, 45% daripada kebun2 getah itu telah di-tanam dengan getah baka baik dan getah kahwin yang banyak mengeluarkan susu-nya.

Kerajaan telah mengadakan ranchangan menanam getah, Cocoa, dan lain2 tanaman, untok pekebun2 kechil dekat bandar Tawau. Keluarga yang berkehendakkan tanah ini di-beri 15 ekar bersama2 alat2, beneh, serta menolong membersehkan tanah itu dan menolong membangunkan rumah2 mereka, ia-itu bagaimana Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan Tanah Melayu.

Padi: Tanah padi dalam negeri itu luas-nya 87,000 ekar di-tengah2 negeri itu dan juga di-pantai barat. Kawasan yang luas sawah padi-nya itu ada 17,000 ekar yang mendapat ayer yang tetap dari taliayer.

Kelapa: Ekspot kelapa kering dalam negeri Sabah itu beransor2 banyak dari sa-masa ka-samasa.

Dalam tahun 1959 berjumlah 59,400 ton dan dalam tahun 1960 telah naik menjadi 79,000 ton termasok kelapa "entry port".

Kelapa Sawit: Dalam negeri Sabah, kelapa sawit sedang di-majukan. Estate yang pertama, bernama Mostyn Estate di-Semenanjong Sempurna telah di-tanam hampir 2,000 ekar dalam tahun 1961 oleh Harrison & Crossfield (Borneo) Limited dan 6,400 ekar lagi akan di-tanam dalam tahun2 akan datang. Satu ranchangan untok menempatkan 100 orang China-Dusun untok berkebun kechil di-estate itu telah di-mulai.

Pertubohan Uniliver telah sedia mulai menanam kelapa sawit di-atas 10,000 ekar tanah dan jalan besar sedang di-bina ka-Lubok dari Sandakan, di-mana tanah baharu sedang di-buka.

Manila Hemp: (Talirami) di-keluarkan 5,000 ton dalam tahun 1960. Manila Hemp atau **Abaka** di-tanam di-tanah tinggi yang bergunong berapi berhampiran bandar Tawau. Dalam negeri2 Commonwealth British, Sabah sahaja-lah yang ada mengeluarkan Manila Hemp ini.

Cocoa: Tanaman cocoa sedang bergerak maju dalam negeri Sabah samenjak perchubaan menanam cocoa telah di-mulai dalam tahun 1956 yang lalu. Jumlah kebun2 cocoa yang di-tanam sa-chara meluas di-atas tanah yang sa-snai dengan cocoa ini ia-lah berhampiran dengan bandar Tawau. Hasil cocoa sedang bertambah dari 135 ekar dalam tahun 1956 menjadi 3,300 ekar dalam tahun 1961 dan ekspot-nya pun bertambah dari 9 ton dalam tahun 1959 menjadi 150 ton dalam tahun 1961.

Mengikut pakar2 cocoa yang melawat kawasan tanaman cocoa itu menyatakan bahawa keadaan ladang cocoa di-Sabah tidak kurang taraf-nya dengan kawasan tanaman cocoa di-negeri Ghana tentang elok dan subor-nya serta banyak hasil-nya.

Dengan sebab itu pada satu masa nanti di-agak-kan negeri Sabah akan dapat mengeluarkan cocoa dengan banyak.

Lain2 tanaman yang di-keluarkan dari negeri ini yang sedang bertambah2 ia-lah kopi, buah2an dan sayor2an saperti kubis, jagong, ubi kayu, sagu, kachang tanah dan kachang soya.

Kayu2an: Oleh sebab negeri Sabah itu penoh dengan hutan rimba yang tebal, maka telah menjadi dasar Kerajaan Sabah memajukan perusahaan dan pengeluaran kayu2-nya yang banyak itu untok di-ekspot ka-saberang laut. Pada hari ini perusahaan kayu ada-lah menjadi perusahaan yang utama.

Dalam tahun 1961 kayu telah di-ekspot sa-banyak 2,500,000 kaki padu (50,000 ton) dan dalam tahun 1960 telah naik menjadi 863,320 ton harga-nya dari $10.2 juta menjadi $90.7 juta dalam tahun 1960. Dalam tahun 1960 kayu2 itu telah di-ekspot sa-banyak 62.5 peratus ka-negeri Jepun. Lain2 negeri kayu2 itu di-ekspot ia-lah Hong Kong, Australia dan lain2 pasar dunia.

Kayu2an itu di-ekspot oleh kompeni dari luar negeri dan juga oleh kompeni tempatan. Tempat yang utama pengeluaran kayu ia-lah di-bahagian Pantai Timor. Sa-perdua dari 62 buah kilang gergaji kayu itu terletak di-Pantai Timor.

Lori2 yang besar dengan alat2 yang chukup dan besar di-gunakan untok mengeluarkan kayu2 itu dari hutan ka-kilang dan kerana perusahaan ini 100 buah "tractor" telah di-impot dalam tahun 1960. Hampir semua kayu2 yang di-ekspot berupa kayu balak walau pun ada juga kayu yang siap di-belah.

Kapal2terbang telah di-gunakan untok men-chari kawasan2 hutan yang banyak dan besar batang2 kayu itu.

Ekonomi.

Perniagaan Sabah dengan luar negeri ia-lah sa-banyak $418 juta dalam tahun 1960 berbanding dengan $129 juta dalam tahun 1950.

Hasil2 ekspot dalam tahun 1951 ia-lah $122 juta berbanding dengan ekspot tahun 1960 sa-banyak $222 juta. Ekspot tahun 1961 yang utama ia-lah:—

Kayu2an	$90,000,000.00.
Getah	$49,500,000.00.
Kelapa kering	$40,200,000.00.
Tembakau	$5,300,000.00.
Manila Hemp	$5,200,000.00.

Dalam tahun 1961 perniagaan antara Sabah dan Sarawak telah di-bebaskan dan dengan chara ini perekonomian kedua negeri itu akan bertambah dan ini munkin akan meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat-nya.

Pendudok2.

Negeri Sabah ini mempunyai pendudok2 mengikut banchi yang akhir ia-lah berjumlah 454,328 orang yang berchampor dari berbagai2 kaum dan bahasa dari anak jati negeri itu sendiri. Orang2 lain bangsa yang ramai di-sana dan menjadi sa-bahagian warganegara-nya ia-lah orang2 China. Semua kaum anak negeri jati dan orang2 lain yang mendudoki negeri itu ada-lah bersatu dan berhubong rapat dengan aman damai antara satu dengan lain.

Orang2 Dusun atau Kadazan ia-lah kaum yang ramai sa-kali bilangan-nya yang mendiami negeri itu, dan kaum ini-lah bumi putera yang maju sa-kali dari kaum2 anak negeri yang lain. Mereka ini berusaha berchuchok tanam dan menjadi peladang yang rajin. Mereka mendiami kawasan Pantai Barat dan di-tanah rata di-tengah2 negeri itu dan di-kawasan mereka-lah tanaman padi yang luas sa-kali dan banyak mengeluarkan beras.

Pada zaman dahulu kala orang2 Dusun atau Kadazan ini termasok juga dalam jumlah kaum yang mempunyai 'adat merayau potong kepala orang, tetapi sekarang mereka menjadi kaum yang baik dan terator dengan maju-nya dan mereka telah mengambil bahagian yang besar dalam pelajaran dan kemajuan masharakat negeri itu. Mereka mempunyai bahasa, kebudayaan sendiri dan bunyi2an asal mereka.

Orang Kadazan ini sa-bahagian besar-nya maseh belum mempunyai Ugama Resmi dan mereka memperchayai semua benda2 bernyawa (animist), tetapi telah banyak di-antara mereka yang masok Ugama Kristian.

Dalam kawasan yang lebeh jauh ka-pendalaman negeri itu dan di-gunong2, ada satu kaum bernama Murut, ia-itu kaum bumi putera yang kedua besar bilangan-nya. Oleh sebab mereka tinggal jauh dan terasing dari dunia luar, kurang-lah pengaroh mereka dalam perhubongan antara kaum dalam negeri itu.

Orang2 Murut ini maseh mempunyai 'adat hidup memburu binatang2 hutan terutama babi hutan, tetapi bagi tujuan kemajuan tanaman mereka, Kerajaan telah berikhtiar memujok orang2 Murut supaya mengambil bahagian dalam Ranchangan Pembukaan Tanah yang di-anjorkan oleh Kerajaan dan supaya mereka mudah mendapat layanan pelajaran, kesihatan dan kebajikan mereka.

Di-kawasan pantai dan juga di-pendalaman di-diami pula oleh orang2 Melayu yang telah tinggal di-sana berkurun2 lama-nya.

Di-bahagian pantai sa-belah utara bandar Jesselton di-diami pula oleh orang2 Bajau, satu kaum yang hidup suka menternak lembu dan kuda ia-itu di-Kota Belud. Orang2 Bajau ini mashhor menjadi penunggang kuda, dan di-masa Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan tiba di-Jesselton dalam bulan November 1962 yang lalu, orang2 Bajau ini telah menyambut dengan mengadakan barisan berkuda dengan memakai pakaian kebangsaan (Melayu) bersongket hitam.

Penari2 Kadazan, Sabah.

Penari2 Melayu Kelantan, Malaysia.

Di-Pantai Timor pula di-diami oleh suku2 kechil, ia-itu orang Laut, Sulu, Binadan, Ilanus, yang mana mereka2 ini pada zaman dahulu kala melakukan pekerjaan merompak di-laut2 dan di-kampong2 berhampir dengan pantai2. Sekarang mereka hidup sa-bagai ra'ayat yang baik dan berusaha dalam pekerjaan nelayan dan berchochok tanam.

Orang2 China telah datang mendiami negeri Sabah semenjak Chartered Kompeni memerentah negeri Sabah. Mereka ada di-merata2 tempat terutama di-bandar2 kerana orang China juga yang chergas dalam perniagaan dan membuat perusahaan di-bandar2.

Orang2 China yang mula2 datang dahulu banyak yang berkahwin dengan anak negeri terutama orang2 Kadazan. Jumlah orang2 China yang ada dalam negeri Sabah termasok China2 keturunan China-Kadazan ada sa-banyak 105,000 orang. Orang2 China banyak yang menjadi pekebun2 getah, kaki-tangan2 pejabat Kerajaan dan juga penanam2 sayor. Tetapi bagaimana di-kawasan2 lain dalam negeri2 ASIA, orang2 China juga yang memegang kuasa ekonomi negeri Sabah itu.

Jumlah Pendudok2 1960

Jumlah semua pendudok2 ia-lah 454,421.

Dusun	145,229.
Murut	22,138.
Bajau	59,710.
Brunei	23,450.
Kedayan	7,871.
Orang Sunge	15,112.
Bisaya	10,053.
Sulu	11,080.
Tidong	4,417.
Sino-native	7,438.
China	104,542.
Eropah	1,892.
Melayu dan lain2	41,485.

Perlembagaan.

Dalam tahun 1946 Sabah telah di-ambil menjadi negeri Mahkota British dari pemerentahan British North Borneo Kompeni dan dari semenjak itu pemerentahan-nya di-arahkan oleh Jabatan Tanah Jajahan British di-London. Kepala pemerentahan Sabah terletak di-tangan sa-orang Gobnor bagi mewakili Baginda Queen dan ia-lah menjadi Pemerentahan Agong Tentera Sabah. Ia di-bantu oleh sa-buah Majlis Penasihat yang di-lantek.

Dalam bulan October, 1950, Majlis Penasihat itu telah di-bobarkan dan di-ganti oleh sa-buah Dewan Undangan Negeri yang di-lantek dan sa-buah Majlis Kerja Kerajaan. Dalam tahun 1960 satu perentah Di-Raja telah mengubah sa-kali lagi, ia-itu Dewan Undangan Negeri Sabah itu mengandongi Ahli2 Resmi dan Ahli2 Tidak Resmi dengan bilangan Ahli Tidak Resmi yang di-lantek lebeh bilangan-nya.

Dalan tahun 1962 dengan perentah Di-Raja sa-kali lagi susunan pemerentahan Sabah telah di-pinda dengan menambahkan lebeh banyak lagi bilangan Ahli2 Tidak Resmi dan juga bilangan Ahli2 Tidak Resmi di-tambah lagi dalam Majlis Kerja Kerajaan bagaimana di-bawah ini:

Ahli2 Majlis Kerja Kerajaan:-

1 Tuan Gobnor sa-bagai President.
4 Ahli Kerana Jawatan.
2 Ahli Resmi.
6 Ahli Tidak Resmi.

Ahli2 Dewan Undangan Negeri:-

1 Tuan Gobnor sa-bagai President.
4 Ahli Kerana Jawatan-nya.
3 Ahli Resmi.
18 Ahli Tidak Resmi.

Semua Ahli2 Tidak Resmi itu di-lantek oleh Gobnor.

Pentadbiran Tempatan: Negeri Sabah itu terbahagi kapada 4 Residency, ia-itu West Coast, Sandakan, Interior dan Tawau Residency. Tiap2 Residency itu di-ketuai oleh sa-orang Resident. Dalam tiap2 Residency itu di-bahagi pula kapada beberapa jajahan yang di-ketuai oleh sa-orang Ketua Jajahan, manakala tiap2 jajahan itu di-bahagi pula kapada beberapa daerah atau mukim yang di-ketuai oleh sa-orang Ketua Kaum (Native Chief) yang bertanggong-jawab kapada Ketua Jajahan.

Semenjak tahun 1952 Majlis Daerah (District Council) telah di-adakan dan hak2-nya sa-bagai mewakili ra'ayat dalam satu2 kawasan dan kuasa itu masa ini ada-lah lebeh luas. Mereka mengawal keewangan sendiri, mengenakan chukai2 tertentu, membuat tambahan Undang2 bagi memajukan tanaman, ternakan, bangunan, pendudok2, market dan sa-bagai-nya.

Dalam bulan December, 1962 pilehanraya ka-Majlis2 Daerah (District Council) dan Majlis Bandaran telah di-adakan di-bawah Undang2 Kerajaan Tempatan tahun 1962. Pengundi2 ia-lah mereka yang ber'umor 21 tahun ka-atas, dudok 7 tahun dalam Sabah. Dalam 65 ward yang di-pertandingkan 53 ward telah menang dengan tidak bertanding.

Pada 6 hb. October, 1962, satu pengumuman Kerajaan telah di-keluarkan, dan pilehanraya akan di-adakan di-awal tahun 1963 bagi Majlis2 Daerah dan Majlis2 Bandaran dengan ahli yang di-pileh lebeh ramai daripada ahli2 yang di-lantek.

Majlis2 Daerah dalam satu2 Residency telah memileh antara mereka wakil ka-Majlis Residency, ia-itu:—

Interior	Residency	12 Ahli.
Sandakan	,,	14 ,,
Tawau	,,	14 ,,

West Coast Residency	40	Ahli.

Wakil2 tersebut telah berkumpul di-masing2 kepala Residency pada 12 hb. July, 1963, dan telah memilch antara mereka wakil2 ka-Dewan Undangan Negeri Sabah, ia-itu:-

Interior	Residency	4	Ahli.
Sandakan	,,	3	Ahli.
Tawau	,,	3	Ahli.
West Coast	,,	8	Ahli.

Jadi Jumlah Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah yang di-pileh ia-lah 18 orang semua-nya. Dan pada hari itu juga semua ahli2 yang di-lantek dahulu telah meletakkan jawatan-nya masing2 dan mansokh-lah Dewan Undangan Negeri yang lama dan pada 25 hb. July, 1963, terbentok-lah Dewan Undangan baharu.

Pilehanraya ini telah di-jalankan dalam bulan June, 1963, bagi tiap2 Majlis Daerah, tetapi tidak sa-rentak semua-nya. Pilehanraya itu telah berakhir pada 16 hb. July, 1963, dan semua chalun2 Party Perikatan Sabah telah menang.

Dewan Undangan Sabah yang baharu itu telah mengadakan sidang-nya yang pertama pada 25 hb. September, 1963.

Pada 28 hb. August, 1963, Gobnor Sir William Goode sa-telah berunding dengan pemimpin party2 politik dalam Sabah, memashhorkan bahawa pada 31 hb. August, 1963, pemerentahan bermenteri yang penoh di-jalankan yang mengandongi Ketua Menteri dan 6 orang Menteri lain sa-bagai ganti pemerentahan chara berahli, dan pada hari itu juga Sabah telah memashhorkan Merdeka. Pada 16 hb. September, 1963, Sabah telah menjadi bahagian Negara Persekutuan Malaysia.

Ketua Negara Sabah ia-lah Yang Terutama Dato' Mustapha bin Dato' Harun dan Ketua Menteri-nya ia-lah Yang Amat Berhormat Dato' Donald Stephens.

PEMBAHAGIAN KERJA MENTERI2 MALAYSIA.

Perdana Menteri:-

Y. A. B. Tengku Abdul Rahman Petra.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Jabatan Perdana Menteri,
Pejabat Penentuan Persekutuan,
Jabatan Museum,
Pejabat Rekod,
Pejabat Statistic.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Urusan Kabinet,
Kerja2 Parliman,
Perkara2 Perlembagaan,
Perhubongan dengan Raja2,
Warta Kerajaan Persekutuan,
Bendera Persekutuan, tanda2 kebesaran dan lain2,
Bintang, pingat2, surat2 kepujian dan lain2,
Isti'adat2 dan keutamaan,
Keselamatan Kerajaan,
Rahsia Kerajaan (Official Secret),
Perkara makan suap,
Dasar2 Ekonomik Umum,
Penasihat Ekonomi pada Menteri2,
Ranchangan Kemajuan 5 Tahun,
Ranchangan Colombo,
E. C. A. F. E.,
Statistic dan banchi2,
Perkhidmatan 'Awam Persekutuan,
Kursus Civic.

Menteri Luar:-

Y. A. B. Tengku Abdul Rahman Petra.

Jabatan di-bawah-nya:-

Jabatan Luar Negeri,
Imigereshen,
Pejabat Penguasa Haji.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Perkara2 luar negeri, termasok perjanjian persetiaan, perundingan2 dengan lain negeri, dan perhubongan Malaysia dengan negeri2 lain dalam dunia.
Pelaksanaan persetiaan, perjanjian2, dan lain2 .
Diplomatik, Konsol2, dan perwakilan perdagangan.
Pertubohan2 antara bangsa,
Dewan Malaya di-London.

Menteri Kebudayaan, Pemuda dan Sukan:-

Y. A. B. Tengku Abdul Rahman Petra.

Jabatan di-bawah-nya:-

Jabatan Kebudayaan,
Jabatan Pemuda dan Sukan.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Museum dan barang2 purbakala,
Pengawal Tempat2 Bersejarah,
Hal Ehwal Kebudayaan,
Pemuda dan Pertubohan2 Pemuda, Sukan, dan Olympic.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan:-

Y. A. B. Tun Abdul Razak bin Hussain.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Tentera Darat, Laut, Udara dan lain2 tentera bersenjata,
Maktab Tentera Persekutuan,
Majlis Tentera Bersenjata,
Tentera Tempatan,
Pertahanan 'Awam.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Pertahanan Negara Malaysia,
Medal2, pingat2 dan surat2 kepujian tentera.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:-

Y. A. B. Tun Abdul Razak bin Hussain.

Jabatan2 di-bawah-nya ia-lah:-

Kemajuan Kaum dan Kampong,
RIDA,
Jabatan Pelajaran Dewasa.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Ekonomik luar bandar, kerjasama antara Jabatan2 Persekutuan dan Jabatan2 Negeri dengan Kementerian yang berkait dengan kemajuan luar bandar.
Pelajaran dewasa.

Menteri Keewangan:-

Y. B. Tan Siew Sin.

Jabatan di-bawah-nya ia-lah:-

Jabatan Khazanah (Treasury)
Bahagian Keewangan,
Bahagian Pembayaran,
Bahagian Pentadbiran,
Bahagian Chara dan Susunan,
Penguasa Tukar Wang Luar,
Bahagian Penaksiran,
Kastam dan Eksais,
Chukai Pendapatan,
Hasil Dalam Negeri,
Simpanan Wang Pejabat Pos.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Wang Kerajaan Yang Di-satukan,
Chukai2 dan Hasil Negara,
Penguasa Perbelanjaan Negara,
Mata Wang, akuan bayaran, Wang2 Shiling,
Simpanan Kebangsaan dan Simpanan Bank,
Membuat pinjaman2,
Hutang2 Persekutuan,
Keewangan,
Chukai di-Ibu-kota,
Bank2,
Penguasa wang masok,
Tukaran luar negeri,

Capital Issue (Pengeluaran Modal) dan Stock,
Pertukaran Barang Dagangan,
Kira2 wang Persekutuan,
Insuran2,
Pendaftaran Perniagaan,
Kerosakan perang,
Loteri dan judi,
Wang Simpanan Pekerja (EPF).

Menteri Dalam Negeri:-

Y. B. Dato' Dr. Ismail bin Dato' A. Rahman.

Jabatan2 di-bawah-nya ia-lah:-

Jabatan Pendaftaran Pendudok2 dan Warganegara,
Pendaftar Pertubohan2,
Jabatan Chetak Kerajaan,
Jail,
Pegawai Penguasa,
Merinyu Jabatan Bomba,
Perkara2 Orang Asli,
Chemistry (Kimia).

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Kewarganegaraan Persekutuan,
Orang2 Asing,
Buang Negeri,
Tegahan tempat tinggal,
Kad Pengenalan,
Pendaftaran Beranak, Mati, Kahwin,
Perkhidmatan Kebangsaan,
Pendaftaran Penyewa,
Hari chuti,
Surat2 Khabar,
Perchetakan, Majallah2,
Penapis Filem, Buku Tahunan,
Persekutuan,
Jail dan tempat tahanan,
Sekolah2 Budak Jahat,
Lembaga Penasihat Tahanan,
Panggong Wayang Gambar dan lain2,

Pelelong, penilai, pajak, peminjam wang,
Penjualan barang2 sudah pakai, lesen pinjam wang, penjaja2, rumah tumpangan,
Bandar2 dan Ranchangan Bandar.

Menteri Keselamatan Dalam Negeri:-

Y. B. Dato' Dr. Ismail bin Dato' A. Rahman.

Jabatan di-bawah-nya:-

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri,
Polis, Pengarah Lembaga Keselamatan.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Keselamatan Dalam Negeri,
Ketenteraman Umum,
Polis, Pendaftaran, Jenayah, Senjata Api dan Peluru,
Perentah tahanan, hantar balek negeri,
Peperangan Semangat, Kerja2 Perisek,
Melawan Subversive.

Menteri Kebajikan Masharakat:-

Y. B. Kapitan A. Hamid Khan bin Sakhawat Ali Khan.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Gerakan Pemuda (bukan politik),
Pertubohan Wanita,
Pengawal Perempuan dan Kanak2,
Bantuan kebajikan2 kapada orang balek ka-negeri asal.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Rumah bayi2, kanak2, orang2 tua,
Kebajikan orang buta, chachat, ta' terdaya,
Bantuan kapada orang ramai (yang perlu),
Kebajikan orang2 pelarian, dan ta' berumah tangga, pengembara2, Pertubohan Sukarela yang mengenai kebajikan,
Loteri Kebajikan Masharakat, kesalahan kanak2 bawah umor, dan Pengakap serta Pengakap Perempuan.

Menteri Kesihatan:-

Y. B. Che Bahaman bin Shamsuddin.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Hospital dan Kesihatan.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Hospital, Kelinik, Gudang Ubat, Kerja2 Doktor, Tempat beranak, Kebajikan kanak2, ibu dan gigi, Sakit kusta, sakit otak, sakit berjangkit, Pertubohan Kesihatan Dunia (W. H. O.) Bantuan Kechemasan Bangsa2 Bersatu Bagi Kanak2 Antara Bangsa (U. N. I. C. E. F.).

Menteri Ke'adilan:-

Y. B. Dato' Dr. Ismail bin Dato' A. Rahman.

Jabatan di-bawah-nya:-

Jabatan Undang2,
Undang2,
Pemegang Amanat 'Umum,
Pejabat Harta Musoh.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Perkara2 yang berhubong dengan Mahkamah2 dan Undang2, orang2 yang melanggar undang2, Amanat2,
Persatuan yang berhubong dengan undang2.

Menteri Boroh:-

Y. B. Inche V. Manickavasagam.

Jabatan di-bawah-nya:-

Jabatan Boroh dan Perhubongan Perusahaan, Jentera2, Tenaga Manusia, Pendaftar Sharikat Sa-kerja.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Undang2 Boroh dan menjalankan-nya,
Perhubongan Perusahaan,
Majlis Gaji, Latehan Penyelia,

Pendaftaran Sharikat Sa-kerja,
Pertubohan Boroh Antara Bangsa,
Pepereksaan Jentera2 dan surat2 akuan-nya,
Keselamatan Perusahaan dan Kebajikan, Perumahan pekerja2 dan penggaji, Pepereksaan Jurutera2 dan Pemandu Jentera (bukan kapal) dan Kapalkotek,
Simpanan Wang Pekerja2 (EPF),
Keselamatan Masharakat Pekerja2,
Pendaftaran Pekerja2,
Pakar2 Pimpinan, Central Apprenticeship Board dan Wang Bantuan Boroh India Selatan.

Menteri Kenderaan:-

Y. B. Dato' Sa'adon bin Haji Jubir.

Jabatan2 di-bawah-nya ia-lah:-

Jabatan Keretapi,
,, Kenderaan Jalanraya,
,, Kenderaan Udara,
,, Sukatan Hawa,
,, Perkapalan,
,, Ukuran Laut.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Keretapi,
Kapal2 Perniagaan,
Surohanjaya Pelabohan Penang,
Rumah Api dan Pertolongan kapada kapal2,
Pelabohan dan pilot, kapal2 pechah,
Kenderaan sungai,
Keselamatan jalanraya.

Menteri Kerjaraya, Pos dan Talikom:-

Y. B. Dato' V. T. Sambanthan.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Jabatan Kerjaraya,
,, Pos,
,, Talikom,

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Jalan2raya Persekutuan,
Jambatan dan Feri,
Perumahan Kerajaan,
Peralatan Pejabat2 Persekutuan,
Akitek2, Bangunan2 dan Perkhidmatan Ayer.

Menteri Perniagaan dan Perusahaan:-

Y. B. Dr. Lim Swee An.

Jabatan2 di-bawah-nya:-

Kementerian Perniaga'an dan Perusahaan Bahagian2 Ekspot, Ranchangan Tanam Getah Semula Keraja'an, Bahagian2 Kemajuan Perusahaan, Chawangan Memajukan,
Pelanchong, Bahagian Perdagangan,
Penguasa Impot, Ekspot.

Perkara2 berkenaan ia-lah:—

Pendaftaran Kompeni2,
Pendaftaran Tanda2 Perniagaan,
Surohanjaya2 Perniagaan Malaysia (luar negeri),
Lembaga Letrik Pusat,
Perdagangan, Perniagaan dan Perusahaan,
Penguasa Impot dan Ekspot,
Pendaftaran Tanda2 Perniagaan,
Chap2 dan Bentok2 Chara,
Kemajuan Perusahaan,
Perkara2 yang berhubong dengan dagangan dan persetiaan, termasok Pertubohan Perdagangan Antara Bangsa,
Persekutuan 'Umum,
Perdagangan dan chukai,
Makanan2 dan lain2 keperluan pendudok2, termasok beras,
Penguasa Ekonomi dalam negeri (Bantuan harga, sukatan makanan dan lain2),
Ukuran Pertahanan Ekonomi, termasok simpanan beras dan lain2,
Tanam sa-mula getah dan tanam getah baharu,

Pasar Getah, termasok Lembaga Pendaftaran Ekspot,
Undang2 Getah, Penyelia2 dan lain2,
Research Getah,
Wang2 kutipan dari getah,
Pasar Bijeh, Perusahaan Timah,
Termasok Research dan Kemajuan-nya,
Perusahaan Nanas, Undang2 Nanas,
Perniagaan Pelanchong,
Timbangan dan Ukoran,
Minyak Petrol dan minyak2 merbahaya.

Menteri Tanah dan Galian:-

Y. A. Inche Ghazali bin Haji Jawi.

Jabatan di-bawah-nya:-

Lembaga Kemajuan Tanah,
Tanah dan Lombong,
Jabatan Ukor,
Jabatan Sukat Galian,
Binatang2 Liar (Mergastua).

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Harta2 Persekutuan yang tidak boleh di-pindah,
Taman2 Kebangsaan,
Penggunaan Tanah,
Kelulusan Tanah,
Perniagaan dan Perusahaan Letupan,
Perkara2 yang berhubong dengan tanah dan galian isi bumi.

Menteri Pertanian dan Kerjasama:-

Y. B. Che Mohamed Khair Johari.

Jabatan di-bawah-nya ia-lah:-

Jabatan Pertanian,
Jabatan Kehutanan,
Jabatan Perikanan,
Jabatan Sharikat Kerjasama,
Jabatan Haiwan,
Pemulehan Bekas Mata2 Khas,

Jabatan Parit dan Taliayer.

Perkara2 berkenaan ia-lah:-

Pertanian, Barang2 Hutan, Perikanan,
Tali2ayer, Sharikat2 Kerjasama,
Hal2 Haiwan, Bekas Mata2 Khas yang di-puleh-kan sa-mula,
Persekutuan Pertanian dan Sejarah Malaysia (M. A. H. A.),
Pertubohan Makanan dan Pertanian (F. A. O.).

LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

Lagu Kebangsaan Malaysia bernama **Negara-ku.**

Rangkapan Lagu Kebangsaan Malaysia ada tiga:-

1. Rangkapan Yang Penoh atau di-Raja. Ini ia-lah rangkapan yang di-ajar kapada kanak2 sekolah untok di-nyanyikan. Rangkapan ini juga boleh di-gunakan dalam khalayak ramai apabila di-nyanyikan atau di-bunyikan oleh pasokan pancharagam. Apabila di-gunakan sa-bagai tanda memberi hormat, maka rangkapan yang penoh hanya boleh di-gunakan untok Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada masa baginda menjalankan tugas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atau tatkala Panji2 di-Raja di-kebar menandakan Seri Paduka berangkat ada di-tempat itu.

2. Rangkapan yang mengandongi empat ayat yang mula2 di-gunakan sa-bagai memberi hormat kapada:-

a. Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

b. Tuan2 Yang Terutama Gobnor2 Melaka dan Pinang.

c. Wakil Resmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (apabila Seri Paduka Baginda di-wakili oleh sa-saorang daripada Duli2 Yang Maha Mulia Sultan2, maka Lagu Kebangsaan Negeri yang sesuai hendak-lah di-bunyikan dengan penoh-nya terlebeh dahulu dan di-ikuti dengan Lagu Kebangsaan rangka pendek.

d. Wakil2 Diplomat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-luar negeri.

3. Rangkapan pendek yang mengandongi delapan petak (bar) atau 4 ayat (berulang) yang akhir itu bagi di-bunyikan sa-bagai penutup pertunjokan kapada orang ramai atau hiboran.

LAGU NEGARA-KU

Negara-ku
Tanah tumpah-nya darah-ku
Ra'ayat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta.

DETEK2 PERKEMBANGAN SA-LANJUT PEMBENTOKAN MALAYSIA

(Sambongan muka 19).

Sunggoh pun U Thant, Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu telah mengesahkan pembentokan Malaysia itu dengan kehendak ra'ayat Sarawak dan Sabah (muka 18 dan 19), tetapi President Soekarno

meneruskan juga konperantasi-nya terhadap Malaysia. President Soekarno telah mengeluarkan satu istilah baharu "Ganyang Malaysia" yang bererti hanchorkan Malaysia.

President Soekarno telah menyeru seluroh ra'ayat Indonesia yang sa-ramai 103 juta itu supaya tampil ka-muka mendaftarkan diri menjadi sukarelawan untok mengangkat senjata mengganyang Malaysia yang berpendudok 10 juta orang ini.

Pada 13 hb. June, 1964, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Luar telah berlepas ka-Tokyo untok berunding dengan Menteri Luar Indonesia Dr. Subandrio dan Menteri Luar Philipina Moro Mindez, kerana rundingan peringkat menteri bagi menyediakan perkara yang akan di-jadikan ajinda meshuarat antara Ketua2 Kerajaan Indonesia, Philipina dan Malaysia.

Pada 15 hb. June, 1964, Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman telah berlepas ka-Tokyo dan keesokan hari-nya tiba di-Tokyo sa-telah bermalam di-Bangkok.

Pada 18 dan 19 hb. June, 1964, Meshuarat Menteri2 Luar itu pun di-adakan di-rumah kediaman Menteri Luar Jepun. Dalam meshuarat itu Tun Abdul Razak telah meneraangkan bahawa sa-bagai sharat memulakan perundingan itu Indonesia hendak-lah perentahkan gorela2-nya supaya keluar dari bumi Malaysia.

Bagi mengesahkan gorela2 Indonesia itu keluar, satu pasokan Pegawai2 Tentera Thai telah di-hantar oleh Bangsa2 Bersatu dengan persetujuan Indonesia dan Malaysia menanti di-tempat2 yang tertentu pada lima tempat di-sempadan Sarawak dan Sabah dengan Indonesia.

Pada hari perundingan Menteri2 Luar itu hanya beberapa orang sahaja gorela2 Indonesia itu keluar ka-tempat2 Pegawai Thai itu. Keadaan ini pehak Malaysia nampak nyata bahawa Indonesia tidak jujor dalam pengakuan-nya hendak mengeluarkan gorela2-nya sa-chara beransor2 itu.

Pada 20 hb. June, 1964, Sidang Ketua2 Kerajaan itu pun di-adakan juga di-rumah kediaman Menteri Luar Jepun. Dalam sidang itu President Soekarno tidak menunjokkan keikhlasan dan kejujoran-nya bagi menyelesaikan perselisehan antara Malaysia dengan Indonesia itu. President Soekorno telah tidak hadzir dalam sidang itu mengikut jadual yang di-tentukan sa-olah2 ia boleh hadzir atau tidak mengikut suka-nya, sedang Tengku Abdul Rahman dan President Macapagal ternanti2-nya.

Akhir-nya persidangan itu gagal bagitu sahaja dan pada 21 hb. June, 1964, masing2 Ketua Kerajaan itu pulang dengan tidak membawa apa2 keputusan.

Pada 24 hb. June, 1964 President Soekarno telah mengeluarkan satu kenyataan di-Jakarta bahawa Indonesia tetap mengganyang Malaysia dan Indonesia mendapat sokongan dari Russia.

Dari semenjak itu Pasokan Keselamatan Malaysia terus menerus bertempor dengan gorela2 Indonesia dalam kawassn sempadan Malaysia dan banyak gorela2 itu mati terbunoh.

Pada 17 hb. August, 1964, ia-itu di-hari Indonesia merayakan hari kemerdekaan-nya, tiba2 lebeh kurang 40 orang gorela2 Indonesia telah mendarat di-pantai Pontian, Johor. Perbuatan ini telah menjadi kenyataan yang terang kapada pendudok2 Malaya dan dunia bahawa niat Indonesia bukan hendak mengeluarkan Sarawak dan Sabah dari Malaysia, tetapi hendak mena'aloki Malaya sa-kali.

Pada hari Khamis 3 hb. September, 1964, jam 2.00 pagi sa-buah kapalterbang Indonesia telah menggugorkan 30 orang 'ashkar payongterjun-nya di-Labis, Johor, 4 daripada tentera Indonesia itu telah dapat di-bunoh dan 1 di-tawan.

Pada 4 hb. September, 1964, Undang2 Dzarurat telah di-mashhorkan di-seluroh Negara.

2 2 MAY 1984

Kerana kechintaan ra'ayat Malaysia kapada negera-nya, pendudok2 Pontian memberi kerjasama yang rapat kapada Pasokan Keselamatan dan akhir-nya 11 orang dari gorela2 bersenjata itu telah di-bunoh dan 17 orang dapat di-tawan.

Kejadian di-Pontian ini menjadi ingatan kapada Soekarno bahawa ra'ayat Malaya tidak menyokong konperantasi-nya.

Tammat